

**Bil. 41**

**Selasa  
2 November 1999**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Ruangan 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Ruangan 18)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2000	(Ruangan 18)
<b>USUL:</b>	
Anggaran Pembangunan 2000	(Ruangan 18)

## AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan Pertama, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato’ Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Haji Mustapa bin Mohamed, S.I.M.P., D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Panglima Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.C.M., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ir. Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K, A.S.D.K., P.J.N. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.D.K., P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato’ Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., J.P., P.J.C., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., J.S.M., P.M.P., K.M.N., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M., D.M.P.N., D.S.A.P. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Idris bin Jusoh, D.P.M.T., P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.D.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria P.J.K. (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

## Yang Berhormat Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timur)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)

## Yang Berhormat Tuan Jimmy Donald (Sri Aman)

- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Ir. Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Ir. Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)

Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)

- “ Tuan Haji Noh bin Omar, K.M.N., J.P., A.S.A., P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paulis Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Meringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT**  
**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman : Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman : Ruhana binti Abdullah : Riduan bin Rahmat

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah : Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. : Hajah Supiah binti Dewak : Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  : Mohamed bin Osman : Hajah Norishah binti Mohd. Thani : Shamsina binti Janor  : Ramlah binti Mohd. Yusuff : Noor Effarizan binti Mat Satib : Nurziana binti Ismail : Azita binti Nawī : Nik Elyana binti Ahyat : Taharah binti Mohamed : Jamilah Intan binti Haji Bohari
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali : Mejar (B) Zakaria bin Salleh : Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
-------------------	---	---

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Selasa, 2 November 1999

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)

*mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat manakah seriusnya guru-guru memukul atau mencederakan murid-murid dan apakah tindakan-tindakan yang boleh dikenakan terhadap guru berkenaan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan laporan yang diterima oleh Kementerian Pendidikan kes guru memukul atau mencederakan murid belum mencapai ke tahap yang serius. Mengikut Peraturan-peraturan Pegawai Am Kelakuan dan Tatatertib 1993 sekiranya terbukti bahawa seseorang guru telah memukul atau mencederakan murid, tindakan tatatertib boleh diambil terhadapnya kerana telah melanggar tata kelakuan yang buruk serta mencemarkan nama baik perkhidmatan awam.

Kes-kes guru yang telah diambil tindakan antara tahun 1995 hingga sekarang adalah seperti berikut:

- (i) empat kes menampar atau memukul murid – tindakan yang telah diambil ialah memberi amaran, denda ataupun turun gaji;
- (ii) tiga kes rogol pelajar – tindakan yang telah diambil ialah membuang kerja guru-guru yang terlibat;
- (iii) dua kes mencabul kehormatan pelajar – tindakan yang diambil ialah buang kerja dan turun pangkat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat juga kes-kes yang diselesaikan di luar mahkamah dan tidak dilaporkan kepada Kementerian Pendidikan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah sebarang kelakuan jenayah di sebaliknya iaitu murid-murid pukul guru. Jika ada, sila terangkan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, kes-kes di mana melibatkan murid-murid memukul pun ada berlaku.

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada laporan-laporan termasuk dalam akhbar menyatakan kejadian memukul ada berkaitan dengan politik. Setakat manakah kebenaran ini dan jika benar didapati memukul atau tindakan-tindakan yang berbentuk antikerajaan adalah kerana unsur-unsur politik, apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, saya setakat ini tidak sedar, tetapi kalau sekiranya ada kejadian ataupun maklumat yang sebegitu sila maklumkan.

2. **Tuan Asmat Nungka [Beluran]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan tentang tahap keseriusan jenayah juvana di negara kita dan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam usaha membendung fenomena ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Malaysia sentiasa prihatin terhadap keseriusan jenayah juvana di negara ini. Perkara ini dapat dilihat melalui peningkatan bilangan juvana bersalah di semua mahkamah daripada tahun 1996 hingga 1998 iaitu daripada 4,211 kes tahun 1996, 4,590 kes pada tahun 1997; dan 6,338 kes pada tahun 1998 di seluruh negara.

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mengambil langkah-langkah yang bersepadu bagi membendung fenomena ini iaitu dengan memberi perkhidmatan program pemulihan, perlindungan dan pencegahan bagi kumpulan juvana.

Selain daripada itu, kementerian terus meningkatkan usaha memperkukuhkan institusi keluarga di bawah program Kemantapan Keluarga secara jangka panjang, Pasukan Perlindungan Kanak-kanak dan Jawatankuasa Kebajikan Juvana sama ada di peringkat negeri, daerah atau kawasan yang berisiko tinggi, terus menganjurkan program dan aktiviti yang berbentuk pembinaan insan kanak-kanak, remaja dan pendidikan sosial melalui seminar, ceramah dan dialog.

Gerakan Keluarga Bahagia dan perayaan Hari Keluarga Kebangsaan masih diteruskan. Ini bertujuan mengeratkan hubungan kekeluargaan sebagai usaha memupuk dan menentukan kesejahteraan hidup kekeluargaan dan memastikan perkembangan sihat dan kesejahteraan kanak-kanak dalam sesuatu keluarga. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara pula memberikan perkhidmatan pembangunan keluarga melalui kaunseling keluarga, khidmat pakar, pakej pembangunan keluarga dan kajian berhubung dengan permasalahan keluarga.

Di samping itu, perkhidmatan sokongan bagi kanak-kanak dan keluarga di kawasan yang berisiko tinggi diberikan melalui penubuhan pusat aktiviti kanak-kanak. Di samping itu, program perkhidmatan kekeluargaan dijalankan sebagai aktiviti-aktiviti sokongan sama ada secara langsung atau tidak langsung di bawah program-program perpaduan keluarga seperti Jiran Wanita, Jiran Muda, aktiviti kanak-kanak tabika dan program-program kekeluargaan Orang Asli.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat fakta yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi daripada tahun 1996, 1997 dan 1998 ternyata sekali jumlah juvana yang terlibat dalam masalah ini masih meningkat dan program-program yang ada dilakukan oleh kerajaan nampaknya kurang mendapat kesan. Jadi, persoalan saya apakah pemikiran baru telah diadakan ataupun program-program baru untuk mendatangkan lebih kekesanan lagi untuk menangani masalah juvana ini?

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui agensi-agensinya khasnya Jabatan Kebajikan Masyarakat berbelanja lebih daripada RM5 juta dalam tahun 1997 dan 1998 dan suku tahun 1999 untuk melaksanakan pelbagai aktiviti dan program yang bertujuan menangani masalah sosial bagi kumpulan juvana. Untuk suku tahun 1999 sebanyak 104 aktiviti dilaksanakan dan yang paling banyak ialah untuk kumpulan juvana.

Selain daripada aktiviti-aktiviti yang disebutkan dalam jawapan asal saya, aktiviti-aktiviti yang terbaru yang dilaksanakan oleh kementerian melalui agensi-agensinya khasnya jawatankuasa juvana di peringkat daerah dan kawasan ialah mulai Jun tahun ini

kita melaksanakan dua program baru. Program-program tersebut ialah Sudut Pertemuan Remaja. Ini ialah *Thought-in Centre* untuk kumpulan juvana di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi. Objektif program ini ialah untuk memberi kemudahan kepada mereka yang terlibat dalam jenayah-jenayah juvana dan mereka yang keluar dari Rumah Tunas Bakti dan lain-lain pusat tahanan atas perintah mahkamah bila mereka balik ke masyarakat.

Tujuan pusat-pusat ini ialah untuk menolong mereka dari segi aktiviti-aktiviti dan kaunseling-kaunseling dan lain-lain perkhidmatan untuk memberi sokongan kepada mereka balik ke pangkuan masyarakat. Jumlah peruntukan yang diperuntukkan untuk Sudut Pertemuan Remaja ialah RM494,000 dan ini dilaksanakan oleh Jawatankuasa Juvana di 13 buah negeri di seluruh negara mulai bulan Jun tahun ini. Selain daripada ini, kita juga laksanakan satu lagi program yang bernama Program *Mantor-Mantee*. Ini ialah untuk memberi perkhidmatan kaunseling kepada mereka yang keluar dari pusat-pusat tahanan khususnya mereka yang berumur dari 10 hingga 18 tahun yang dituduhkan di bawah Akta Juvana dan program ini pun seperti Program Sudut Pertemuan Remaja dilaksanakan oleh Jawatankuasa Juvana di peringkat daerah dan di peringkat kawasan dan mereka dibantu oleh golongan-golongan NGO khususnya B4. Dan untuk program ini, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memperuntukkan sebanyak RM1,400.

Kita harap dengan program-program ini, kes-kes juvana bersalah menurun dalam masa akan datang. Kita sudah ada angka-angka yang menunjukkan bahawa untuk tahun ini untuk enam bulan pertama, kes-kes yang berkait dengan juvana sudah diturunkan kepada 2,200 lebih kes kalau dibandingkan dengan tahun 1998.

3. **Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah bantuan yang telah diberikan kepada pihak peneroka bandar yang mengalami pengusiran paksaan oleh pihak berkuasa tempatan bagi mencapai matlamat 'setingan sifar' dalam dekad pertama alaf baru.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya yang dimaksudkan dengan peneroka bandar itu adalah setingan, dasar kerajaan adalah tidak memberi bantuan kewangan kepada setingan yang terlibat dengan projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, mereka akan diberi keutamaan untuk tinggal di rumah-rumah panjang dan membeli rumah-rumah kos rendah yang disediakan.

Pihak kerajaan juga tidak berhasrat untuk mengusir setingan secara paksaan bagi mencapai matlamat setingan sifar dalam dekad pertama alaf baru.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada benar bahawa satu perintah atau arahan telah pun dibuat oleh mesyuarat Jemaah Menteri tidak lama dahulu di mana pihak-pihak berkuasa tempatan telah pun dinasihati atau diarahkan supaya menangguhkan segala tindakan penguatkuasaan seperti meroboh rumah setingan di kawasan-kawasan tertentu yang terlibat dalam projek kerajaan, melainkan projek-projek yang perlu disegerakan. Tindakan penguatkuasaan itu haruslah dilakukan semula selepas pilihan raya umum yang akan datang. Adakah ini benar dan jika ya, apakah motif dan sebabnya.

**Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana bertanya soalan tersebut. Sekiranya jawapan yang akan saya beri ialah ya, maknanya kita tangguhkan sebabnya ialah kerana apabila kita hendak bangunkan Kuala Lumpur, kita terpaksa juga memindahkan setingan-setingan. Tetapi parti pembangkang yang juga mahu Kuala Lumpur dibangunkan, pada masa yang sama mereka memainkan sentimen setingan-setingan mengatakan bahawa kerajaan tidak berperikemanusiaan merobohkan rumah-rumah setingan. Dalam masa yang sama mereka mahu Kuala Lumpur dibangunkan tetapi dalam masa yang sama juga mereka memainkan sentimen emosi setingan-setingan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kepada kerajaan kita akan memindahkan setinggan-setinggan ini apabila kita terpaksa membangunkan tanah di mana setinggan-setinggan ini berada. Misalnya pada masa yang lepas apabila setinggan yang terlibat dengan projek-projek infrastruktur seperti pembesaran jalan raya, pembinaan lebuhraya, pelebaran dan pelurusan sungai dan pembangunan semula tanah-tanah kerajaan di Kuala Lumpur, mereka akan dipindahkan dan diberikan kediaman alternatif sama ada rumah pangsa kos rendah ataupun rumah panjang. Dasar ini telah pun dilaksanakan sejak tahun 1970-an lagi. Setakat ini kerajaan dan kalau di Kuala Lumpur DBKL khususnya tidak menghadapi masalah yang berat bagi tujuan untuk membangunkan semula kawasan-kawasan setinggan ini.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya belum dijawab lagi. Yang dijawab itu tidak ada kena-mengena dengan soalan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada apa-apa tambahan.

**Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau dia fahamkan tadi, saya kata kalau jawapan saya itu ya. Maknanya kalau kita tangguhkan hanya kerana pembangkang akan menggunakan isu ini, memainkan sentimen, mereka yang tinggal di kawasan sentimen. Maknanya jawapannya tidaklah. *[Ketawa]*

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa pendekatan Kerajaan Barisan Nasional ialah untuk pembelaan rakyat. Jadi, tuduhan oleh penyوال asal tadi bahawa pengusiran paksaan adalah satu tuduhan yang lebih merupakan political dan sama sekali tidak mempunyai etika. Jadi, ia lebih merupakan berbau politik untuk negatif untuk memancing undi bagi parti pembangkang. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri dalam soal ini?

**Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya cukup setuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Kangar tadi. Malahan daripada segi kerajaan, pada petang ini pun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan melancarkan satu lagi projek untuk kawasan-kawasan bandar dimulai dengan DBKL iaitu Pusat Rahmat yang akan dilancarkan oleh TPM, dikelolakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang projek ini akan memastikan nasib mereka yang tinggal dalam kawasan DBKL dapat diberi pilihan melalui skim pinjaman ataupun projek di bawah kelolaan Pusat Rahmat ini.

4. **Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]** Minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:-

- (a) jumlah kos dan panjang jalan mengikut negeri; pembinaan Projek Jalan Kampung (PJK) dan Konsep Payung pada tahun 1999 serta prestasi Syarikat Payung; dan
- (b) unjuran tahun 2000, jumlah kilometer/rantai dan kos mengikut negeri bagi Projek Jalan Kampung (PJK) dan adakah Konsep Payung akan diteruskan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada tahun 1999, sebanyak 2,600 Projek Menaik Taraf Jalan Kampung sepanjang 2,774.345 kilometer dengan jumlah kos

RM226.94 juta telah dilaksanakan di seluruh negara. Pada keseluruhannya prestasi syarikat-syarikat payung adalah memuaskan dan dapat memenuhi matlamat kerajaan untuk membina jalan yang berkualiti dalam tempoh masa yang singkat.

- (b) Dalam tahun 2000, kementerian menjangkakan sepanjang 1,772.433 kilometer jalan lagi dapat dinaikkan taraf dengan anggaran kos sebanyak RM140.14 juta. Bagi angka pecahan senarai mengikut negeri, itu adalah satu senarai yang panjang, saya boleh kemukakan kepada Yang Berhormat.

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah peruntukan Projek Jalan Kampung bagi negeri Sarawak pada tahun 2000 dan adakah kementerian bercadang supaya Projek Jalan Kampung ini akan diberi terus kepada syarikat payung tempatan sahaja?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2000, kita memperuntukkan sebanyak RM20.11 juta untuk menaik taraf 223.44 kilometer jalan di Sarawak dan pelaksanaan mengikut sistem payung akan disambung.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan yang telah diberikan bahawa konsep payung ini berjalan dengan baik, pada keseluruhannya prestasi syarikat-syarikatnya memuaskan tetapi di kawasan saya di Kota Bharu itu, saya dapati beberapa 'anak syarikat payung' yang tidak menjalankan tugasnya dengan baik. Sepatutnya pelaksanaan projek-projek diselesaikan hujung bulan Oktober, ada yang tidak memulakan projek ini dan sekarang ini musim tengkujuh dan ini akan menjejaskan mutu pelaksanaan.

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat datang dari Kelantan, Dato' Menteri pun datang dari Kelantan juga, dialah 'taiko' pelaksanaan. Sehingga sekarang saya sebagai Timbalan Menteri tidak menerima apa-apa aduan atau laporan daripada mana-mana pihak. Walau bagaimanapun, saya memberi jaminan selepas ini saya pergi ke pejabat dan siasat kalau ada apa-apa kekurangan, saya akan membetulkan.  
[Sorak][Tepuk]

*[Soalan No. 5 - Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan (Keningau) tidak hadir.]*

6. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan pusat-pusat peranginan terutamanya di tanah tinggi sentiasa dijaga akan kebersihannya selaras dengan dasar penggalakan pelancongan yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Mohd Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan tahap kebersihan, kementerian telah menggariskan beberapa pendekatan termasuk mengeluarkan garis panduan kebersihan kepada pihak berkuasa tempatan serta menubuhkan beberapa jawatankuasa kerja di peringkat kementerian. Bagi memastikan kebersihan sentiasa diamalkan oleh pihak berkuasa tempatan, pegawai-pegawai kanan kementerian telah dan akan membuat lawatan berterusan untuk memeriksa tahap kebersihan kemudahan-kemudahan awam terutama di tempat-tempat yang dikunjungi oleh pelancong.

**Dr. G. Leelavathi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun banyak publisiti yang diberikan di luar negara tentang destinasi pelancongan menarik seperti Cameron Highlands, namun apabila pelawat ataupun pelancong asing datang ke negara

kita, masalahnya tempat tersebut kurang menyenangkan kerana persekitarannya agak kotor serta banyak lalat. Apakah tindakan pihak kementerian bagi mengatasi masalah ini supaya imej negara kita tidak terjejas.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan tadi, kementerian memang bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa tempatan, di samping itu juga rakyat di peringkat akar umbi harus bekerjasama untuk mempertingkatkan usaha ini. Kerajaan sendiri tidak akan berjaya untuk menyediakan tempat yang begitu bersih. *Civic minded* juga, dengan izin, di kalangan masyarakat juga harus ada kerana kadang-kadang kita menyediakan pelbagai kemudahan dan juga tempat-tempat yang selesa untuk masyarakat membuang sampah tetapi kita dapati di setengah-setengah tempat, masih ada tempat-tempat yang kita tidak berpuas hati dengan keadaannya.

Maka, dengan itu kita sentiasa memberi penekanan, arahan dan juga menghantar pegawai-pegawai untuk memastikan setiap tempat khususnya tempat-tempat yang sering dikunjungi oleh pelancong, walaupun setengah-tengah negara seperti Melaka yang dahulu tidak begitu baik, pada hari ini tempatnya begitu bersih dan indah. Ada setengah-setengah tempat lagi masih kita lihat tidak begitu memuaskan. Berkenaan itu, pihak kementerian masih tidak berpuas hati dengan keadaan ini. Kita berusaha tetapi usaha ini seperti yang saya nyatakan harus disempurna dan dijayakan oleh semua pihak – pihak kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan rakyat juga harus memberi kerjasama.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai *civic minded* untuk menjaga kebersihan ini, saya masih ingat pada satu ketika, kementerian ada mencadangkan supaya kalau ada orang yang tidak menjaga kebersihan mungkin dikenakan *community* ataupun *social service*, kalau tidak salah saya. Jadi, macam mana cadangan tersebut pada hari ini, sama ada kita hendak laksanakan ataupun ada pandangan yang lain?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, memang *punishment is one of the way*, cara, mekanisme untuk kita hendak mengambil tindakan kepada pihak-pihak tertentu tetapi *punishment alone will not be able to entice people to do what we want them to do*, dengan izin, tetapi pada hakikatnya beberapa langkah termasuklah seperti apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Kluang tadi, memang dalam pertimbangan pihak kementerian untuk mengambil tindakan-tindakan tertentu kepada pihak-pihak berkuasa tempatan. Mana-mana pihak berkuasa tempatan yang tidak mengambil kira tentang kebersihan ini, kemudahan kita beri pada tiap-tiap tahun seperti sedikit sebanyak peruntukan atau bantuan untuk usaha membersihkan kawasan-kawasan mereka, kalau kita dapati tempat-tempat ini tidak dapat dilaksanakan, maka peruntukan itu kita boleh kaji semula pemberiannya termasuklah seperti Yang Berhormat sebutkan tadi dalam pertimbangan kita.

7. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan:-

- (a) apakah rasional majlis daerah dan majlis perbandaran dikenakan caj kadar komersial dalam bayaran penggunaan elektrik untuk lampu jalan sedangkan kemudahan ini merupakan satu perkhidmatan masyarakat; dan
- (c) jumlah bil elektrik yang terhutang oleh jabatan kerajaan. Sila senaraikan 10 penghutang yang terbesar.

**Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar tarif yang diluluskan kepada Tenaga Nasional Berhad dikategorikan mengikut sektor domestik, komersial, industri, perlombongan

dan lampu awam. Semua lampu jalan kepunyaan majlis daerah atau majlis perbandaran dikenakan tarif lampu awam. Tidak ada lampu jalan milik majlis daerah atau majlis perbandaran yang dikenakan kadar komersial;

- (b) TNB menanggung hutang jabatan kerajaan sebanyak RM173 juta pada 30 September tahun ini dan 10 penghutang terbesar jabatan kerajaan ialah:-
- (i) Jabatan Bekalan Air;
  - (ii) Kementerian Pendidikan;
  - (iii) Kementerian Kesihatan;
  - (iv) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur;
  - (v) Kementerian Pertahanan;
  - (vi) Polis Diraja Malaysia;
  - (vii) Jabatan Hal Ehwal Agama Islam;
  - (viii) Kementerian Belia dan Sukan;
  - (ix) Istana Negara; dan
  - (x) Majlis Sukan Negara.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah perbezaan antara kadar lampu awam dan juga kadar komersial dan apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengutip hutang yang begitu besar?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, bagi kadar lampu jalan ada dua kadar. Satu ialah dengan penyelenggaraan lampu jalan yang dijalankan oleh Tenaga Nasional, kadarnya ialah RM17.3 termasuk penyelenggaraan. Kalau penyelenggaraan dijalankan oleh pihak majlis berkuasa tempatan, kadarnya cuma RM10.8 sahaja kalau dibandingkan dengan kadar komersial sebanyak RM28.8. Ini memang merupakan satu perbezaan yang cukup besar.

Bagi soalan tambahan kedua Yang Berhormat, tentang langkah-langkah bagi Tenaga Nasional untuk mengutip semula tunggakan ataupun hutang oleh jabatan kerajaan yang agak besar, sungguhpun tunggakan ini agak besar tetapi oleh kerana sebahagian besar tunggakan ini jangkamasanya adalah antara 1 hingga 3 bulan sahaja. Misal kata, kesepuluh jabatan kerajaan yang saya sebutkan tadi, jumlah tunggakannya ialah RM67 juta tetapi antara RM67 juta ini, RM48.7 juta ataupun hampir 18% ini adalah satu hingga tiga bulan sahaja tunggakannya. Maka, ia tidak merupakan satu perkara yang serius. Tunggakan yang lebih satu tahun ini amat kecil sekali, lebih kurang RM2 juta. Oleh kerana itu, ia tidak merupakan satu keadaan yang sangat mengkhawatirkan. Maka, kita akan menurut langkah-langkah biasa sahaja dan saya yakin, jabatan-jabatan kerajaan akan menjelaskan semua bil ini bila tiba masanya.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai tunggakan majlis-majlis daerah kepada TNB tentang bil lampu jalan ini, pada pandangan saya, kadangkala pemasangan lampu jalan ini ditanggung oleh pihak TNB tetapi kadangkala tentang kerosakannya, misalnya lampu jalan itu hidup 24 jam, sebenarnya ia cuma kena ada pada waktu malam tetapi ia hidup 24 jam, ini merupakan satu pembaziran kepada pihak kerajaan tempatan untuk menanggung kerugian itu.

Jadi, adakah kementerian akan menasihatkan kepada pihak TNB supaya kalau kita lihat dari segi bil yang ditanggung oleh pihak majlis begitu tinggi, misalnya sepatutnya satu bulan mungkin RM10,000 dan oleh kerana kerosakan itu menyebabkan ia meningkat. Jadi, kalau ada bukti sedemikian, adakah pihak TNB akan mengurangkan kos itu supaya pihak majlis dapat menanggung kerugian itu.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar ataupun hampir semua lampu jalan hidup antara pukul 6.30 petang hingga pukul 7.00 pagi. Yang hidup selama 24 jam ini saya fikir ini merupakan *isolated case* sahaja. Walau bagaimanapun, pihak saya akan mengingatkan dan menasihati pihak TNB untuk mengelakkan perkara ini daripada berlaku. Kalau Yang Berhormat pada masa hadapan ada nampak lampu jalan hidup selama 24 jam, sila beritahu kepada pihak saya dan saya akan memberitahu kepada TNB supaya ia tidak berlaku lagi.

8. **Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk meningkatkan lagi usaha untuk membangun rumah-rumah murah untuk rakyat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, dasar perumahan ialah untuk memastikan rakyat terutama golongan berpendapatan rendah menikmati kemudahan perumahan yang mencukupi dan selesa. Kerajaan akan meneruskan lagi usaha untuk membangunkan rumah-rumah murah untuk rakyat. Sebagai contoh, di bawah Projek Perumahan Awam Kos Rendah, matlamat kerajaan pada Rancangan Malaysia Ketujuh ialah untuk membina sebanyak 50,600 unit rumah dan melibatkan sebanyak 176 projek. Projek ini dilaksanakan melalui pinjaman kepada kerajaan negeri. Sehingga kini sebanyak 13,307 unit rumah telah siap dan sebanyak 23,105 unit lagi dalam pembinaan sementara 74 projek yang melibatkan 22,342 unit rumah sedang dalam proses pelaksanaan. Banyak lagi rancangan termasuklah program-program penggalakan mengadakan program perumahan untuk sewaan terutama di kawasan bandar bagi mereka yang telah berkeluarga dan pelbagai.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan tahniah di atas program yang diwujudkan oleh kerajaan untuk membantu rakyat memiliki rumah. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu masalah yang timbul adalah dari segi *maintenance* rumah-rumah terutamanya rumah pangsa yang disewakan kepada rakyat. Saya dapati ini berbeza dengan negara sebelah yang mana kita tengok keadaan *maintenance* rumah-rumah flat ini dalam keadaan yang memuaskan berbeza dengan keadaan rumah-rumah yang disewakan terutamanya rumah pangsa di negara kita. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah program berhubung dengan *maintenance* iaitu kawal selia dan pembaikan rumah-rumah yang mana dalam keadaan yang begitu teruk.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu persoalan yang penting dan baik sekali dan kita memang mengakui dalam keadaan penyediaan rumah-rumah yang dibina khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan di mana kita menggalakkan pada tahun ini supaya pembinaan sebanyak 35,000 unit rumah kos rendah dan penyelenggaraan itu adalah merupakan satu masalah yang agak sulit dan kita sedang meneliti perkara ini untuk kita cuba membuat satu pendekatan sama ada kita menyediakan tabung ataupun bagaimana caranya untuk kita menghadapinya. Memang kita mengenal pasti bahawa permasalahan ini adalah satu permasalahan yang boleh menjejaskan penyediaan perumahan kos rendah dan di Wilayah Persekutuan sendiri mereka telah memaklumkan kepada kita mereka terpaksa membelanjakan sebahagian besar peruntukan setiap tahun untuk menyelenggara perumahan kos rendah ini. Kita dalam perhatian.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. *[Diganggu]* Janganlah cakap banyak, soalan. Diam-diam dahulu, senyap dahulu. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat, walaupun baru sahaja di dalam jabatannya, terangkan peratusan rumah yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sejak 1996 sampai sekarang, peratusan prestasi yang disediakan oleh pihak kerajaan, pihak projek kerjasama dan pihak swasta sampai sekarang dan apabila unit-unit ini disediakan seperti disebutkan lebih 12,000 unit ini, apakah peratusan disalurkan melalui parti-parti komponen Barisan Nasional *[Sorak]* yang kurang rasional. *[Ketawa]* Ya, ini memang.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Masuk MCA lah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kurang rasional. Tuan Yang di-Pertua, sebelah itu pun ada ramai Ahli Parlimen yang tidak berpuas hati dengan keadaan. Banyak, terutamanya mengenai olahraga sekarang. *[Menghala ke arah Yang Berhormat bagi Jempol]* *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, jangan melarat ya. Ya, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bolehkah Yang Berhormat, sebagai Timbalan Menteri dari Sabah menjawab dengan tepat kerana tidak payah takutlah.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak pernah takut soal jawab, ini hendak takut fasal apa? *There is nothing to be afraid to answer the question raised by any of the opposition party anyway.* *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut tadi, salah satu contoh mungkin Ahli Yang Berhormat bagi Kepong ini dia tidak dengar walaupun dia doktor kulit tetapi telinga bermasalah. Saya sudah jelaskan tadi dalam contohnya, projek perumahan awam kos rendah kerajaan, sasaran kita sebanyak 58,600 unit dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, itu sebagai contoh, kalau hendak detail ia akan mengambil masa, saya boleh jawab secara bertulis tentang projek-projek yang lain, yang sedang dalam pelaksanaan dan dalam pemberian kepada orang hendak menduduki rumah-rumah ini, kita tidak mengira sama ada ia sokong atau tidak sokongkah. Kadang-kadang di Wilayah Persekutuan, kita membina rumah kos rendah target 35,000 unit dan dipindah daripada kawasan-kawasan setinggan dan di kawasan setinggan pun bendera PAS pun ada, kita tahu, tetapi kita hendak menyediakan perumahan kos rendah kepada yang berhak, tidak kira sama ada ia sokong atau tidak sokong tetapi perumahan perlu diberikan, inilah kerajaan yang berwajib bukan seperti parti pembangkang, kalau imamnya UMNO tak halal, tak sah, tetapi mereka lupa di Mekah itu orang yang jadi imam bukan ahli PAS pun, datang dari India. *[Ketawa]* Takkan tak sah sembahyang kita?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Belum jawab lagi, prestasi.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Hai, Kepong cukuplah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh, Yang Berhormat Kota Tinggi kata prestasi sudah merosot.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Cukuplah Yang Berhormat!

9. **Tuan Haji Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah rasionalnya bank-bank perdagangan masih lagi menunjukkan kerumitan untuk memberi pembiayaan kepada peminjam-peminjam bagi

membantu mudah tunai dan kecairan pasaran dalaman. Sejauh manakah bank sedar bahawa kerajaan telah banyak membantu mereka semasa kegawatan ekonomi sebelum ini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, dakwaan bahawa bank perdagangan masih sukar memberi pinjaman adalah tidak tepat. Sejarar dengan suasana mudah tunai yang semakin pulih, jumlah pinjaman yang telah diluluskan oleh bank perdagangan juga telah meningkat dua kali ganda. Bagi sembilan bulan pertama tahun ini, bank perdagangan telah meluluskan sejumlah RM58.1 bilion berbanding dengan RM29.6 bilion bagi tempoh yang sama tahun lalu.

Di samping itu, bilangan pinjaman yang tidak diluluskan adalah amat kecil iaitu hanya 2% daripada jumlah pinjaman yang dipohon sepanjang sembilan bulan tahun ini. Sebahagian besar daripada pinjaman yang tidak diluluskan tersebut adalah disebabkan profil kredit pemohon yang kurang memuaskan atau projek ataupun perniagaan yang perlu dibayar tidak berdaya maju.

10. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah penglibatan Malaysia dalam pembinaan Terusan Kra yang menghubungkan Lautan Hindi dan Teluk Thailand. Apakah kesan terhadap ekonomi dan alam sekitar negara ini sekiranya Terusan Kra menjadi kenyataan.

**Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini berserta dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Mahmud pada 15 November 1999.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Thailand belum pernah membangkitkan isu ini secara rasmi atau tidak rasmi dengan Malaysia. Isu ini juga belum pernah dibangkitkan di peringkat Asean. Walau bagaimanapun, kerjasama dua hala di antara Thailand dengan Malaysia adalah secara berterusan. Kerjasama ini juga dilakukan melalui pembangunan pertumbuhan tiga segi (IMT-GT), kerjasama ini telah membantu menyumbangkan pembangunan sosio ekonomi kedua-dua belah pihak khususnya di kawasan sempadan Malaysia/Thailand.

Kerjasama ini adalah selaras dengan konsep '*prosper thy neighbor*', dengan izin, yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Kalau ia mempunyai kesan kepada ekonomi dan juga alam sekitar, ia akan dibincangkan di peringkat Suruhanjaya Kerjasama Dua Hala di antara Malaysia dan Thailand.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kos yang dianggarkan untuk projek tersebut dan juga bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, apabila kita adakan projek yang mempunyai implikasi dan konsekuensi yang besar, terlebih dahulu kita mesti berunding dengan negara-negara serantau ini supaya kita dapat satu persetujuan ataupun satu konsensus ataupun satu perasaan yang tidak tersinggung kerana tindakan dwi negara ini.

**Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya nampak soalan tambahan ini menunjukkan Yang Berhormat cuba hendak bercakap berkenaan dasar luar tanpa faham. Soalannya tadi, saya telah nyatakan perkara ini belum lagi timbul, jadi soal kos saya tidak bangkitkan, kalau ia mempunyai kesan terhadap mana-mana negara jiran, ia akan dibincangkan secara bersama ataupun di peringkat Asean, kita tidak pernah menidakkan kesannya kalau ia melibatkan negara-negara lain, sentiasa dilakukan sebagai jiran dan juga di dalam rantau Asean.

11. **Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada konsep sekolah bestari akan dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan terus memperluaskan konsep sekolah bestari secara berperingkat-peringkat ke seluruh negara dan menjangkakan akhirnya semua sekolah akan menjadi sekolah bestari. Bagi sekolah-sekolah rendah, pihak kementerian telah memilih lima buah sekolah rendah rintis untuk pelaksanaan sekolah bestari. Sekolah-sekolah itu adalah seperti berikut:-

- (i) Sekolah Kebangsaan Seri Bintang Rendah I, di Kompleks Sekolah Bestari Seri Bintang;
- (ii) Sekolah Kebangsaan Seri Bintang Rendah II, di Taman Shamelin Perkasa;
- (iii) Sekolah Kebangsaan Kompleks Batu Permai, di Kompleks Batu Permai, Jalan Ipoh;
- (iv) Sekolah Kebangsaan Putrajaya; dan
- (v) Sekolah Kebangsaan Putrajaya II.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri ini, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri cerita fasal sekolah-sekolah bestari ini, saya dengar semua sekolah dalam kawasan bandar, ibu negara, jadi hak yang belah-belah Yan ini macam mana? Hak sekolah-sekolah luar bandar ini macam mana? Depa pun hendak bestari juga.

Jadi, bilakah kerajaan akan menjalankan program seperti ini, saya tahu constraint kewangan, tetapi ambil satu di bandar dan satu di luar bandar, jadi menseimbangkan, barulah di sini kita dapat lihat dari segi kemajuan budak-budak sekolah. Jadi, adakah kementerian akan menghentikan dengan serta-merta buat sementara waktu dan tumpu bestari ini di luar bandar, kaji semula? Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya berikan maklumat-maklumat ini supaya kita semua jelas betul-betul tentang pelaksanaan sekolah bestari ini. Dari segi dasarnya perluasan semua sekolah untuk menjadi sekolah bestari akan dibuat menjelang tahun 2005, maknanya dari sekarang kita harap menjelang tahun 2005 semua sekolah yang berjumlah hampir 9,000 akan jadi sekolah bestari. Jadi, terangkum semua termasuk di Yan, termasuk di Jempol, itu yang pertama.

Yang kedua, bekalan komputer dan perisian, sekarang ini kita telah kenal pasti ada 90 buah sekolah bestari yang kita sudah buat makmalnya dan pembekalan komputer ini akan dibuat secara berperingkat-peringkat dan kerja ini kita harap selesai menjelang bulan Julai 2002.

Bekalan perisian komputer itu akan kita buat secara empat peringkat:

- (i) bulan April 2000;
- (ii) bulan November 2000;
- (iii) bulan April 2001; dan
- (iv) bulan November 2001.

Point yang seterusnya, yang saya hendak sebutkan sebelum Tanjong tanya ...

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Saya tahu! Ratio komputer dengan murid yang akan kita bekalkan, kita bekalkan ini pada peringkat tahap B, sekolah-

sekolah bestari yang kita buat ini pada tahap B dahulu, belum sampai tahap A. Jadi, satu makmal kita akan bekalkan 21 buah komputer, di pusat sumber sekolah itu kita bekalkan sepuluh buah komputer; bilik guru – tiga komputer; pejabat pentadbiran – tiga buah komputer dan ada dua buah komputer lagi untuk notebook, maknanya setiap sekolah itu akan ada 39 buah komputer.

Guru, pada tahun 1998 kita latih 422 orang; tahun 1999 – 561 orang; jumlahnya 983 orang, ini guru-guru yang mengikuti kursus-kursus dalam perkhidmatan selama 14 minggu. Selain daripada 983 ini, ada 30,000 lagi guru yang sudah pun mempunyai basic knowledge on computer. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, apabila saya masuk ke Dewan yang mulia ini, saya terperanjat dengar baru lima sekolah bestari dilaksanakan walhal pada awal tahun ini sasaran ialah 90 sekolah bestari, sekarang sudah bulan November, satu tahun sudah habis, peratus pencapaian ialah 5%, bukankah ini satu kegagalan yang besar dan sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa sampai tahun 2005 semua sekolah – 9,000 sekolah akan menjadi sekolah bestari, kalau dengan peratus pencapaian 5% mungkin kita perlu lagi 100 tahun, masa itu tahun 2005 Yang Berhormat tidak ada di sini lagi, mungkin dalam Dewan Negara.

Adakah kita mempunyai satu rancangan tahunan yang menunjukkan bagaimana kita boleh mencapai target ini tahun demi tahun, khasnya bilakah semua sekolah akan dapat bekalan elektrik, bila, apa target yang baru? Kalau ini pun tidak boleh ada target, bukankah semua ini cagak-cagak sahaja.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, inilah masalah Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong terutama sekali, dia masuk selepas saya menjawab dan menjelaskan soalan ini. Yang sebenarnya, yang lima sekolah yang dimaksudkan itu sekolah perintis (*pilot project*) untuk sekolah rendah. Lima pilot project ya, itupun sebagai permulaan dan saya telah terangkan tadi ...

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Menyampuk*]

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Dengarlah ini dahulu!

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Hoi, 'tiamlah, tiamlah!'

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Hei, uncle, [*Bercakap dalam bahasa Cina*]

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Saya sudah sebut tadi, angka 90 buah sekolah, Ahli Yang Berhormat Tanjong – pekakkah? Saya sudah sebut! Saya sudah cakap! Kita hendak mula! Mula-mula 97, sekarang saya kata angka-angka yang telah saya sebutkan tadi. Ada 90 makmal yang sudah siap, saya sudah cakap tadi. Makmal saya mengaku, tetapi kita .....

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Menyampuk*]

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Saya terima, sekurang-kurangnya kita ada makmal, you apa ada? [*Ketawa*]

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Menyampuk*]

DR.2.11.1999

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Yalah, ada sebab! Saya kata, dahulu pun saya sudah terangkan kepada Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, masalah kita hendak bekalkan itu, saya kalau boleh, besok pagi 90 buah hendak diberi, *but I cannot do that.*

**Tuan Lim Kit Siang:** Sekolah bestarilah, apa bestari?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, ini apa standard Ketua Pembangkang ini?

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Menyampuk*]

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tadi saya sudah terangkan hendak membekalkan komputer kepada 90 buah sekolah, saya sudah terangkan tadi, *the trouble with you, you never get your facts right.* Itu sahaja! [*Tepuk*] Malas saya hendak cakaplah.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sudahlah., cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke-12, saya harap dapat dijawab dengan tepat. Jangan diganggu.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Macam mana hendak jawab tepat. Kalau Peraturan Mesyuarat pun tidak diikuti oleh Tanjong, sedang hendak menjawab dengan jelas, orang hendak mencelah, buat apa? Hai.

**Tuan Lim Kit Siang:** Barisan tak ikut, tak apa. Apa ini?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *You are the Leader of the Opposition,* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

12. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan keadaan sebenarnya penswastaaan pembedungan dan sisa pepejal di negara ini. Apakah bantuan yang dihulurkan oleh kerajaan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, penswastaaan perkhidmatan pembedungan kepada Syarikat IWK masih berjalan mengikut perjanjian konsesi yang telah ditandatangani. Walau bagaimanapun, kerajaan kini telah melantik juruperunding untuk mengkaji sektor pembedungan secara menyeluruh termasuk aspek penswastaaan kepada syarikat konsesi sedia ada. Kejayaan yang dihasilkan oleh juruperunding kelak akan membantu kerajaan membuat keputusan selanjutnya.

Berhubung bantuan kerajaan, syarikat konsesi IWK telah diluluskan pinjaman ringan (*softloan*) berjumlah RM475 juta pada tahun 1994, penswastaaan pengurusan sisa pepejal belum dilakukan lagi. Apa yang dilaksanakan adalah pengambilalihan perkhidmatan secara interim oleh beberapa syarikat dari pihak berkuasa tempatan.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan, tidak ada cara lainkah kalau kita tidak buat pembedungan najis ini, saya lihat di negara-negara maju tak pernah jumpa pun pembedungan najis. Jadi, di negara kita, pembedungan najis orang-orang bandar ini ...

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** [*Menyampuk*]

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Dak, mesti ada cara moden, misalnya tempat bakar sampah kita ada *incinerator*, mesti ada cara moden. Bila pam-pam dia ghaib pergi ke kawasan DAP itu. [*Ketawa*] Ini kawasan bandar dibuat pembedungan, di kawasan luar bandar misalnya kawasan saya, jadi kawasan-kawasan yang tahi-tahi DAP

itu dihantar ke kawasan luar bandar, ini saya hendak tanya tidak adakah cara lain, cara yang paling moden.

**Tuan Lim Kit Siang:** Malulah!

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Bila buang-buang air ghaib begitu sahaja. Mesti ada!

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena tadi, memang pada hari ini amalan yang diadakan di negara-negara seperti Malaysia, kita masih mengamalkan ini cuma seperti yang saya tekankan tadi, kalau ada cadangan dari Pokok Sena tentang kaedah yang baru bagaimana hendak melenyapkan benda-benda itu, kita minta daripada Ahli Yang Berhormat supaya buat secara bertulis, lepas kita boleh laksanakananya.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Berkenaan dengan kajian semula penswastan IWK itu, saya hendak bertanya, apakah terma-terma rujukan atau *terms of reference* yang diberi kepada pakar perunding itu dan apakah jangka masa untuk kajian itu dan apakah nama syarikat perunding itu?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat hendak menjawab soalan ini secara lisan, saya akan buat secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bendera mengenai nama syarikat dan juga syarat-syarat, terma-terma dan juga jangka masa yang kita telah berikan kepada syarikat untuk membuat kajian. Yang penting kepada kita, buat setakat ini bagi interim ada beberapa tempat yang telah pun dilaksanakan termasuk Wilayah Persekutuan, Selangor, Pahang, Melaka, Johor dan negeri yang sedang dalam proses pengambilan pengurusan sisa pepejal secara interim ialah Perlis dan Negeri Sembilan, manakala empat buah negeri yang menolak kerana masalah kewangan termasuk negeri Kedah dan juga beberapa buah negeri yang lain.

Sebaik sahaja kajian ini selesai, kita akan umumkan dan untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, saya akan buat secara bertulis.

13. **Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]** minta Menteri Kesihatan menyatakan keadaan terkini di negara Malaysia mengenai:

- (a) Virus Nipah, Demam Denggi; dan
- (b) Kontaminasi Dioxin.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong jangan kacau ya. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk] [Pembesar suara tidak dinyalakan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Yang ini pun virus juga. Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong pun virus juga. *[Ketawa]*

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Jawapan (a), untuk makluman Yang Berhormat, wabak viral Encephalitis berlaku semenjak Oktober 1998 dan kes baru terakhir ialah pada 29 Mei 1999. Dalam wabak tersebut, hasil daripada ujian *syrology* ke atas pesakit adalah seperti berikut:

- (i) 11 kes disahkan *Japanese Encephalitis* ataupun JE;

- (ii) 37 kes disahkan dwi infeksi iaitu JE dan virus Nipah;
- (iii) 157 kes disahkan jangkitan virus Nipah, sementara 60 kes viral Encephalitis tidak ada keputusan yang muktamad. Daripada kes-kes yang meninggal dunia, 4 kes JE, 21 disahkan mendapat dwi infeksi JE dan virus Nipah; dan
- (iv) 55 kes disahkan mendapat jangkitan virus Nipah, sementara 25 kes lagi tidak ada keputusan muktamad. Tidak ada kes jangkitan baru penyakit virus Nipah dilaporkan selepas 30 Mei 1999.

Jawapan bagi yang kedua sebanyak 8 kes yang telah terdedah kepada jangkitan semasa wabak bulan Mac 1999 telah jatuh sakit semula. Mereka telah dimasukkan ke dalam hospital untuk rawatan. Seorang telah meninggal dunia pada 28 Jun 1999. Manakala enam orang lagi telah keluar hospital untuk mendapatkan rawatan susulan dan seorang masih menerima rawatan di dalam hospital. Pakar-pakar perubatan masih mengkaji kenapa kes-kes ini jatuh sakit semula.

Berkaitan dengan demam denggi, saya suka maklumkan bahawa dalam tahun 1999 hingga 2 Oktober 1999, ialah 8,129 iaitu 7,675 demam denggi dan 454 demam denggi berdarah. Berbanding dengan tahun 1998, ia berkurangan sebanyak 11,057 kes iaitu kurang 57.6% berbanding 19,186 kes dalam tempoh yang sama tahun 1998.

Jawapan (b) berkaitan dengan dioksin pula keadaan terkini bagi kontaminasi di negara kita adalah di dalam keadaan terkawal di mana semua produk yang terlibat iaitu sebanyak 2,834 yang masuk ke negara ini adalah selamat dimakan. Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan terus menjalankan pemantauan secara rutin ke atas semua produk yang masuk ke negara ini termasuk mengambil contoh makanan untuk analisa dioksin.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai angka mengenai sama ada anggota-anggota askar atau kakitangan-kakitangan kerajaan, Jabatan Haiwan dan lain-lain yang terlibat dalam Operasi Pemusnahan sejuta ekor babi yang kemudian didapati bahawa mereka adalah di 'infected' dengan virus Nipah sungguhpun belum menjadi mangsa. Berapa angka itu dan apa tindakan diambil supaya menjaga kesejahteraan mereka supaya mereka tidak akan menjadi mangsa? Adakah angka *follow up* program dan lain-lain?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jangka tadi Yang Berhormat bagi Tanjong akan kacau.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Pembesar suara tidak dinyalakan*] Saya protes lagi soalan bagi pihak anggota-anggota askar. [*Ketawa*] Apa itu kacau? Kalau tidak mahu dikacau, keluar daripada Dewan yang mulia inilah. [*Disampuk*]

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Apek, apek.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat..... [*Disampuk*]

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *Uncle Sam*, 'cilok'.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sila teruskan, kita tidak ada masa.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Tanjong ada pergi tengok tidak?

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Pembesar suara tidak dinyalakan] [Menyampuk]* Itu bukan tanggungjawab saya.....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Apa tanggungjawab? Saya hendak tanya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong ada pergi tengokkah askar yang pergi .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tidak ada banyak masa ya, kita ada dua minit. Sila, sila jawab.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Tanjong ada pergi tengokkah askar yang pergi menembak babi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Mana ada pergi tengok?  
*[Disampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Jawab dengan .....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Berapa bantuan ada diberi kepada askar yang pergi tembak babi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada anggota-anggota .....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya mahu tanya berapa ribu DAP ada beri kepada askar yang pergi tembak babi? Ada beri?

**Tuan Lim Kit Siang:** Satu orang yang dikesan ada virus .....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya mahu tanya DAP ada bantu mereka?

**Tuan Lim Kit Siang:** .....apabila memerintah, kita akan bertanggungjawab.  
*[Sorak]*

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Mana ada can mahu memerintah.

**Tuan Lim Kit Siang:** .....apa ini kacau-bilau.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tidak ada can mahu perintah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak mahu jawab, satu soalan yang bertanggungjawab dilayan yang tidak bertanggungjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, .....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Lepas ini saya jawablah. Saya mahu tanya DAP berapa ribu sudah beri pada orang Cina yang mati kena JE?

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa orang Cina, orang Melayu di sini. Jangan.....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Ada beri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** .....memutarbelitkan, apa ini?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Ada beri bantuan atau tidak?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini *Point of order* 36(10), sensitif - ini melanggar Peraturan Mesyuarat .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya minta semua pihak kawal diri ya. Masa untuk Soal Jawab sudah cukup, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Sudah duduk, tak kacau lagi. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sudah habislah, Yang Berhormat. *[Disampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa ini? Dia tidak bertanggungjawab!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, masa untuk Soal Jawab sudah cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5 dan 14 hingga 20 akan dijilid dalam buku berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 1999**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Setem 1949 dan Akta Cukai Jualan 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh empat bilion enam ratus tujuh puluh empat juta dua ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (RM24,674,292,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2000, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1999 adalah diutamakan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan. *[1 November 1999]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat bagi Rompin sila sambung.

11.07 pagi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbahasan Belanjawan yang dibentang minggu lalu oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita.

Saya sekali lagi merakamkan penghargaan kerana memberikan satu Belanjawan yang baik, satu Belanjawan Kerajaan Barisan Nasional. Tetapi umum mengetahui pembangkang memang tidak boleh terima. Ini perbelanjaan sebelum pilihan raya. Semalam Yang Berhormat bagi Tanjong sebagai Ketua Pembangkang memang mengambil peluang ini tidak ada matlamat lain untuk mendapatkan satu mileage untuk pilihan raya yang dijangka akan diadakan sebelum bulan Mei tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkata demikian, dia memujilah, dia kata dia sendiri ada mengeluarkan perbelanjaan. Perbelanjaan pakatan yang baru diwujudkan ini, saya panggil dia cuba hendak mengambil idea buah fikiran Barisan Nasional. Jadi, tertubuhlah pakatan tiruan ini, pakatan ini hanya palsu, tidak ada usaha lain hanya untuk mengabui mata masyarakat supaya mengalih sokongan dan mengundi kepada mereka. Tetapi kerajaan yakin, kita yakin bahawa rakyat jelata bijak dan boleh memilih yang mana baik, yang mana permata, yang mana bukan permata.

Tuan Yang di-Pertua, saya kata begitu sebab pakatan tiruan, pakatan palsu ini yang sebenarnya dia dianggap perkahwinan mutaah. Saya hendak kata begitu kerana ini saya hendak sebut. Ini bukan kenyataan kita, kenyataan mereka. Dr. Chen, Pengerusi DAP, akui konflik DAP-PAS, dengan izin, saya hendak baca, "*Pertentangan ideologi yang wujud antara DAP dan PAS yang menggugat kerjasama antara parti pembangkang bertambah ketara hari ini apabila DAP itu mengakui parti itu menghadapi konflik kepentingan*". Satu lagi para, sedikit sahaja lagi, "*Pengerusi DAP, Dr. Chen Man Hin .....*", ini kerana Yang Berhormat bagi Tanjong tidak berani, takut dimarah oleh PAS. Dia suruh pengerusinya bercakap. Sebab dia takut di sini, tadi macam Yang Berhormat bagi Marang ada, kalau Yang Berhormat bagi Marang bertanya dia, dia kata, "*Ini Pengerusi saya, bukan saya*". Pandai dia mengelak. Pengerusi DAP, Dr. Chen berkata, "*Parti itu telah dapat menduga sebelum ini bahawa kerjasama antara DAP dan PAS akan menghadapi masalah disebabkan ideologi yang bertentangan di antara kedua-dua buah parti*". Bermakna mereka berkahwin ini berkahwin mutaah. Berkahwin pilihan raya, ini kahwin seperti orang putih kata *unhealthy marriage* atau *unholy marriage* dan *marriage for convenience*, dengan izin, untuk memancing undi. Ini Yang Berhormat bagi Kuala Kedah kata, ini ala Kuala Kedah. Dia kata, "*Ini sedap sementara untuk pilihan raya sahaja, kahwin koboi, kahwin kontrak*". Ini bermakna, rakyat tahu bahawa yang sebenarnya mereka ini bukan untuk membela rakyat, komen mereka tentang perbelanjaan bukan untuk membantu rakyat tetapi untuk mendapatkan sokongan rakyat supaya memangkah parti mereka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat bagi Jelutong ada, tadi Yang Berhormat bagi Jelutong pun bila dia lalu, dia punya hormat kepada ketuanya, dia tidak mahu lalu depan Ketua Pembangkang. Dia sanggup berjalan empat lima orang. [Ketawa] Itu dia punya takut tadi. Apabila lalu, nampaknya tadi Yang Berhormat bagi Marang buat tidak tahu sahaja. Pegang belakang dia pun takut. [Ketawa] Tidak mahu takut, marah pegang belakangnya. [Ketawa]

Saya hendak bertanya ini, aduan siasat Yang Berhormat bagi Jelutong, saya tidak boleh sebut nama 'Karpal'. Ya, ini saya hendak baca sedikit di sini. "*Sekumpulan orang ramai menggelarkan diri mereka Badan Bertindak Rakyat Anti Karpal Singh hari ini membuat aduan rasmi meminta Majlis Peguam menyiasat Peguambela Dato' Seri Anwar Ibrahim itu demi memelihara kesucian undang-undang*". Umumnya dia menyatakan, "*Yang Berhormat bagi Jelutong telah melanggar Kaedah 4, 5(a) dan (b) serta tujuh belas Kaedah-kaedah Profesion Undang-undang (Amalan dan Kesopanan) 1978. Kaedah itu antara lain menentukan bahawa seseorang peguam tidak boleh menerima kes yang dia tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa amalan profesionnya mungkin boleh dicabar. Secara khusus, peruntukan itu masing-masing menyatakan bahawa seseorang peguam tidak boleh menerima arahan jika kelakuan profesionalismenya mungkin dipersoalkan atau sukar menyelenggara kebebasan profesionalnya dan tidak boleh memperdayakan mahkamah*".

Ini jelas. Inilah sebab kita bersetuju tadi supaya kerajaan kalau boleh bezakan kalau seseorang itu mahu melibatkan dalam peguam, peguam sahaja, melibatkan politik, politik sahajalah. Sudah jelas bahawa beliau menggunakan kedudukannya sebagai seorang peguam untuk mendapatkan *mileage* politik kepada parti DAP.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Ini kita mintalah supaya kerajaan mengambil tindakan dan kita dengar juga bahawa kononnya pembangkang dan Yang Berhormat bagi Tanjong sendiri, dia kata kita tuduh kroni-kronilah. Saya hendak bertanya di sini, saya dengar cerita Yang Berhormat bagi Jelutong dia hendak mencadangkan dua orang anaknya untuk bertanding dalam pilihan raya mewakili calon DAP. Ini tidak kroni lagi ke? Encik Gorbind Singh dan Jagdet Singh, *jadi* masing-masing hendak meletakkan anaknya, kalau ada cucunya pun untuk menjadi wakil DAP untuk pilihan raya yang akan datang.

Ini Yang Berhormat bagi Kepong ada, jaga-jaga sedikit, ingat apa yang berlaku kepada Yang Berhormat bagi Seputeh, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Jelutong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ya, nanti, saya tadi sudah cakap dengan Yang Berhormat bagi Kepong. Kalau Yang Berhormat bagi Kepong bangun, boleh. Saya hendak beri kepada Yang Berhormat bagi Kepong. [*Disampuk*] Ya.

**Tuan Karpal Singh:** Terima kasih. Adakah Yang Berhormat sedar satu Karpal Singh dalam Dewan yang mulia ini sudah mencukupi? [*Ketawa*] Jika anaknya Jagdet Singh Deo yang *the elder one* dan Gorbind Singh Deo, jika ada tiga harimau dalam Dewan yang mulia ini, .....

**Seorang Ahli:** Semua kasi tembak mati.

**Tuan Karpal Singh:** .....semua wakil rakyat Barisan Nasional dalam Dewan yang mulia ini mati. [*Ketawa*]

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kita tidak mahu binatang dalam Dewan yang mulia ini. Kita hendak manusia. Dia kata hendak harimau, yang sebenarnya tadi yang bermakna Yang Berhormat bagi Jelutong sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat bagi Jelutong bangun supaya dia komen tentang aduan siasat ini. Yang Berhormat bagi Jelutong, dia komen yang lain.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** [*Bangun*]

**Tuan Karpal Singh:** Boleh, itu pun boleh, tidak ada masalah. Kumpulan ini yang ada buat aduan kelmarin dipanggil 'Baraksi'. Barangkali kumpulan ini boleh menubuhkan satu parti politik bernama 'Baraksi' dan letakkan satu calon di Jelutong untuk lawan dengan saya. Itu lebih baik kerana memorandum ini, aduan yang ada dibuat tidak berasas. Di mana apa yang saya buat di mana perbuatan saya langgar undang-undang, di mana? Adakah *conflict of interest*? [*Disampuk*] Langsung tidak ada, saya memberi penjelasan.

Dalam Dewan yang mulia ini pada 22 Oktober 1997, saya ada bangkitkan perkara mengenai Dato' Seri Anwar Ibrahim dan saya ada di dalam Dewan yang mulia ini merayu kepadanya untuk berdiri dalam Dewan yang mulia ini mempertahankan diri dan beliau ada berbuat demikian. Dia jawab begini dan ini adalah selepas saya pujuk dia untuk beri *response* kepada tuduhan yang saya buat terhadapnya. "*Saya gerun dengan apa yang berlaku apabila Azizan Abu Bakar dan Umi Hafilda berjumpa saya di pejabat saya pada pertengahan bulan Ogos 1997*". Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah orang negeri Pulau Pinang dan adalah kewajipan saya untuk mempertahankan maruahnya. Apa yang saya nyatakan tadi ialah dia adalah bakal Perdana Menteri. Saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk membuat demikian. Boleh buat satu kes *defamation* ke atas kedua-dua ini. Kedua-dua ini boleh diberi satu peluang untuk mempertahankan diri sendiri di mahkamah ini, dia tidak boleh mengetepikan *legislative*. Apa yang dijawab oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini, ini .....

**Tuan Karpal Singh:** *No, no* jangan takut, saya beri penjelasan. Saya pergi ke itu.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau hendak berucap, Yang Berhormat bagi Jelutong boleh berucap selepas ini.

**Tuan Karpal Singh:** *No, no* penjelasan ini. *You asked for it.*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Penjelasan apa yang dia mohon daripada saya?

**Tuan Karpal Singh:** .....dan apa yang disuarakan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim pada masa itu adalah tidak perlu dibaca. Apa yang dikata olehnya, menjawab kepada saya ke atas permintaan saya adalah, '*perkara ini adalah dalam tangan Peguam Negara*'. Memberi peluang kepada Peguam Negara untuk menyelesaikan perkara itu. Ini adalah dalam bulan Oktober. Pada 25 Ogos 1997, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada membuat dengan umum tidak ada asas dalam pertuduhan-pertuduhan *misconduct sexual* ini ke atas Dato' Seri Anwar Ibrahim. Itu adalah di dalam bulan Ogos. Di dalam bulan Oktober, saya merayu kepadanya. Dia menjawab, '*ini ada dalam tangan Peguam Negara*' .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Inilah, cukuplah, Tuan Yang di-Pertua,.....

**Tuan Karpal Singh:** Dalam bulan Oktober .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya akan beri peluang kepada Yang Berhormat berucap nanti.

**Tuan Karpal Singh:** Baik.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau terlalu *detail*, saya cadangkan Yang Berhormat bagi Jelutong kemukakan pandangannya kepada Majlis Peguam Negara. Ini dia cerita kes.

**Tuan Karpal Singh:** Mungkin selepas ini, Tuan Yang di-Pertua, akan memberi peluang kepada saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dia ada, ini tuduhan dikatakan. Dia melanggar peruntukan Kaedah 4, 5(a)(b). Kalau misalnya, Yang Berhormat bagi Jelutong kata dia tidak langgar, dia terangkan balik kesnya kepada Majlis Peguam. *The question of law*, itu biar Majlis Peguam yang menentukannya.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Pokok Sena bangun ya.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Rompin. Pada 18 haribulan Disember 1997 di mana Tun Speaker pada ketika itu Tan Sri lagi. Saya telah bangun untuk menggunakan *point of order* kerana Yang Berhormat daripada Jelutong menyoal kerajaan kenapa tidak ambil tindakan pada ketika itu dia membaca surat layang tentang salah laku seks Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu. Saya bangun kepada Tun Speaker ketika itu minta supaya beliau jangan baca surat terbang. Beliau masih hendak baca dan minta kerajaan ambil tindakan kepada Timbalan Perdana Menteri ketika itu. Apabila kita telah mengambil tindakan sekarang ini beliau telah

membela. Itu yang dibangkitkan dalam surat khabar itu. Kalau Tun pun masih ingat lagi saya ingat sampai dia maki saya macam-macam, celaka dia maki.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa penjelasan yang hendak minta?

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya hendak minta penjelasan. Jadi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Rompin adakah Jelutong melanggar peraturan, ini saya hendak minta penjelasan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Setuju. Itulah kita minta supaya Majlis Peguam menyiasat perkara ini dan kita tidak mahu Majlis Peguam dia kata dia baru dapat laporanlah, dia tidak serius dalam perkara ini. Kita bimbang juga takut-takut di sana pun ada agenda politiknya. Tuan Yang di-Pertua ...

**Tuan Haji Noh bin Omar:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tanjong Karang bangun.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Rompin, setuju ataupun tidak dengan pandangan saya bahawa Yang Berhormat Jelutong ini dia boleh tipu mahkamah dia boleh tipulah sebab di mahkamah tidak ada politician. Hakim tidak minat dengan politik, pendakwa raya tidak minat dengan politik. Tetapi dalam Dewan yang mulia ini dia hanya bercakap point yang dia ada. Kita cabar dia baca balik *Hansard* 18 haribulan Disember 1997 sebagaimana Yang Berhormat bagi Pokok Sena bangkit.

Saya bangkit juga Tuan Yang di-Pertua, pada masa itu apa dia kata saya lawyer bodoh. Ini *affidavit* tahu. Masa itu dia menyoal Yang Berhormat bagi Chenderoh pada ketika itu Timbalan Perdana Menteri masa kita membahaskan Jabatan Peguam Negara. Ini sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan ini ada Yang Berhormat setuju bahawa Jelutong ini dia akan membawa isu yang memberi faedah kepada dia. Itu yang pertama.

Yang kedua saya hendak minta pendapat Yang Berhormat daripada *Hansard* kita pada hari Selasa, Jelutong telah pun bangun berucap. Saya pada masa itu bangun membantah di bawah peraturan 35(6) kerana Jelutong menjadi peguam kepada Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. Masa kita minta dia *declare* berapa bayaran yang dia dapat maka dia pun jawab. Tuan Karpal Singh dalam *Hansard* ini. Biar saya jawab kata dia. "*Orang ini walaupun seorang lawyer tetapi tidak pandai tidak ada apa-apa larangan dengan peraturan itu. Tidak ada satu sen percuma untuk keadilan. Are you satisfied? Satu sen pun tidak kerana saya lawan untuk keadilan bukan Parti Keadilan.*" Ini jawapan dia. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada jawapannya tadi yang pertama adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Yang Berhormat Jelutong ini sebenarnya untuk mendapat *political mileage*. Mengapa sewaktu Ummi Hafilda dan Azizan berjumpa dengan dia untuk minta dia mengambil kes ini dia tolak. Sebab apa? Sebab Ummi Hafilda dan Azizan ini bukan Timbalan Perdana Menteri. Apa mereka ini tidak ada wang untuk bayar kos guaman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu soalan yang pertama. Yang ketiga saya hendak tanya. Yang Berhormat setuju atau tidak kita cabar dia kalau dia peguam yang pandai hari ini dia sudah tahu Dato' Seri Anwar Ibrahim ada berbilion-bilion. Adakah dia akan minta *legal fees* kepada Yang Berhormat bagi Permatang Pauh? Ini dia tolong *free* sebab dia pun kena tipu. Jadi itu kita hendak minta penjelasan kalau..

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat. Terima kasih. Sebagaimana perkataan daripada Rompin tadi biarlah perkara ini diselesaikan oleh Majlis Peguam...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Majlis Peguam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita tidak payahlah, tidak berguna kita hendak berbahas dalam perkara ini di sini.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ya, baik Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu kita sebagai rumusan Tuan Yang di-Pertua saya bersetuju kita mengesyorkan supaya Majlis Peguam menyiasat dan menubuhkan apa jua jawatankuasanya untuk tribunal atau apa-apa untuk menyiasat tentang laporan aduan yang dibuat kepada Jelutong. Kalau mungkin Jelutong hendak cadangkan sendiri ataupun Tanjong hendak adakan *royal commission* kita boleh bersetuju. Dia selalu kalau ada ini suruhanjaya.

**Beberapa Ahli:** *Royal Commission.*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *Royal commission.* Hendak tengok Yang Berhormat dari Tanjong bersetuju atau tidak bersetuju. Ini saya berbalik kepada ucapan Tanjong dia kata Parti DAP berdemokrasi, dia tidak kuku besi. Tetapi yang sebenar saya hendak menunjuk di sini tidak benar Tuan Yang di-Pertua. Dalam parti dia sendiri pun hendak bagitahu rakyat jangan dengar Tanjong. Parti dia sendiri tengoklah Seputeh, 30 tahun dia punya taat setia kepada Tanjong dia buang begitu sahaja. Saya difahamkan bahawa isteri dia kata suami saya ini berkahwin dua orang. Saya isteri kedua, Tanjong isteri pertama Seputeh kata. Ini saya dengar isteri Seputeh bagitahu. Mentaat setianya kepada Tanjong tetapi sanggup bila Seputeh tidak mengikut arahan, dia buang. Baik-baik sikit Kepong. Tolong Kepong jaga pengerusi DAP wilayah itu. Sebab Cheras belakang itu bukan main bisung beria dia. Ini Kepong awal-awal ini selamatkanlah diri dahulu mungkin masuk MCA ke, Gerakan ataupun MDP pun tidak mengapa.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi hendak menunjukkan bahawa sebab saya hanya menjawab dalam ucapan Tanjong dia tuduh kita ini kroni, selepas itu ditunjuknya kita ini korupsi. Itu saya baca malam tadi melalui Internet. Dalam Internet saya dapat malam tadi ada satu syarikat di Pulau Pinang bernama *Pernas Group of Company* Pulau Pinang dikuasai oleh satu peniaga bernama Goh Chun Lai telah melaksanakan satu projek di Pulau Tikus bernama *Midland Park* termasuk satu pembinaan hotel dan juga shopping complex yang besar. Saya yang tertarik di sini sebab apa kita sekarang dulu kita tidak tahu bila anak buahnya yang sudah 30 tahun berhenti dia buang keluarlah cerita-cerita dalaman ini. Ini saya hendak mendengar cerita dalaman yang saya jumpa dalam Internet malam tadi. Pada peringkat awalnya anak buahnya bercerita DAP dan Tanjong sendiri mengkritik projek ini habis-habisan supaya jangan diusaha dan diteruskan projek ini sehinggakan sebelum pilihan raya 1995 senyap. Tidak bunyi apa macam tikus jatuh ke beras. Apa sudah jadi? Yang sebenarnya anak buah dia seorang ini yang sudah berhenti ini sendiri menuduh dalam Internet ini menerima satu juta daripada tokoh Goh Chun Lai untuk Parti DAP. Ini dalam Internet saya boleh *print* bagi kepada Bagan. Ini saya rasa benda ini kita tidak tahu keluar sekarang ini tersebar kerana anak buah dia macam Seputeh dikeluarkan. Tengok Seputeh itu 30 tahun dia berkongsi isteri. Isteri dia kata saya terpaksa berkongsi suami saya dengan Tanjong. *[Ketawa]*.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tanjong.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Bagi saya habis. Saya cakap dia tidak bagi. So, giliran saya, saya tidak bagilah.

**Seorang Ahli:** Jangan kasi dialah.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya mempraktikkan demokrasi. Kalau Tanjong tidak bagi saya, saya tidak bagi dia. Biar saya habis dulu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak bagi Tanjong.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ..tidak bagi sebab saya bangun Yang Berhormat tidak bagi. Giliran saya saya adillah, terpaksa adillah. Ini saya dapat dalam..dulu kita tidak tahu cerita ini Tuan Yang di-Pertua semenjak dia buang-buang ini pula akan datang sebelum pilihan raya akan dibuang ramai lagi, banyak lagi ceritanya.

**Seorang Ahli:** [Menyampuk].

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Bagan pun belum tahu. Jangan, jangan, jangan...

**Seorang Ahli:** ..dulu nyaris-nyaris disingkir.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Bagan pun nyaris-nyaris, jangan fikir dia tidak akan bertanding. Teluk Intan tidak ada, kalau Teluk Intan ada kita cakap kepada Teluk Intan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih sedikit, seterusnya tentang ucapan semalam, digambar yang kedua, saya berkata ada perlunya satu kedudukan kewangan yang kukuh di negara Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan manfaat dari segi Belanjawan itu dapat dilaksanakan di negara ini. Kita mahu juga *transparency* kita mahu pertanggungjawaban di dalam sistem kewangan kita.

Semalam saya ada sebut dakwaan Dato' Abdul Murad tentang bahawa Puan Marina mendapat RM20 juta, Yang sebenarnya, sebagai seorang peguam, Puan Marina ini tahu sebaik mungkin kalau beliau betul-betul tidak menerima, beliau buatlah akuan berkanun. Beliau peguam, kalau benar beliau tidak terima buat akuan berkanun tetapi beliau tempoh hari membuat kenyataan bahawa beliau tidak mahu membuat akuan berkanun, tidak mahu menyaman.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Saya minta penjelasan, Yang Berhormat. Berhubung dengan *statutory declaration* ataupun akuan berkanun di bawah Akta Sumpah tadi. Bekas Timbalan Gabenor Bank Negara, Dato' Murad telah membuat suatu perakuan bersumpah *statutory declaration* di bawah Akta Sumpah Tahun 1990. Dan sesiapa yang membuat akuan berkanun, jika didapati ianya tidak benar ataupun palsu, maka dia telah melakukan satu kesalahan jenayah dan boleh didakwa di bawah Akta Sumpah.

Sepatutnya orang yang telah dituduh di bawah akta tersebut membuat suatu laporan polis jika semua fakta yang dibuat oleh Dato' Murad itu tidak benar, maka sepatutnya setiap orang yang dinamakan di dalam *affidavit* tersebut membuat suatu laporan polis supaya polis menyiasat mengenai kesahihan fakta tersebut. Kalau ianya tidak benar, maka Dato' Murad boleh dituduh kerana melakukan sumpah palsu di bawah Akta Sumpah. Tetapi setakat ini, saya nampak tidak ada satu pun orang yang muncul dan membuat laporan polis.

Yang kedua, untuk membersihkan nama-nama orang yang terdapat di dalam itu, dia sepatutnya membuat suatu laporan polis yang mungkin boleh bersama mengatakan bahawa ini adalah suatu fitnah dan jika fitnah, orang yang membuat laporan itu iaitu Dato' Murad telah melakukan fitnah jenayah. Itu yang kedua yang sepatutnya dibuat.

Yang ketiga, ialah membawa tindakan *defamation* atau membawa tindakan sivil, mendakwa Dato' Murad kalau semua kenyataan itu tidak benar. Oleh kerana akuan itu dibuat secara bersumpah maka hanya penafian semata-mata tidak boleh menjelaskan diri

orang yang telah dituduh di dalam akta itu. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan dengan saya.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sebagai penasihat peguam [Ketawa] Kalau itu pandangan Yang Berhormat bagi Machang tadi, bermakna benarlah apa kenyataan Dato' Murad itu, benar. Mereka menerima ini semua. Mereka hanya membuat kenyataan menyatakan tidak menerima, hanya sebagai menolak penafian yang tidak benar. Semalam saya kata Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah mungkin salah cakap tetapi orang kampung kata penafian tahi kucing, penafian yang tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ini PAS, adakah PAS, kalau tidak ada, tidak apa tidak payahlah. Saya hendak beralih kepada satu, dua perkara spesifik dalam perbelanjaan. Pertamanya, saya mengucapkan syabas kepada kerajaan. Dalam Belanjawan ini dijaga, membela semua peringkat daripada pertengahan, kecil, semua peringkat pegawai kerajaan, syabas, diberikan bonus, diberikan naik gaji 10%.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan syabas kepada yang di luar bandar juga diberikan bantuan, RISDA diarahkan untuk membantu masyarakat luar bandar yang di dalam industri getah yang harganya jatuh teruk kerana keadaan pasaran dan kita sanggup keluar daripada satu persatuan getah asli untuk memberikan hak untuk membela supaya harganya tidak turun terlalu rendah untuk memberikan penanam-penanam kecil getah ini juga mendapat satu pendapatan yang boleh menjaga kehidupan harian mereka. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, khususnya saya hendak bercakap tentang skim Tekun. Dahulu banyak keluhan kita dengar bahawa dana-dana yang banyak dikeluarkan oleh kerajaan disalurkan melalui bank. Bila disalurkan melalui bank, saya banyak bercakap tentang perkara ini, bank selalunya amat ketat peraturannya. Antaranya yang amat ketat sekali ialah dua perkara yang penting iaitu mesti ada cagaran. Orang kampung manalah ada tanah terutamanya generasi muda-muda untuk mereka berniaga..

Yang kedua, dia hendakkan akaun tiga tahun.. Saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan kerana dapat datang ke kawasan Rompin di dalam satu perjumpaan sebagai contoh 500 orang yang hadir, saya saja minta mereka angkat tangan dan bangun dan di antara 500 orang yang hadir ini berapa orang yang ada akaun tiga tahun, daripada 500 orang hanya seorang sahaja yang bangun ada akaun tiga tahun iaitu akaun PNL *balanceship* tiga tahun bermakna mereka ini, apa dana yang disalurkan melalui bank-bank ini tidak mungkin yang 500 orang ini dapat pinjamannya kerana mereka ini tidak memenuhi syarat, mesti ada akaun tiga tahun.

Yang kedua, saya minta mereka bangun daripada 500 orang yang hadir berapa orang yang ada cagaran. Yang bangun daripada 500 orang hanya 10 orang yang ada tanah untuk boleh dicagarkan. Bermakna apa jua dana yang diwujudkan, tetapi apabila dana ini disalurkan kepada bank, tidak mungkin peniaga-peniaga kecil ini dapat manfaatnya. Alhamdulillah, kita bersyukur terima kasih kepada kerajaan, kepada kementerian satu skim baru yang bijak, skim yang dipanggil Tekun yang boleh diberi di antara RM1000 hingga RM5000, tidak perlu tiga tahun akaun, tidak perlu cagaran hanya dengan tunjuk minat dan tunjuk sedikit satu bukti yang dia sudah berniaga,

Alhamdulillah Tuan Yang di-Pertua, daripada 500 orang yang memohon kita boleh luluskan dalam masa sebulan, seramai 150 orang. Mereka ini yang selalunya pembekal berniaga kantin di sekolah, menjual di tepi-tepi lebuhraya, ada woksyop-woksyop kecil, ibu-ibu pengusaha-pengusaha kecil yang membuat makanan di rumah. Daripada 150 itu, 60 wanita Alhamdulillah, wanita sendiri pun yang berniaga kecil-kecilan itu pun mendapat pinjaman daripada Tekun. Terima kasih syabas, itulah kalau Tun Daim berani menyatakan bahawa kalaulah bank ini tidak mahu menyalurkan dana dia akan ambil

balik. Jadi, kita menyokong benar Menteri Kewangan tarik balik dana yang disediakan dan kita salurkan melalui skim yang dipanggil skim Tekun ini.

Satu cadangan yang saya minta kalau boleh supaya Tekun ini pada peringkat awalnya mungkin disediakan di antara RM1,000 – RM5,000 saya minta dinaikkan tahap sampai ke RM20,000 sebab peniaga-peniaga sekarang mungkin mereka untuk kali kedua selepas mereka membayar balik RM5,000 itu, mungkin diberikan lebih besar lagi, pada tahap mungkin RM20,000 untuk membesarkan perniagaan mereka.

Keduanya, bagi sesuatu kawasan, misalannya di Rompin sendiri peruntukan hanya RM1.5 juta. Peruntukan ini kalau diberi dengan pukol rata katalah RM3,000 hanya dapat dalam dua ke tiga ratus orang sahaja, bermakna akan sayulah hati yang dua tiga ratus yang lain yang mahu juga pinjaman Tekun tetapi peruntukan sudah habis. Sebab itu kita cadangkan supaya perlu ditambahkan peruntukan Tekun. Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya difahamkan RM200 juta untuk Tekun. Saya minta ditambahkan kalau boleh *double* lah kalau boleh tambah kepada RM400 juta kerana ini memberikan manfaat kepada pengusaha-pengusaha yang benar-benar mahu berusaha, berniaga kecil-kecilan di kampung-kampung dan saya yakin perkara yang sama, permohonan yang sama, kehendak permintaan yang sama juga berada di kawasan bandar juga.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara pendidikan, saya juga ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan bahawa mewujudkan komuniti di tiap-tiap daerah atau di kawasan Parlimen. Saya nampak ini satu usaha dan cadangan yang amat baik sekali. Sebab sekarang ini bila mereka belajar kos untuk pengajian tinggi, kolej atau universiti, kos yang paling besar atau separuh daripada kos untuk sara hidup mereka. Katalah di kawasan saya, di Rompin, pergi belajar di Kuala Lumpur, pertama *tuition fee* dan yang kedua kos penyelenggaraan hidup mereka, tetapi sekarang ini bermakna dengan sistem yang ada, rakyat pergi ke universiti, pergi ke kolej mengapa tidak kita membawa kolej kepada rakyat. *We bring the university* dan kemudahan itu di bawa kepada mereka, bermakna mereka ini tidak perlu lagi menyara hidup mereka, mereka boleh tinggal di rumah mereka sendiri dan mereka boleh naik bas atau motosikal untuk belajar di kolej-kolej universiti.

Ini satu cadangan yang baik dan kalau ini boleh dibuat, saya yakin kita betul-betul boleh mendemokrasikan pendidikan supaya semua rakyat Malaysia, sama ada luar bandar, sama ada mereka itu orang Melayu luar bandar, Orang Asli luar bandar, Tionghua luar bandar, orang India luar bandar, orang Singh luar bandar, semua kita jaga belaka. Jangan risau Jelutong, kita tidak kata komuniti kolej, *no Singh..... no, no!*. Kawan baik saya semasa sekolah juga pun banyak Singh, tetapi nasib baik saya tidak berkawan dengan Jelutong, kalau berkawan dengan Jelutong, susah saya juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mohon menyokong satu perbelanjaan yang amat cemerlang, amat baik sekali dan tidak benarlah tuduhan mengatakan bahawa perbelanjaan ini ada agenda yang tertentu, tidak ada agenda yang lain melainkan adalah untuk membela seluruh masyarakat bangsa Malaysia.

Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelutong.

11.40 pagi.

**Tuan Karpal Singh [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting untuk saya memberi penjelasan dalam ucapan saya mengenai Belanjawan tahun 2000 adalah apa yang baru-baru ini dilemparkan pertuduhan ke atas saya. Bukan kelmarin sahaja apabila satu kumpulan iaitu dalam fikiran saya kumpulan ini adalah satu kumpulan haram, barangkali tidak ada permit untuk pergi ke Majlis Peguam. Saya merayu kepada polis untuk menyiasat adakah kumpulan 77 orang ini yang pergi ke pejabat Majlis Peguam untuk menghantar memorandum itu, tetapi itu perkara lain. Yang pentingnya adalah

perkara ini, saya berada di dalam profesion guaman semenjak 15. Januari 1969 menjalankan pengamalan dalam undang-undang semenjak itu.

Apabila saya berada di Alor Setar selepas tahun 1969 sehingga 1982 di mana saya ada berjumpa dengan Yang Berhormat Speaker, dia pun masa itu seorang peguam, peguam terkenal di Kedah, dihormati dan saya mengikuti apa Yang Berhormat buat sebagai teladan oleh peguam-peguam kanan seperti Yang Berhormat Speaker di sini. Tidak terlintas dalam fikiran saya apabila saya bertindak dalam kes Dato' Seri Anwar Ibrahim ada apa-apa larangan dengan peraturan-peraturan etika bagi peguam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Rompin bangun Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh:** Selepas ini, beri saya habiskan. Saya beri latar belakang kerana ini berbangkit di sini kerap kali mengenai apa yang sebenarnya terjadi sehingga saya bertindak sebagai peguam Dato' Seri Anwar Ibrahim. Benar, Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah musuh politik saya kerana dia ada dalam Barisan Nasional, musuh politik, bukan musuh biasa. Dalam politik ada peranan bagi seseorang. Ada beberapa tempat di mana dia ada menghentam saya, khasnya di dalam pilihan raya kecil di Prai di mana saya kalah. Saya kalah kerana sehari sebelum *polling day*, beliau ada di satu ceramah di mana kumpulan majoritinya adalah orang beragama Hindu, dia menyatakan siapa membunuh Indra Gandhi. Dia menjawab soalnya sendiri, orang itu adalah Karpal Singh. Walaupun saya tidak ada apa-apa kena mengena dengan orang Singh pelampau itu yang membunuh Indra Gandhi. Saya orang Malaysia, tetapi Anwar Ibrahim berperanan di masa itu sebagai musuh saya dalam arena politik dia ada mengucapkan itu.

Kemungkinan besar saya kalah kerana efek kenyataan itu di atas orang agama Hindu masa itu, tetapi itu adalah perkara yang lain. dalam Dewan yang mulia ini selepas apa yang saya katakan tadi, saya tidak mahu ulangi, pada pertengahan bulan Ogos 1997 Azizan Abu Bakar dan Ummi Hafilda ada datang ke pejabat saya, bukan mendapatkan nasihat daripada saya sebagai seorang peguam. Ada papan tanda di pejabat saya, tiada dinyatakan dengan terus terang '*Ahli Dewan Rakyat bagi Jelutong*' melainkan dengan papan tanda guaman saya. Itu adalah pada pertengahan bulan Ogos 1997. Pada 25 Ogos, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan dengan terus terang menyatakan tidak ada apa-apa asas dalam pertuduhan itu. Dia menyatakan dia adalah mangsa kepada satu konspirasi, itu pada 25 Ogos.

Di sini, pada 22 Oktober 1997 saya ada menanyakan Timbalan Perdana Menteri pada masa itu, adakah apa-apa tindakan yang diambil oleh dia berdasarkan kenyataan umum Perdana Menteri. Ada diberi nasihat di sini mengambil tindakan.. Ada satu saksi yang kuat, saksi Perdana Menteri sendiri, boleh menang kes itu. Apa yang disuarakan oleh dia di sini adalah pegawai saya ada membuat laporan berikutan dengan tuduhan itu. Saya lepaskan perkara ini dalam tangan Peguam Negara, itu adalah pada 22 Oktober 1997.

Pada 18 Disember, ini ada dalam *Hansard*, semua ada di sini, bukan saya reka, 18 Disember 1997 - saya ulangi sekali lagi, adakah apa-apa tindakan yang diambil oleh Peguam Negara. Di muka surat 177 ada di sini. Kenapa saya membangkitkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah berekoran apa yang disuarakan oleh Timbalan Perdana Menteri sendiri bahawa perkara ini adalah dalam tangan Peguam Negara dan beliau menunggu keputusan itu.

Selepas itu apa yang saya bangkitkan sampai hari ini tidak dapat keputusan daripada Peguam Negara, kenapa? Jika saya tidak silap dalam bulan Januari 1998 dengan umum Peguam Negara membuat satu kenyataan tidak ada asas dalam pertuduhan yang dilemparkan oleh dia orang kepada Timbalan Perdana Menteri pada masa itu.

Dalam bulan September 1998 Dato' Seri Anwar Ibrahim ditangkap dan di hadapkan di mahkamah dan dalam kes rasuah itu saya tidak bertindak sehingga saya dipanggil olehnya....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.....

**Tuan Karpal Singh:** No, no, beri saya habis apa yang perlu dihabiskan. Dia menghantar satu surat kepada saya untuk berjumpa dengannya di mahkamah. Dia dikurung dalam lokap, saya berjumpa dia di sana kerana siapa pun tidak boleh dengan sesuka hati berjumpa dengan dia, hanya jika ada satu surat daripada dia. Saya menanya kepada dia kenapa tidak mengambil tindakan apabila saya memberi nasihat dalam Dewan Rakyat, kenapa? Dia berkata, "*Karpal, saya memberi penjelasan saya ada membangkitkan perkara ini dengan Peguam Negara. Peguam Negara memberi nasihat kepada saya mengambil tindakan, saya bersetuju dengan nasihat itu tetapi Perdana Menteri memberi nasihat jangan, jangan mengambil apa-apa tindakan*".

Itu adalah dalam tahun 1999, apabila saya berjumpa dengannya. Apabila saya mendapat penjelasan itu, tidakkah hak saya, kewajipan saya sebagai peguam untuk mempertahankan keadilan dalam mahkamah? Tidakkah ini mencukupi untuk menunjukkan perbuatan saya tidak sama sekali melanggar peraturan-peraturan etika. Apa yang dibuat oleh kumpulan ini, bukan kumpulan ini sahaja, juga Pemuda UMNO dan banyak pihak lain yang mahu mengambil tindakan ke atas saya. Perkara ini sekarang ada dalam tangan Majlis Peguam.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Rompin.

**Tuan Karpal Singh:** No, bagi saya habis ini semua. Saya ada memberi di Pulau Pinang pada hari Sabtu, saya ada cabar mana-mana pihak jika saya ada buat apa-apa kesalahan, buat aduan kepada Majlis Peguam. Ada badan yang boleh mengambil tindakan ke atas seorang peguam yang tidak mengikut etika atau undang-undang. Ekoran dengan itu barangkali kumpulan ini, saya ingat kumpulan haram yang pergi ke Majlis Peguam kelmarin untuk membuat aduan itu.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, saya belum habis lagi, saya belum habis. Apa yang penting, Tuan Speaker, adalah perkara ini sekarang ada dalam tangan Majlis Peguam. Biar Majlis Peguam untuk mengambil tindakan. Saya bersedia kerana *my conscious is clear*. Saya tidak membuat apa-apa yang boleh menjadi kesalahan di bawah etika atau undang-undang lain. Bukan ini sahaja, Tuan Speaker, ada beberapa tuduhan lain yang ada dilemparkan ke atas saya khasnya baru-baru ini oleh seorang *small time politician*.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Karpal Singh:** '*Small time politician*' ini dalam satu masa adalah Ahli Yang Berhormat DAP. Bukan pengkhianat dalam Barisan Nasional sahaja, dalam DAP pun ada pengkhianat. Dalam mana-mana parti ada pengkhianat

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, hendak beri jalan pada Tanjong Karang?

**Tuan Karpal Singh:** Belum, saya belum habis lagi.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** [Menyampuk]

**Tuan Karpal Singh:** Belum, saya belum habis lagi. Beri saya peluang untuk saya menghabiskan. Saya memberi peluang selepas ini. Saya tidak takut daripada mana-mana pihak. Apa yang saya takut adalah daripada Tuhan. Pihak lain saya cabar bila-bila masa, di mana-mana pun boleh berjumpa untuk lawan jika perlu, bukan dengan tangan. [Ketawa]

*Small time politician*, ini ada dalam *New Straits Times*. Seperti mana yang ada dilaporkan dalam *New Straits Times*. 'Seorang *A Senior Cabinet Minister* dengan Karpal Singh ada *compromise di judiciary*', satu tuduhan yang sangat serius terhadap seorang *Senior Cabinet Minister*, siapa *Cabinet Minister* ini? Dalam ingatan saya tidak ada *Cabinet Minister* daripada DAP dalam Barisan Nasional, siapa dia? Kenapa membuat tuduhan seperti itu? Jika ada apa-apa, saya cabar *small time politician* ini, membuat laporan polis, boleh membuat aduan kepada Jemaah Hakim-hakim. Boleh membuat satu aduan seperti mana yang ada dibuat oleh kumpulan ini kelmarin untuk mengambil tindakan. Tetapi jangan membuat tuduhan, tohmahan-tohmahan yang tidak berasas. Apa yang penting adalah *maturity* bagi seorang politik tetapi *small time politician* ini bukan *mature*, oleh itu kami pecat dia daripada DAP. Saya tidak mahu namakan makhluk ini kerana *not worth mentioning his name*. Sekarang boleh bertanya apa-apa yang perlu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tanjong Karang.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jelutong. Saya hendak tanya pasal *statement* pada 18 Disember, saya ada *copy* di sini tetapi tidak lengkap lagi sebab sedang difotostat. Persoalan yang kita bangkit pada 18 Disember ini, pada masa itu kami di Barisan Nasional mengatakan surat Umi Hafilda itu adalah merupakan surat layang. Tetapi Yang Berhormat bermati-mati mengatakan surat itu satu affidavit yang harus diterima dan Yang Berhormat mendesak supaya penyiasatan ini terus dibuat. Soalan saya, kalau Yang Berhormat kata seorang peguam yang adil, mengapa Yang Berhormat tidak mahu membela Umi Hafilda dan Azizan? Sebab merekalah mula-mula sekali jumpa dengan Yang Berhormat, membawa surat akuan bersumpah, Yang Berhormat cuba baca dalam Dewan pada 18 Disember yang kita tidak setuju. Jadi hari ini Yang Berhormat telah pun mengetepikan permohonan permintaan Umi Hafilda dan sebaliknya menjadi peguam bela kepada orang yang sepatutnya Yang Berhormat tidak patut bela. Ini yang saya hendak dapat penjelasan. Yang Berhormat bersetuju atau tidak dari segi undang-undang bahawa affidavit Yang Berhormat mengatakan surat Umi Hafilda dan Azizan ini affidavit, bukan tuduhan palsu, bukan surat layang. Kalau itu Yang Berhormat sudah faham, mengapa Yang Berhormat sanggup hendak jadi peguam bela kepada orang yang terlibat di dalam Umi Hafilda dan juga Azizan. Di mana keadilan Yang Berhormat sebagai seorang peguam?

**Tuan Karpal Singh:** Tanjong Karang ini walaupun seorang lawyer, susah memberi ajaran kepada dia tetapi saya cuba. *I put in very plain and simple words, may be you may understand to the small brain of yours*. Tuan Speaker, Azizan dan Umi tidak berjumpa saya sebagai peguam. Saya nyatakan tadi, tidak faham? Dia berjumpa saya sebagai Ahli Parlimen kerana dalam masa itu.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** 'Point of order'lah dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, *point of order*.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** 36(4), Ahli Dewan menggunakan bahasa kurang sopan, iaitu "*the small brain of yours*".....

**Tuan Karpal Singh:** Itu tidak apalah.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *It is very humiliating*.....

**Tuan Karpal Singh:** Saya tarik balik, ini perkara kecil.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** No, dengan izin, saya belum habis lagi.....

**Tuan Karpal Singh:** *'The small brain' is small matter.*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ....dengan izin, *the floor is mine until the chair make the ruling, Jelutong, the floor is mine.*

**Tuan Karpal Singh:** Saya tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tarik balik, Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh:** Tarik balik. Okay. Kerana saya tidak dijumpai oleh Azizan dan Umi sebagai peguam, tidak ada apa-apa pada *judiciary* atau *legal relationship* untuk bertindak sebagai peguam dia. Tidak ada dia memohon untuk saya bertindak sebagai peguam dia. Oleh itu, tidak ada apa-apa yang saya buat melanggar peraturan-peraturan etika saya.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Boleh beri penjelasan sekarang, Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, hari ini jelas daripada jawapan Yang Berhormat memang sengaja hendak bermain politik. Yang Berhormat kata dia datang jumpa sebagai seorang Ahli Parlimen, bukan sebagai peguam. Mengapa dia mesti berjumpa dengan Ahli Parlimen bagi Jelutong? Dia tidak ada Ahli Parlimen sendiri? Yang Berhormat, sebab itu kita mengatakan Yang Berhormat mengambil kesempatan sebagai seorang peguam dan juga sebagai Ahli Parlimen.

**Seorang Ahli:** Lidah bercabang!

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Lidah bercabang! Yang Berhormat, kedua-dua ini ada *immunity*, sebagai peguam Yang Berhormat ada *immunity*, sebagai Ahli Parlimen Yang Berhormat ada *immunity*. Bila orang berjumpa Yang Berhormat sebagai peguam, Yang Berhormat kata berjumpa sebagai Ahli Parlimen. Boleh jadi orang itu datang hendak berjumpa sebagai Ahli Parlimen, Yang Berhormat kata Yang Berhormat seorang peguam, Yang Berhormat kenakan pula caj untuk *consultant* dan sebagainya.

Inikah sikap seorang peguam yang disegani, menafikan. Bagaimana dan apakah tujuannya dia datang berjumpa awak dan mengapa tidak mahu berjumpa saya, ahli Parlimen. Berapa ramai ahli Parlimen, mengapa dia jumpa Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat jangan hendak main politik, jangan hendak bercakap pusing-pusing.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Lidah apa, lidah bercabang?

**Tuan Karpal Singh:** Biar saya beri penjelasan. Umi dan Azizan berjumpa dengan peguam DAP kerana dia tidak percaya dengan peguam Barisan Nasional.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tarik balik. Inilah tadi dia kata jumpa sebagai ahli Parlimen sekarang dia cakap jumpa dengan peguam. Apalah cakap macam ini Yang Berhormat? Berbelit-belit cakap.

**Tuan Karpal Singh:** Tidak ada kepercayaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh:** Dia datang ke pejabat saya walaupun pejabat peguam...

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tidak boleh Yang Berhormat, ini kena *clear* Tun. Dia selalu memainkan dua baju, dia kena *clear*.

**Tuan Karpal Singh:** Tidak, saya belum habis. Saya memberi penjelasan. Saya belum habis lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Karpal Singh:** Saya belum habis...

**Tuan Haji Noh bin Omar:** [*Menyampuk*]

**Tuan Karpal Singh:** Itu tidak kira peguam atau .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Tanjong Karang.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** [*Menyampuk*]

**Tuan Karpal Singh:** Walaupun dia datang ke pejabat saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanjong Karang. Ada satu lagi yang bangun.

**Tuan Karpal Singh:** Tidak, saya habiskan penjelasan untuk dia. Apa yang ada dalam surat oleh Umi Hafilda dan surat sumpah oleh Azizan. Jadi, selepas satu penyiasatan saya ingat tentu ada satu penyiasatan apabila Perdana Menteri pada 25 Ogos. Dia jumpa saya pada 15 Ogos. 25 Ogos Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apa yang saya nyatakan tadi, nyatakan tidak pada asas. *No misconduct there is a conspiracy*, dengan izin, *to get rid of my deputy*. Tidakkah itu mencukupi? Masa itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah Menteri Dalam Negeri, tentu dia ada membuat penyiasatan sebelum dia memberi dan mengambil keputusan dan umumkan keputusan itu. Tidakkah itu mencukupi untuk saya menerima apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Selepas itu berbangkit perkara itu di sini menasihatkan Timbalan Perdana Menteri untuk mengambil tindakan. Sekarang dia ada seorang Perdana Menteri sebagai saksi dia, tidakkah itu kewajipan saya untuk memberi satu nasihat kepada Timbalan itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Karpal Singh:** No, tidak payah. Saya tidak mahu membuang masa ke atas dia.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat saya hendak minta penjelasan

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia tidak memberi jalan.

**Tuan Karpal Singh:** Tengok, tengok.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Kalau *gentleman* bagi penjelasan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kalau tidak beri jalan, teruskan.

**Tuan Karpal Singh:** Saya tidak mahu bukan kerana tidak *gentleman*, apabila saya memberi penjelasan, saya beri jalan, dia hentam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tanjong.

**Tuan Karpal Singh:** Tanjong *gentleman*, saya beri. [*Beberapa orang ahli bersorak*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih Tuan Yang di Pertua, saya meminta penjelasan. Tadi Yang Berhormat Rompin dalam ucapan beliau, ada membuat tuduhan-tuduhan daripada Internet. Bukankah bahawa tidak mengikut peraturan mesyuarat bahawa seorang ahli Parlimen ....

**Tuan Karpal Singh:** Rompin.

**Tuan Lim Kit Siang:** Rompin mengulangi apa yang tidak ada asas sama ada surat layang ataupun apa yang ada dalam Internet. Dalam ucapan beliau, beliau ada besar-besarkan *statutory declaration* Murad nampaknya beliau menerima seratus peratus apa yang terkandung dalam *statutory declaration* Murad termasuk RM5 juta derma yang diberi kepada Dr. Chandra. Adakah Yang Berhormat bagi Jelutong bersetuju? Kalau dia berani, patutlah dia ulangi apa yang beliau kata di luar dewan termasuk apa yang beliau sebut tadi mengenai DAP, berani atau tidak untuk mengulangi apa yang beliau kata di dalam dan di luar dewan dan tidak sembunyi dibawa keistemewaan Dewan yang mulia ini.

**Tuan Karpal Singh:** Saya bersetuju seratus peratus dengan apa yang dinyatakan oleh rakan saya tadi dari Tanjong. Rompin tidak berani.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Rompin.

**Tuan Karpal Singh:** Jika Rompin berani menyuarakan luar dari Dewan ini, bahawa apa yang *downloaded* daripada Internet bahawa DAP ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Tuan Karpal Singh:** ..sudah terlibat dengan rasuah. Bolehkah, berani?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Karpal Singh:** No, berani? Kalau berani cakap...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Karpal Singh:** Itu mulut pasal saya tahu tetapi menyuarakan luar dari Dewan ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Menyampuk*]

**Tuan Karpal Singh:** Bukan peluang, keluar dari dewan ini sekarang.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat! Saya tidak benarkan dialog yang semacam ini. Kalau Yang Berhormat..

**Tuan Karpal Singh:** Saya cabar dia?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Tidak Yang Berhormat, ini bukan masa untuk cabar Yang Berhormat. Kalau dia bangun, itu terpulang pada Yang Berhormat sama ada hendak beri jalan atau tidak.

**Tuan Karpal Singh:** Bukan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Cabar, itu sebenarnya tidak ada dalam mana-mana peraturan mesyuarat yang mengizinkan Yang Berhormat boleh beri peluang untuk dia cabar ataupun Yang Berhormat cabar dia.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, dalam tahun 1982, Samy Vellu di sana, saya ada menyuarakan di sini dia seorang penipu dan saya cabar dia untuk cabar saya menyuarakan di luar dari Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, apa yang penting itu adalah peraturan mesyuarat bukannya *precedent*.

**Tuan Karpal Singh:** Ada *precedent* ?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Kadangkala *precedent*, kalau tidak betul, tidak betullah. Sekadar itu sahaja Yang Berhormat!

**Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dia takut.....

**Tuan Karpal Singh:** Boleh, saya cabar dia sekarang sekali lagi.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [Menyampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Karpal Singh:** Peluang tidak diberi. Jika cabaran diterima baru saya memberikannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kalau tidak mahu memberi laluan, teruskan okey.

**Tuan Karpal Singh:** Baiklah saya tunggu di luar dewan selepas ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Itu terpulang.

**Tuan Karpal Singh:** Jika berani, jika anak jantan, boleh? Saya beri peluang, saya tunggu di luar, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Ya Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Memandangkan Yang Berhormat dari Rompin dalam ucapan beliau adalah mahu mengeksploitasikan *statutory declaration*, bukankah yang Berhormat bagi Jelutong bersetuju bahawa kalau apa yang terkandung dalam *statutory declaration* Murad benar bahawa ada dua *master account* bererti bahawa ada ramai kakitangan dalam Bank Negara yang *corrupt* dan menyalahgunakan kuasa mereka dan ini menunjukkan Bank Negara, dengan izin, 'a den of thieves' oleh kerana kalau *statutory declaration* Murad benar, itu adalah satu 'den of thieves' dan perlu satu siasatan terbuka mengenai Bank Negara menunjukkan lebih dasyat daripada Bank Bali, lebih buruk daripada bank-bank swasta dan mereka tidak ada hak untuk menjadi *custodian integrity* bank dalam negara ini menunjukkan *banker-banker central* bank lebih *crooked* daripada bank-bank swasta. Adakah bersetuju?

**Tuan Karpal Singh:** Saya setuju...

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Karpal Singh:** Dan saya menambah, *statutory declaration* itu adalah dianggap sebagai benar oleh kerajaan. Tidak payah ada penyiasatan oleh kerana ini benar. Hadapkan semua *crook* ini di dalam Bank Negara di hadapan mahkamah. Tidak payah ada penyiasatan jika apa yang diterima sebagai benar oleh Barisan Nasional khasnya oleh kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Ya Yang Berhormat, tunggu sekejap, kita ada peraturan mesyuarat. Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ya, ini 36(6), mengeluarkan sangkaan jahat.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Terhadap?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** 36(6) dia kata semua di Bank Negara, semua crook. Tidak benarlah, satu pusat central bank yang baik ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau hendak tuduh kepada PAS *crook* itu mungkin boleh, jadi saya hendak minta tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya akan buat keputusan. Sebenarnya 36(6) itu bersabit dengan sangkaan jahat terhadap ahli yang lain bukan terhadap pihak yang lain. Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, bukankah benar bahawa tadi apa yang disebut ialah kalau *statutory declaration* Murad benar, kalau benar, Bank Negara adalah *a den of thieves*, saya repeat dan bukankah benar bahawa gabenor Bank Negara dalam surat Datuk Seri Anwar kepada Perdana Menteri ada disebut mengenai satu kes di mana masa itu apabila Gabenor Bank Negara, *Director General EPU* ada satu siasatan yang menjumpai RM100,000 cash tunai yang beliau tidak boleh memberi penjelasan yang memuaskan dan oleh kerana selepas itu, beliau boleh dilantik sebagai Gabenor Bank Negara. Bukankah ini menunjukkan tidak *integrity* dalam Kerajaan Barisan Nasional.

**Tuan Karpal Singh:** Dari mula sudah tidak ada *integrity* dalam Barisan Nasional. Harus kerajaan ini ditukar dalam pilihan raya yang akan datang, ada kemungkinan besar boleh mencapai matlamat itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjung Karang bangun.

**Tuan Karpal Singh:** Tidak payah, orang ini buang masa.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** [Menyampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh:** Tidak payah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tidak payah tawar-menawar di sini Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Adakah Yang Berhormat bagi Jelutong bersetuju bahawa kalau kita mahu percaya *Statutory Declaration* Murad, kita mahu percaya semua tuduhan yang ada di buat di masa lampau dalam satu tahun ini, termasuk satu tuduhan bahawa seorang kroni, satu orang penyokong Anwar ada kekayaan yang besar, RM230 juta kekayaan mahu siasat, semua pemimpin Barisan Nasional mahu siasat tetapi selepas satu masa diam, oleh kerana sudah menjadi ahli sangat taat setia kepada Perdana Menteri. Ini menunjukkan semua tidak benar, semua fitnah langsung. Mana siasatan mengenai kes RM230 juta? Siapa itu orang? Orang itu dalam Dewan yang mulia ini. Sekarang, benar atau tidak benar? [Sorak]

**Tuan Karpal Singh:** Siapa dia?

**Tuan Lim Kit Siang:** Siapa dia?

**Tuan Karpal Singh:** Bangkit [Sorak]

**Tuan Lim Kit Siang:** Berdiri. [Disampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh:** Hey! Bagan Datoh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Berdiri.

**Tuan Karpal Singh:** Berdiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat. Kalau tidak ada sesiapa yang bangun, janganlah usik dia, Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Kalau tidak mahu cakap, beri peluang kepada orang lain bercakap. Yang Berhormat janganlah usik orang lain kalau tidak ada sesiapa yang bangun. *[Disampuk]*

**Tuan Karpal Singh:** Seorang penakut, penakut dalam Dewan Rakyat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Kalau hendak cabar, ada tempat dan masa yang lain Yang Berhormat. Teruskan. *[Disampuk]* Nanti dahulu. *[Disampuk]* Yang Berhormat. *[Disampuk]* Saya akan buat keputusan.

**Tuan Karpal Singh:** Jadi apa....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Minta tarik balik.

**Tuan Karpal Singh:** Jadi apa. Awak pun tidak tahu mahu mengganggu. *[Disampuk]* Ada apa *point of order*. *[Disampuk]* Saya mengatakan dia *bloody*....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, duduk dahulu. Biar saya buat keputusan. *[Disampuk]* Sabar. Saya buat keputusan. Saya hendak ingatkan Yang Berhormat bagi Jelutong, bila Yang Berhormat diberi peluang untuk berbahas, kalau tiada sesiapa yang bangun untuk minta penjelasan, janganlah usik orang lain. Ini saya rasa tidak kena pada tempatnya Yang Berhormat. Takkan orang lama tidak tahu. Dan lagi pun tadi Peraturan Mesyuarat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Rompin 36(6) itu, saya rasa sangkaan jahat itu tidak kena. Walaupun Yang Berhormat bagi Jelutong cuba hendak usik Yang Berhormat bagi Bagan Datoh tetapi Yang Berhormat kena balik kepada tajuk. Jangan merayau, pergi jauh sangat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan lagi. *[Disampuk]* Adakah Yang Berhormat bagi Jelutong bersetuju, kalau *Statutory Declaration* Murad benar termasuk bahawa adalah US\$10 juta yang disamakan dengan RM38 juta yang sepatutnya RM25 juta. Oleh kerana sebelum *capitol control* kalau ini benar diberikan kepada *Asia Pacific Policy Centre*, Douglas Pal, bukankah ini sangat luar biasa. Oleh kerana tuduhan yang dibuat awal-awal ialah Yang Berhormat bagi Pematang Pauh ialah agen CIA. Agen CIA terima wang bukan beri wang. Sini nampak beri wang. Nampaknya agen CIA sudah jadi agen Anwar Ibrahim, bukan Anwar Ibrahim agen CIA. Bukankah ini menunjukkan bahawa ini semua fitnah belaka. *[Sorak]*

**Tuan Karpal Singh:** Ya saya bersetuju ini fitnah tetapi apa yang digambarkan adalah ini. Jika apa yang di sini adalah benar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Machang bangun.

**Tuan Karpal Singh:** Saya belum beri penjelasan di sini, dia bangun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Baik, teruskan. *[Sorak]*  
Dia bangun, itu hak dia Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh:** Bukan hak apabila saya memberi penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Kalau Yang Berhormat tidak mahu melayan diapun boleh juga, terpulang.

**Tuan Karpal Singh:** Jangan ganggu apabila saya belum habis lagi. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Ya teruskan.

**Tuan Karpal Singh:** Jika apa yang ada di dalam *Statutory Declaration* ini benar, jika seorang seperti Dato' Seri Anwar Ibrahim boleh menjadikan *CIA agent* dia, saya ingat dia adalah seorang pandai harus jadi Perdana Menteri di negara ini.....

**Dato' Badruddin bin Amiruldin:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat bagi Yan, jangan cakap dengan sesuka hati. Kalau hendak bercakap, minta keizinan. *[Disampuk]* Yang Berhormat, sama ada rasa tersinggung atau tidak jangan terbawa-bawa dengan emosi. Kalau hendak cakap, bangun minta keizinan, ikut Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Karpal Singh:** Tetapi orang ini bodoh dia tidak mengetahui Peraturan Mesyuarat kerana dia bodoh oleh itu. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat nanti dahulu, perkataan bodoh itu takkan tak erti bahawa ianya *unparliamentary* Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh:** "Bai" itu *Parliamentary* kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, yang ini.... *[Disampuk]* Nanti dahulu Yang Berhormat, perkataan bodoh kalau ditujukan pada seseorang ahli itu memang *unparliamentary* dan perkataan "bai" itu saya sudah berkali-kali cakap, jangan gunakan perkataan-perkataan yang menyakitkan hati ataupun perasaan kaum yang lain, itu ada dalam Peraturan Mesyuarat yang tertentu.

**Tuan Karpal Singh:** Ada mengambil apa-apa tindakan tadikah ke atas dia?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sekarang ini saya tumpukan pada ini dan apa yang saya sudah putuskan saya harap Yang Berhormat berdua dapat akur. *[Disampuk]* Yang Berhormat ini bukan masa untuk minta penjelasan, cukup.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. *[Disampuk]* *Now you know.* Boleh main-mainlah. *[Disampuk]* Penjelasan. Adakah Yang Berhormat bagi Jelutong bersetuju, sungguhpun *Statutory Declaration* Murad banyak lubang, *[Disampuk]* Banyak lubang tetapi kita di pihak sini DAP, tidak akan mempertahankan Yang Berhormat bagi Pematang Pauh kalau ada apa-apa bukti menunjukkan bahawa ada korupsi penyalahgunaan kuasa. Dan adakah Yang Berhormat bagi Jelutong bersetuju patutlah ada satu *Royal Commission Inquiry* terhadap semua orang, pemimpin-pemimpin politik tertinggi yang sudah dituduhkan secara terbuka bahawa ada melakukan korupsi, penyalahgunaan kuasa termasuk Perdana Menteri sendiri, termasuk Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama, termasuk Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, termasuk Menteri Pengangkutan, Presiden MCA Ling Liong Sik dan anaknya Ling He Liong mengenai bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Tambi Chik mengenai *Attorney General*, Tan Sri Mokhtar Abdullah dan Ghani Patail, semua perlu ada dan termasuk Yang Berhormat bagi Pematang Pauh oleh kerana ada disebut, semua adakan satu *Royal Commission Inquiry*, supaya rakyat tahu siapa salah, siapa benar.

**Tuan Karpal Singh:** Peringatan saya satu *Royal Commission* tidak mencukupi. [Disampuk] Sekurang-kurangnya 10 saya ingat. [Ketawa] Satu tidak mencukupi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Seorang satu *commission*. [Ketawa]

**Tuan Karpal Singh:** Seorang satu *Royal Commission of Inquiry*. [Disampuk] Saya teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia bangun lagi, Machang.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak menyebut ucapan Yang Berhormat pada 18 Disember 1997.

Kelmarin dan beberapa hari lepas Datuk Murad membuat kenyataan juga surat bersumpah. Pada masa itu Yang Berhormat menekan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya mengambil tindakan kerana surat sumpah itu membuat *allegation* ke atas beliau. Sekarang ini surat sumpah dibuat oleh Datuk Murad menyatakan beberapa ramai nama yang terlibat. Kalau Yang Berhormat *consistent* dalam pendirian Yang Berhormat, mengapa Yang Berhormat tidak menyatakan dalam Dewan ini apa yang patut dibuat ialah semua orang yang dituduh itu tampil dan mengambil tindakan.

Pertama, membuat laporan polis. Yang Berhormat sendiri tahu bahawa orang yang membuat laporan palsu dalam affidavit boleh dituduh melakukan jenayah di bawah Akta Sumpah itu sendiri sebab itu Yang Berhormat percaya pada 18/12, Yang Berhormat memandang serius sekarang, kenapa? Kenapa Yang Berhormat tidak membangkitkan soal orang-orang ini mesti mempertahankan diri, mengapa Yang Berhormat pergi putar kes lain?

Isu yang berada di hadapan kita ialah isu affidavit yang dibuat oleh Datuk Murad. Sepatutnya orang-orang yang dituduh dalam affidavit itu bangkit dan membuat laporan polis, kalaulah itu tidak benar. Tetapi setakat yang kita tahu Chandra Mudzafar membawa mahkamah, ini tidak cukup. Saya percaya kalau dia kata ini tidak benar, dia kena buat laporan polis, yang lain semuanya membuat *'plain denial'*, penafian yang tidak ada disokong oleh apa-apa fakta. Marina membuat kenyataan, dia tidak akan mengambil apa-apa tindakan, orang lain berdiam diri, sepatutnya itu.

Kalau Yang Berhormat *consistent*, Yang Berhormat mesti memberitahu bukan sahaja kepada mereka ini supaya menasihati mereka mengambil tindakan baharulah kita dapat bukti sama ada apa yang dibuat oleh Datuk Murad itu tidak benar. Bukan datang ke Dewan ini mengatakan tuduhan ini tidak benar, tuduhan ini kosong, tuduhan ini ada *loopholes* dan sebagainya. Itu bukan hak Yang Berhormat bagi Jelutong untuk menentukan. Itu hak mereka yang dituduh di bawah affidavit berkenaan. Mengapa pendirian Yang Berhormat tidak *consistent* dalam soal ini? Kalau Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat tekan, pandang serius, bila Datuk Murad buat, itu tidak serius. Apakah itu peranan Yang Berhormat? Yang Berhormat sendiri tekan 18/12. Yang Berhormat kata ini serius, surat ini serius dan Yang Berhormat tekan Timbalan Perdana Menteri masa itu supaya mengambil tindakan. Apakah affidavit Datuk Murad tidak serius? Kalau Yang Berhormat *consistent*, kalau affidavit ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri serius, affidavit sekarang juga serius, jangan berubah haluan, mesti *consistent* dalam pendirian.

**Tuan Karpal Singh:** Saya tidak tukar pendirian saya. Dalam perkara itu, satu laporan polis ada dibuat oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim, Peguam Negara ada mengambil tindakan dan selepas penyiasatan keputusan tidak ada apa-apa. Itu mengenai 18.....

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** 18/12. Itu adalah bulan Julai, sebab apa ini ucapan Yang Berhormat terakhir. Selepas Peguam Negara membuat siasatan, masih Yang

Berhormat mendesak Timbalan Perdana Menteri supaya mengambil tindakan. Itu selepas daripada pegumuman Dato Seri Dr. Mahathir pada masa itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini 18/12 Yang Berhormat, masih Yang Berhormat mendesak.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ir. Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Karpal Singh:** Ya, kerana laporan polis ada dibuat oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim melalui pegawainya dalam bulan Ogos, apa yang saya difahamkan. Perdana Menteri ada.....

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Mengapa Yang Berhormat pada 18/12 masih mendesak ambil tindakan atas surat affidavit Azizan?

**Tuan Karpal Singh:** Kerana Peguam Negara tidak memberi keputusan atas laporan polis yang ada dibuat sehingga bulan Januari 1998. Saya bangkitkan perkara ini bukan sahaja dalam bulan Oktober tetapi dalam bulan Disember. Ada semua dalam *Hansard*.....

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Ya, ini yang saya sebut ini dalam *Hansard*, Yang Berhormat. Ini ucapan Yang Berhormat pada muka surat 176, '*bolehkah seorang Timbalan Perdana Menteri biarkan apa yang serius seperti ini*'.

**Tuan Karpal Singh:** Betul.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Yang Berhormat pandang itu serius.

**Tuan Karpal Singh:** Baik.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Adakah Yang Berhormat tidak pandang affidavit yang dibuat oleh Datuk Murad serius?

**Tuan Karpal Singh:** Boleh duduk?

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Saya hendak tanya Yang Berhormat, cakap pendirian dahulu. Kalau Yang Berhormat kata affidavit Azizan itu serius, mengapa affidavit Datuk Murad tidak serius? Mesti cakap ini juga serius.

**Tuan Karpal Singh:** Ini adalah satu statutory declaration dan siapa yang ada, '*those behind this statutory declaration*' [*Sorak*] kami mengetahui. Apa yang harus.... [*Disampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Nanti, Yang Berhormat .

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Yang Berhormat tidak bangkitkan soal siapa ada di dalam, di belakang.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat beri dia cakap dahulu Yang Berhormat, dia sudah beri jalan tadi.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, adakah hak dia atau saya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sabar. Ya, Yang Berhormat bagi Jelutong.

**Tuan Karpal Singh:** Apa yang ada dalam *statutory declaration* ini adalah dibuat oleh seorang yang ada dalam mahkamah. Tidakkah kewajipan Peguam Negara untuk mendapat seorang pegawai polis dan ini biasa dibuat, buat laporan dan membuat siasatan, itu adalah prosedur. Barangkali Yang Berhormat bagi Machang tidak mengetahui, tetapi itu adalah prosedur, saya tidak mahu memberi jalan.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** [*Bangun*]

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu buang masa atas dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sabar. Dia tidak beri jalan.

**Tuan Karpal Singh:** Saya tidak beri jalan. Saya sudah jawab.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Saya boleh cabar Yang Berhormat, beri jalan. Kalau gentleman.

**Tuan Karpal Singh:** Tetapi awak pengkhianat. Pengkhianat tidak boleh jadi gentleman. Saya tidak mahu memberi jalan. Saya memberi jalan kepada Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, penjelasan. Saya ada *floor*, duduk. Penjelasan. Adakah Yang Berhormat bagi Jelutong...

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** [Bangun]

**Tuan Lim Kit Siang:** Duduk, duduk. Tuan Yang di-Pertua, tidak ada tatatertib.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat bagi Macang, sabar dan duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak ada tatatertib, duduk.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** [Bangun]

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, duduk, tidak ada tatatertib. Orang gila ini macam, hai orang gila apa ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat bagi Tanjong, 'gila' itu pun unparliamentary juga.

**Tuan Lim Kit Siang:** Unparliamentary, perbuatan boleh, tidak apa.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Kerana ..... tiga kali gila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat bagi Jelutong bersetuju bahawa kita semua mengakui bahawa *statutory declaration* memang serius tetapi adakah Yang Berhormat bagi Jelutong bersetuju bahawa laporan polis pun serius tetapi ada orang yang tidak mahu apa-apa pendirian apabila empat laporan polis dibuat oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh mengenai korupsi, yang menamakan orang-orang atasan termasuk Perdana Menteri, Menteri Kewangan Pertama, MITI dan lain-lain, tetapi mereka tidak berani untuk mengesahkan siasatan dibuat, bukannya ini kelakuan orang yang pengecut, mereka tidak berprinsip, mereka yang sebenarnya pelacur politik.

**Tuan Karpal Singh:** Saya ingin katakan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong tadi adalah benar. Empat laporan polis dibuat oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim, kenapa sehingga hari ini .....

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia bangun lagi.

**Tuan Karpal Singh:** Tidak payah.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** [Bangun]

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, orang ini barangkali tidak matang. Saya jawab bagi Tanjong, dia mengetahui itu, dia minta penjelasan, saya jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kalau dia tidak beri jalan, teruskan. Ya.

**Tuan Karpal Singh:** Orang ini bangkit sebagai orang gila, dia kacau.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Selepas Yang Berhormat Tanjong, beri jalan pada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat bagi Machang, nanti dulu ya.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Selepas jawapan daripada Yang Berhormat bagi Tanjong, beri jalan kepada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti. Itu Yang Berhormat boleh bangun kemudian. Dia tidak beri jalan sekarang ini.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Saya hendak jaminan daripada dia, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak, tidak ada guna dia menentang orang kalau tidak pandai mempertahankan diri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ....

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** .....kenyataan Yang Berhormat buat.

**Tuan Karpal Singh:** Saya memberi jaminan bahawa pengkhianat seperti awak harus dihantar ke kandang rusa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti. Yang Berhormat diingatkan perkataan 'pengkhianat' ....

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** .....kepada rusa ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nantilah.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** ..... masuk kandang.....

**Tuan Karpal Singh:** Tidak memberi jalan kepada dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nantilah saya tengah bercakap ini.

**Tuan Karpal Singh:** Mempertahankan hak saya. Saya tidak memberi jalan, kenapa dia kacau.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Jangan membuat tuduhan melulu di dalam Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat bagi Machang!!!

**Tuan Karpal Singh:** Kenapa dia kacau?

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** ..... Yang Berhormat membuat tuduhan melulu, Yang Berhormat mesti sanggup ....

**Tuan Karpal Singh:** Kenapa dia kacau?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat bagi Machang, jangan terbawa-bawa dengan emosi. Saya tengah buat keputusan ini, jangan ganggu. Yang Berhormat semua, khususnya Yang Berhormat bagi Jelutong, janganlah sengaja hendak gunakan perkataan *unparliamentary*. Itupun bukan kali yang....

**Tuan Karpal Singh:** ..... seperti itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Nantilah.

**Tuan Karpal Singh:** Boleh nanti.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Perkataan 'pengkhianat' itu, saya minta Yang Berhormat tarik balik sebab ini *unparliamentary* sejak tahun 80-an lagi. Yang Berhormat kena tarik balik perkataan 'pengkhianat', walaupun Yang Berhormat mungkin hendak perli seseorang yang lain tetapi janganlah gunakan perkataan *unparliamentary*. Tadi saya dengar Yang Berhormat....

**Tuan Karpal Singh:** *Unparliamentary*, tetapi benar. Itulah masalah di sini, apa yang benar menjadi *unparliamentary*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Tidak, Yang Berhormat. Perkataan itu kalau ditujukan kepada ahli yang lain tidak kisah dari parti mana pun.

**Tuan Karpal Singh:** Dia 'pengkhianat'!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tarik balik.

**Tuan Karpal Singh:** Memang .....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Hei, bai!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, jangan ganggu.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tarik balik atau tidak?

**Tuan Karpal Singh:** Ini harus dihantar kepada kandang kerbau. Yang dia di sana

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tarik balik atau tidak? Tarik balik perkataan itu, teruskan.

**Tuan Karpal Singh:** Boleh tarik balik, itu tidak ada masalah.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** [*Menyampuk*]

**Tuan Karpal Singh:** Tapi 'kerbau' itu di sana. [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** [*Menyampuk*]

**Tuan Karpal Singh:** Binatang tadi kerbau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Teruskan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** [*Menyampuk*].... atau hendak keluar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Teruskan.

**Tuan Karpal Singh:** Bagaimana kerbau itu? Dia mengatakan 'kerbau' tadi.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** .....bagi dia keluar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Yan, saya tidak boleh terima tingkah laku sedemikian, Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Ya, malu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Orang lain kalau buat tidak betul, tidak bermakna bahawa ianya patut dicontohi.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia kata saya 'kerbau'.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Duduk!

**Seorang Ahli:** Apa, malukah?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia kata saya tadi .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Duduk!

**Seorang Ahli:** Malukah?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat .....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Panggil dia tarik balik.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Jelutong, tarik balik perkataan yang berkenaan.

**Tuan Karpal Singh:** Saya tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Teruskan.

**Tuan Karpal Singh:** Saya teruskan. Tidak payah itu, tidak ada masalah. Tetapi saya puji Tuan Yang di-Pertua, tadi ya, hentam dia. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Tidak perlu pujian itu, Yang Berhormat. Teruskan. *[Ketawa]*

**Tuan Karpal Singh:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Teruskan. Saya tidak perlu pujian. *[Ketawa]*

**Tuan Karpal Singh:** Tetapi di mana harus dipuji, saya puji. *[Ketawa]* Saya tidak elakkan apa yang harus dibuat. Tahniah! *[Ketawa]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua tak makan puji.

**Tuan Karpal Singh:** Saya pergi ke tajuk lain, Tuan Yang di-Pertua. Pendirian kerajaan ke atas keputusan *World Court*. Walaupun 14-1 Kerajaan Malaysia kalah di *World Court* ini tetapi sampai hari keputusan itu tidak dihormati. Tidak hormati kerana sikap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri – dia tidak peduli mahkamah.

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, kami ada membuat satu permohonan di mahkamah untuk mengeluarkan satu *subpoena* untuk membolehkan, atau mengarahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk hadir ke mahkamah. Di Yan, dari mana orang itu datang? Dia sudah lari sekarang. Dia sudah menyatakan - Perdana Menteri ini, "I'm prepared to come to court". Apabila subpoena itu ada dikeluarkan .....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *Point of order.* Dia berkata cara dalam mahkamah .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ya, ada *point of order*, Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh:** Itu lain.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Nanti dulu, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Machang bangun dahulu, ya.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** *For the court is sub judice, a well known.....*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat, hendak bangkitkan sesuatu.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** *Sub judice*, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Ya.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Apa dia hendak bangkitkan tadi, subpoena ke atas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang terlibat dalam kes yang sedang dibicarakan sekarang. Sekarang dia bercakap atas isu subpoena untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hadir di mahkamah. Itu *sub judice*, Tuan Yang di-Pertua. Dia sudah lari daripada isu yang dia bincang di peringkat awal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Ya. Yang Berhormat ....

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, itu adalah *administrative order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Tuan Karpal Singh:** *Administrative*, bukan *judicial*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, perkara yang .... *[Disampuk]*

**Tuan Karpal Singh:** *Administrative*, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Nanti, Yang Berhormat, perkara yang berunsur *sub judice*, Yang Berhormat....

**Tuan Karpal Singh:** Ini bukan *sub judice*, itu bukan *proceeding* dalam mahkamah, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah *administrative order* oleh Pendaftar mengarahkan seseorang itu untuk hadir ke mahkamah. Mana ada *sub judice*, belum masuk dalam mahkamah lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya ingatkan Yang Berhormat sebab bila hendak menyentuh perkara ini berasaskan

pengalaman yang lalu dan kalau Yang Berhormat mungkin menyentuhnya sengaja atau tidak, itu saya tidak tahu. Tetapi ini memang ditegah sama sekali. Yang Berhormat teruskan.

**Tuan Karpal Singh:** Pendiriannya, Tuan Yang di-Pertua. Pendiriannya bahawa dia mengakui pergi ke mahkamah untuk memberi keterangan hanya jika ditanya soalan-soalan ini sahaja. Bolehkah seorang saksi, bukan Perdana Menteri sahaja, mana-mana saksi.....

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Karpal Singh:** ....bolehkah seorang *set the conditions* untuk pergi ke mahkamah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ya.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Kalau benar, dia boleh berucap, kita boleh berucap. Nanti kita berucap, dia marah pula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Baik, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Hujah itu memang sudah dicatat dalam mahkamah dah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Duduk dahulu, ya.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** ....Yang Berhormat, itu keputusan mahkamah Yang Berhormat katakan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Eh, Yang Berhormat Tanjong Karang ini bangun atas apa ni?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat! Yang Berhormat Machang baru bangun dan saya kena buat keputusan, saya ambil kira apa yang disentuh, apa yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Machang.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya tambah Yang Berhormat Machang sebenarnya. Saya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Cukuplah. Yang Berhormat....

**Seorang Ahli:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Saya faham biasanya perkara yang hangat sedemikian bila diungkit-ungkitkan memanglah ini membangkitkan *responds* ya, dari ahli yang lain. Kalau Yang Berhormat lain minta jalan, tidak dilayan, tidak diberi, Yang Berhormat nanti boleh bangun untuk minta peluang untuk berucap. Ada banyak peluang lagi untuk Yang Berhormat lain untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Yang Berhormat, keputusan yang saya buat tadi itu tetap dikekalkan.

**Tuan Karpal Singh:** Itu jadi *sub judice*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tidak Yang Berhormat. Kalau sepintas lalu, cakap tanpa mendalaminya Yang Berhormat, itu biasa Yang Berhormat pun tahu juga. Itu biasanya saya tidak melarang. Tetapi yang ini Yang Berhormat kena berhati-hati ini, baik.

**Tuan Karpal Singh:** Tetapi apa yang sebenarnya saya katakan tadi, ini adalah pendirian Perdana Menteri mengenai luar daripada mahkamah, dia belum masuk dalam

mahkamah lagi. Lain, Tuan Yang di-Pertua, jika dia ada di mahkamah, dia memberi keterangan dan saya membuat komen atas keterangan itu.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat Machang bangun.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Bila Yang Berhormat Jelutong menyebutkan....

**Tuan Karpal Singh:** Apa ini, Tuan Yang di-Pertua? Adakah ini *point of order* atau apa?

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** *Point of order* ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Ya, ya. Bagi dia.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Bila dia sebut *soal relevancy of facts or relevancy of evidence*, soal keterangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ini tidak boleh, ini tidak boleh. Itu ialah perkara yang masih dalam mahkamah, *is for the judge to decide question of relevancy, is not for* Yang Berhormat bagi Jelutong. Oleh kerana perkara ini masih dalam mahkamah, Tuan Yang di-Pertua mesti tegas, tidak boleh benarkan. Kalau boleh dia dibenarkan, kita akan bangun minta penjelasan dan akan menjadi suatu mahkamah pula Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya sudah kata tadi keputusan dikekalkan. Yang Berhormat takkan tidak erti, Yang Berhormat Jelutong. Tadi saya sudah cakap yang perkara ini seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Machang itu cukup jelas. Ini saya boleh terima dan Yang Berhormat teruskan perbahasan Yang Berhormat, tetapi janganlah buat kesilapan semula.

**Tuan Karpal Singh:** Dari segi undang-undang, Tuan Yang di-Pertua, apa Yang Berhormat bagi Machang nyatakan tadi, benar. *It's for the judge to decide relevancy or admissibility*. Tetapi di sini, Perdana Menteri yang *decided*, dia membuat keputusan luar daripada mahkamah apa yang dia hendak memberi sebagai keterangan, bolehkah dia buat itu?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Menyampuk*]

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** [*Menyampuk*] ...cabar di luar Dewan

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh:** Apa semua ini, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tanjong Karang bangun atas peraturan mesyuarat.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti. Yang Berhormat, ya.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tidak apa, saya hendak pergi kepada perkara *point of order* yang lain pula, "36(6) seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain". Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah Ahli Dewan. Yang Berhormat bagi Jelutong telah membuat sangkaan jahat mengenai kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi, dia tidak boleh buat

sangkaan jahat – ahli yang ada pun tidak ada dalam Dewan untuk mempertahankan diri. Ini sudah satu sangkaan jahat yang tidak adil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Saya rasa yang relevan itu jangan Yang Berhormat ungkitkan perkara yang berunsur *sub judice*. Itu saya kekalkan dan saya bertegas atas perkara ini. Yang lain itu kalau hendak cakap tentang politik kepartian itu, saya tidak melarang sebab ini perbahasan dasar.

**Tuan Karpal Singh:** Baiklah, saya harap Perdana Menteri menghadiri diri di mahkamah apabila dipanggil untuk memberi keterangan. Itu bukan *sub judice*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Saya tidak cakap, Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh:** Tetapi pendiriannya luar daripada mahkamah adalah teladan yang tidak baik, satu teladan yang buruk kerana jika semua saksi-saksi mencontohi apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya pergi ke mahkamah memberi keterangan ini sahaja walaupun itu jadi tugas satu hakim dalam *relevancy* atau *admissibility*. Tidak boleh ada satu perbincangan yang adil dalam mahkamah. Itu bermakna Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menjadi hakim dan memutuskan apa yang harus dia memberi sebagai keterangan.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** [Menyampuk]

**Tuan Lim Kit Siang:** .....perjanjian (*statement*).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ya.

**Tuan Karpal Singh:** Ini umum, Tuan Yang di-Pertua. Ini umum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Yang Berhormat dalam mahkamah, bincang di mahkamah, jangan duduk kerusi Dewan Rakyat untuk bincang .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat...

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Bila kata dia ada dua kerusi, dia marah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ya.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Jangan benarkan sama sekali, Tuan Yang di-Pertua mesti tegas.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa saya tidak akan hendak mengingatkan Yang Berhormat sekali lagi sebab apa yang akan berlaku ataupun belum .....

**Tuan Karpal Singh:** Ya, apa bermakna *sub judice*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Saya yang sekarang ini, saya cakap ..... [Disampuk]

**Tuan Karpal Singh:** ....bukan *sub judice*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Nantilah. Yang Berhormat, yang ini – apa yang belum berlaku ataupun yang .... [Disampuk]

**Seorang Ahli:** Suruh dia golong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, janglah buat andaian itu. Yang Berhormat, balik.....

**Tuan Karpal Singh:** Ini apa yang jadi kenyataan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Kalau Yang Berhormat cuma hendak lafazkan harapan Yang Berhormat dan sebagainya, itu saya tidak melarang. Itu sebabnya Yang Berhormat harapkan Perdana Menteri buat ini, buat itu dan sebagainya, tidak melarang tetapi Yang Berhormat kena hati-hatilah. Akur kepada apa yang diputuskan.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, ini boleh jadi satu *precedent*. Saya mengelakkan itu. Kali yang lain apa yang menjadi *administrative order* boleh dianggap sebagai *judicial order*, oleh itu ianya *subjudice*, tidak baik untuk satu *precedent*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Tidak Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh:** Itu pertimbangan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Perkara yang sedang diperbincangkan biasanya Yang Berhormat takkanlah tidak tahu, di sini bukan mahkamah. Lagi pun apa yang mungkin akan berlaku kemudian itu tidak guna juga kalau Yang Berhormat cuba hendak bangkitkan di sini atau buat ramalan di sini. Ini tidak membawa apa-apa manfaat kepada perbahasan.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, ini pengakuan Perdana Menteri apabila beliau menyatakan dia tidak mahu pergi ke mahkamah hanya untuk menjawab soalan-soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Kalau Yang Berhormat hendak komen sahaja itu saya tidak melarang. Tetapi bukan sekadar Yang Berhormat hendak komen, takkan Yang Berhormat tidak tahu apa Yang Berhormat cakapkan.

**Tuan Karpal Singh:** Baiklah Tuan Speaker, saya tidak mahu buang masa. Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai orang jantan datang ke mahkamah saya berjumpa dia di sana lagi baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Tambun.

12.41 tgh. .

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2000. Biar saya tumpukan kepada isu-isu Belanjawan. Terlebih dahulu saya ingin mengucap setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kerana telah pun membentangkan Belanjawan 2000 yang cukup baik di mana kita sedia maklum bahawa Belanjawan mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama, penyata sumber kewangan untuk membiayai Belanjawan dan bahagian kedua, penyata tentang perbelanjaan Belanjawan. Ini saya ingin sentuh kerana ada beberapa tuduhan dinyatakan bahawa Belanjawan ini adalah Belanjawan yang tidak baik.

Pertama, dari segi perbelanjaan kita dapati bahawa sejumlah RM78 bilion diluluskan. Jika dibandingkan dengan tahun 1999 sebanyak RM63 bilion, bermakna pertumbuhan atau pertambahan sebanyak 23.5%. Yang kedua, mengenai dengan komposisi perbelanjaan pembangunan. Kita tahu bahawa daripada sejumlah RM24.6 bilion, sebanyak 10.7% adalah untuk tujuan keselamatan, 29.4% untuk perkhidmatan sosial, 44.1% untuk perkhidmatan ekonomi dan 11.18% untuk pentadbiran. Dari segi perkhidmatan ekonomi, semalam saya dengar ada tuduhan mengatakan bahawa ini bertujuan untuk membantu kroni-kroni kerajaan.

Saya ingin menyentuh di sini. Perkhidmatan ekonomi mempunyai pecahan-pecahan 11.6% untuk pertanian dan luar bandar, 9.3% untuk kemudahan awam, 27.7% untuk jalan dan jambatan termasuk jalan kampung, landasan, kereta api, pelabuhan dan lapangan terbang. Sebenarnya untuk tujuan ekonomi sebenarnya 34.6% kepada perdagangan dan perindustrian serta perusahaan ekonomi untuk perbadanan kemajuan negeri, MARA, SMIDEC, penyelidikan dan sebagainya.

Saya ingin menjelaskan tentang pembangunan-pembangunan ini. Kita tahu ia mempunyai *multiply effect* bila pembangunan-pembangunan pertanian luar bandar, kemudahan awam, pengangkutan, jabatan dan jalan dilaksanakan mempunyai *multiply effect* di mana bahawa Belanjawan ini menuju kepada memberi kesejahteraan sampai kepada peringkat *grass root* dari segi pertama, untuk mewujudkan pekerja. Kedua, untuk meningkatkan pendapatan anggota masyarakat biasa, dan ketiga, implimentasi projek-projek ini akan sampai dapat dinikmati dan dirasakan di peringkat *grass root*. Jadi, saya bersetuju dan menyokong Belanjawan ini. Amat tidak tepat jika kita mengatakan bahawa Belanjawan ini tidak baik.

Ada juga disentuh mengenai dengan hasil Persekutuan Malaysia. Kita dapati dalam Belanjawan ini diramalkan sebanyak RM59 bilion hasil Persekutuan negara akan diperolehi pada tahun 2000. Ini meningkat sebanyak 5.8% daripada tahun 1999 sebanyak RM56.6 bilion. Malah kalau kita masih ingat di dalam Belanjawan tahun lalu anggaran hasil pendapatan negara dijangka sebanyak RM47 bilion yang dijangka akan diperolehi sebenarnya pada tahun ini dan sebanyak RM56.6 bilion. Ini merupakan pertambahan daripada jangkaan asal. Ini juga sudah merupakan satu usaha yang cukup baik yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Dengan pertumbuhan sebanyak RM56.6 bilion kita mendapat pertumbuhan hasil Persekutuan yang lebih tinggi. Memang benar bahawa jumlah ini lebih rendah daripada tahun 1997 sebanyak RM65 bilion yang disentuh oleh Ketua Pembangkang.

Kita harus menerima hakikat bahawa tahun 1998 dan 1999 kita merasai kesan kejatuhan ekonomi yang cukup gawat. Tentulah mustahil pendapatan sebanyak RM65 bilion yang merupakan rekod bagi negara ini dapat dipertahankan dalam suasana ekonomi yang jatuh. Kita perlu rasional dari segi melihat akan pertumbuhan hasil pendapatan negara. Malahan pendapatan negara yang meningkat kepada RM56 bilion pada tahun lalu dan dijangkakan RM58 bilion pada tahun ini adalah pendapatan yang diperolehi dalam suasana ekonomi yang begitu gawat. Ini merupakan satu usaha yang baik yang telah dijalankan oleh kerajaan.

Ada juga disentuh mengenai dengan hutang negara. Hutang negara kalau diikutkan daripada penyata pada 31.12.1998 ialah sebanyak RM103 bilion. Hutang sebuah negara ini mesti dilihat dari konteks pertama, nisbah hutang luar jangka pendek berbanding dengan paras rizab. Kita mempunyai rizab luar sebanyak RM30.2 bilion peningkatan daripada RM20.2 bilion pada tahun lalu. Dan nisbah hutang luar jangka pendek berbanding dengan paras rizab adalah 25%. Ini jauh lebih rendah daripada Thailand – 52% dan Korea Selatan 60%. Saya mengambil Thailand dan Korea Selatan sebagai perbandingan kerana banyak daripada pihak-pihak pembangkang menyatakan bahawa Thailand dan Korea Selatan menjadi model kepada pemulihan ekonomi. Saya ingin menegaskan kembali bahawa nisbah kita hanya 25% berbanding dengan Thailand 52% dan Korea Selatan 60%. Hutang ini mesti dilihat daripada nisbah kemampuan bayaran hutang (*debt servicing ratio*) di mana di negara kita 70%, berbanding dengan Thailand - 14.5% dan Korea Selatan – sebanyak 24.4%.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada isu-isu dalam Belanjawan ini. Pertama, saya mengalu-alukan penubuhan *think tank* yang dicadangkan oleh kerajaan untuk menggubal pelan strategik tindakan jangka panjang. Saya menganggap bahawa tugas dan tanggungjawab *think tank* bukan mudah. Kita tahu bahawa dunia sekarang semakin

kompetitif, dan dalam dunia kompetitif inilah kita mahu membawa Malaysia supaya dapat bersaing di peringkat tersebut. Kita tahu bahawa pasaran terbuka dunia akan dilaksanakan. Ini bermakna bahawa sistem kapitalisma ini akan merebak meluas ke seluruh dunia.

Sistem kapitalisme melahirkan proses yang dinamakan sebagai proses *Creative Destruction*, bermakna dalam sistem kapitalisme setelah beberapa tempoh waktu, pada masa sekarang satu-satu produk itu merupakan produk yang paling popular, satu tempoh kemudian lahir satu produk baru, proses baru, organisasi baru dan wujud persaingan baru. Ini akan *redefine* pasaran dan dengan itu dalam proses yang dikatakan *creative destruction* itu akan wujud syarikat-syarikat baru untuk menggantikan syarikat-syarikat lama. Malah, jika kita lihat antara lapan syarikat terbesar dalam dunia sekarang ini, syarikat-syarikat ini tidak wujud pada tahun 1980 ataupun pada masa itu syarikat-syarikat ini masih lagi syarikat-syarikat yang kecil. Jadi, makna bahawa dalam proses globalisasi seperti mana saya pernah mengatakan bahawa kita akan bersaing dengan kuasa besar, dengan golongan *triad* terdiri daripada Jepun, Eropah dan Amerika Syarikat dalam apa yang dipanggil *the game of monopoly*, bermakna negara-negara besar ini akan terus memonopoli ekonomi.

Berlatar belakangkan keadaan ini, negara Malaysia perlukan kepada *survival* dan untuk *survival* inilah kita perlu juga menjadi sebuah negara yang *competitive* di mana saya pernah menyatakan bahawa negara kita memasuki dunia perindustrian pada tahun 1980-an – kalau lebih tepat lagi pada tahun 1985 setelah dunia perindustrian wujud dan matang selama berumur satu ratus tahun. Bermakna kita memasuki dunia perindustrian dalam *stages* yang berbeza. Kita perlu ingat balik bahawa dunia perindustrian mempunyai tiga *stages*. *Stage* pertama faktor pengeluaran menjadi asas kepada pertumbuhan, bermakna negara yang mempunyai faktor-faktor pengeluaran akan memiliki ataupun mempunyai *competitive advantage*.

*Stage* kedua, penggunaan teknologi. Mana yang mempunyai teknologi untuk mengeluarkan produk secara *mass production* akan menguasai ekonomi. Negara yang tidak mempunyai teknologi akan meniru seperti negara Jepun. Malah, Amerika Syarikat pada peringkat awal juga meniru dari England dan kemudian Jepun meniru dari Amerika Syarikat.

*Stage* ketiga, *advance knowledge* dan teknologi menjadi asas kepada sesuatu kuasa menguasai ekonomi. Bermakna bahawa dalam *stage* yang ketiga, sesuatu organisasi atau negara perlu kepada penemuan-penemuan baru yang lebih *advance* lagi untuk negara atau organisasi tersebut dapat menguasai ekonomi. Jadi, kita memasuki ekonomi ini di peringkat *stage* pertama ataupun *stage* kedua, manakala dunia sudah berubah kepada *stage* yang ketiga.

Oleh yang demikian, ini bermakna bahawa *think tank* ini mempunyai tugas yang cukup rumit. Saya juga berpendapat, dalam kita menubuhkan *think tank* ini perlu juga kita mengambil tenaga pakar yang bukan sempadan pengetahuannya sekadar negara ini, dia mesti mempunyai kepakaran yang meluas kepada peringkat seluruh dunia dan jika perlu kita ambil orang luar pun kita ambil orang luar supaya kita mendapat pandangan-pandangan yang menyeluruh kerana untuk sebuah negara macam kita yang ketinggalan hendak diangkat ke hadapan, ini memerlukan strategi yang cukup hebat untuk dapat dilaksanakan.

Satu perkara yang saya lihat perlu dilakukan oleh jawatankuasa ini adalah untuk meletakkan perspektif yang sebenarnya dalam setiap individu, organisasi dan institusi dalam negara kita ini dari segi hala tuju negara. Kita mesti membina minda masyarakat kita supaya melihat negara kita bukan dari sudut sempit sekadar negara kita semata-mata. Kita mesti melihat negara kita dalam konteks dunia seluruhnya. Bermakna bahawa masa hadapan negara ini bergantung sejauh mana kita mampu untuk membawa negara kita ke

peringkat global untuk memperluaskan pengaruh kita di peringkat global dan menjadikan negara kita antara pemimpin di dunia globalisasi tersebut.

Dengan itu kita perlu merancang di mana saya kata tadi, pertama, meletakkan negara kita sebagai mempunyai persaingan global, kedua, oleh kerana penggunaan *advance knowledge* dan teknologi ini menjadi kunci utama dalam penguasaan dunia. Kita mesti berusaha untuk meletakkan negara kita ke peringkat itu. Ketiga, kita mesti secara jujur dan ikhlas mengkaji akan jurang-jurang kualiti kita dengan pesaing-pesaing kita.

Saya dapati antara sebab mengapa Amerika Syarikat dapat melepasi *economic depression* dan membangun sekarang menjadi kuasa ekonomi dunia nombor satu, kalau kita ingat pada tahun 1980, kita baca bahawa ada tiga negara sedang bersaing untuk menjadi pemimpin ekonomi dunia iaitu negara Jepun, Germany dan Amerika Syarikat dan banyak ramalan mengatakan Jepun akan mendahului di abad ke-21 tetapi sekarang kita lihat dunia sudah berubah, Jepun sekarang sudah jatuh dan Amerika Syarikat sekarang jadi nombor satu.

Dalam tahun 1980-an dan awal 1990-an apa yang dilakukan oleh Amerika Syarikat adalah untuk mengkaji semula iaitu mengkaji dari segi *quality gap*, di manakah kekurangan-kekurangan Amerika Syarikat walaupun ia satu kuasa besar dari segi sains dan teknologi tetapi Amerika Syarikat mengakui bahawa ia di belakang negara-negara Jepun dan Germany dari segi *quality gap* ini. maka, jurang kualiti (*quality gap*) ini dihapuskan. Dengan sebab itu Amerika Syarikat kembali menjadi sebuah kuasa ekonomi nombor satu sekarang. Begitu juga keupayaan mereka untuk mengatasi kelemahan-kelemahan pada peringkat individu, struktur dan juga di peringkat organisasi.

Antara rancangan yang dibentangkan dalam Belanjawan saya kaitkan dengan perancangan ini yang akan dilakukan oleh *think tank* adalah penekanan negara kita kepada penyelidikan dan perancangan (P&P). Dari segi isu ini apa yang ingin saya nyatakan bahawa pada masa lalu kita juga menekankan kepada P&P tetapi sejauh mana kita yakin atau tidak tentang hasil daripada P&P kerana P&P ini bertujuan bukan untuk mengeluarkan produk baru semata-mata. P&P. Ini bertujuan untuk mengeluarkan produk baru ataupun *differentiated product* yang akhirnya akan dibeli oleh *consumer*. Kalau bersaing di peringkat antarabangsa, *consumer* antarabangsa, yang saya dapati yang berlaku sekarang, kita sekadar pada peringkat mengeluarkan produk baru yang tidak dapat dipasarkan. Jadi, bermakna kita mesti *redefine* P&P ini iaitu untuk dapat menghasilkan produk yang dapat memenuhi permintaan *consumer* di peringkat dunia, baru kita dapat menembusi pasaran antarabangsa.

Kedua, usaha untuk *upscale* dari segi teknologi. Kita kena terima hakikat, pada masa lalu kita bergantung kepada FDI dari segi peningkatan teknologi. Kita perlu menerima hakikat sekarang FDI tidak begitu tertarik sangat kepada negara kita. FDI sekarang ini berpindah ke China dan India untuk mengambil peluang daripada kos buruh yang rendah. Bermakna bahawa dari segi teknologi, efisiensi, *competitiveness* yang menjadi kunci kepada kejayaan sebuah ekonomi pada masa akan datang mesti dibina daripada kita sendiri tidak boleh bergantung lagi kepada pihak lain. Dengan itu saya bersetuju dengan dasar supaya pelaburan berintensifkan buruh dan operasi berbentuk *assembly* ini diminimumkan, diubah kepada berintensifkan modal dan ilmu supaya mengukuhkan *value added creation* dalam ekonomi negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa sudah suntuk, Yang Berhormat diminta sambung petang nanti.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

**Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Tambun, sila sambung ucapan.

**2.30 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, tadi saya menyentuh mengenai dengan soal survival negara dalam sebuah dunia yang makin kompetitif dan saya memberi beberapa pandangan saya, pertama dari segi perspektif hala tuju negara mesti jelas dalam pemikiran semua rakyat, ini termasuklah dari segi wawasan 2020, definisinya mesti jelas, saya sebagai seorang Ahli Parlimen, saya membuat definisi antaranya adalah bahawa wawasan 2020 atau negara maju, bermakna negara kita setaraf dengan negara maju sekarang, bermakna bangsa Malaysia setaraf dengan bangsa negara-negara maju, dari segi hasil pendapatan negara akan meningkat kepada lebih RM120 bilion, pendapatan per kapita akan meningkat kepada lebih RM30,000, dari segi pendapatan rakyat, pada peringkat rendah, peringkat buruh dan kilang, pekerja kilang pun akan mendapat pendapatan lebih dari RM2,000 hingga RM3,000 sebulan.

Definisi yang jelas ini harus diberikan supaya rakyat memahami ke mana arah tuju negara, supaya tidak mudah rakyat dikelirukan terutama dalam suasana politik negara kita yang berbeza dengan standard negara-negara yang dianggap negara maju, kita tidak pegang kepada etika berpolitik, bermakna kita sanggup mengeluarkan apa sahaja pendapat kita ke arah untuk mendapat sokongan walaupun pendapat-pendapat itu tidak baik dan ini mengancam kepada usaha membangunkan negara.

Saya juga menyentuh soal merancang beberapa perkara termasuklah meningkatkan keupayaan sains dan teknologi negara kita memperolehi kompetensi dari segi menggunakan teknologi, mengeluarkan produk bukan produk baru semata-mata mengeluarkan produk tetapi produk yang digunakan oleh pengguna di peringkat global.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya minta pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tambun, tadi Tambun ada menyatakan bahawa perlu dijelaskan kepada rakyat umum, rakyat jelata tentang misi kita untuk menjadi sebuah negara yang maju. Saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat, agenda kita untuk menjadi negara yang maju, menjadi semua lapisan masyarakat cemerlang, tahap hidupnya setanding dengan Barat, tetapi baru-baru ini dihalang ataupun diancam atau di'*obstruct*' dihalang oleh Barat dengan melalui spekulator mereka dengan merosakkan ekonomi kita sementara, alhamdulillah kita telah pulih sebagai, insya-Allah tahun depan seperti sedia kala dengan pertumbuhan 5%, tetapi apa pandangan Ahli Yang Berhormat dalam dua perkara ini, pertama, peranan Barat ini yang cuba menghalang dari kita maju melalui spekulator wangnya, yang keduanya, apakah pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan telah berjaya untuk mengatasi cabaran atau ancaman yang dibuat oleh Barat ini, tetapi pembangkang tidak mahu menerima usaha baik cemerlang kerajaan yang berjaya memulihkan ekonomi kita ini.

Saya minta sedikit penjelasan dalam dua perkara dari Ahli Yang Berhormat bagi Tambun.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Tompin. Tentang peranan Barat ini, memang kita ketahui bahawa dalam sejarah dunia jelas bahawa mereka mahu mempertahankan, bermakna kalau dianggap negara maju, mesti mengandungi negara-negara orang kulit putih, apabila negara Jepun merancang untuk menjadi negara maju pada tahun 1975 dan usaha-usaha ini hampir dicapai, kita dapat melihat di abad ke-20 berlaku dua kali perang dunia.

Saya menterjemahkannya dari segi orang Barat tidak mahu supaya Jepun ini menjadi negara maju, tetapi apabila sudah maju, sama maju dengan dia, dia akan terima dan ini juga kita akan hadapi dalam kita hendak meletakkan negara kita sebagai sebuah negara maju seperti mana saya nyatakan tadi, bahawa dunia ini dikongsi oleh beberapa negara maju – 80% dari pelaburan dan kewangan dunia serta modal dimiliki oleh negara-negara maju ini, dalam kumpulan triad yang terdiri dari Eropah, Jepun dan juga Amerika Syarikat.

Mengenai dengan kejatuhan ekonomi, kita menerima hakikat bahawa bermula tahun 1997 ekonomi kita mula menghadapi tekanan, kesannya dapat kita lihat pada tahun 1998 seperti mana dibangkitkan tadi dan ini disentuh juga oleh Ketua Pembangkang, mengapa pendapatan negara kurang pada hal dalam tahun 1997 pendapatan negara sebanyak RM65 bilion, tahun 1998 sebanyak RM56 bilion dan tahun 1999 budget disediakan pada tahun lalu untuk tahun 1999 sebanyak RM47 bilion.

Apabila kajian semula dibuat untuk tahun 1999 di mana pendapatan negara meningkat pada tahun 1999 ini dijangka meningkat kepada RM56 bilion daripada RM47 bilion, ini mencerminkan kejayaan kerajaan dalam mengatasi masalah-masalah ekonomi dan dari segi makro juga, ini telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan beberapa petunjuk kemajuan ekonomi yang saya ingat tidak perlu saya sentuh lagi kerana ini telah pun terdapat di dalam belanjawan tersebut.

Hanya apa yang saya mohon dalam konteks kita membincangkan belanjawan ini, apabila membuat tuduhan terutama mengenai angka, saya mengesyorkan terutama kepada pembangkang untuk mendapatkan angka yang betul, bermakna apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang menyatakan dalam negara ini kewangan dikuasai oleh beberapa orang, pusingan modal kewangan kekayaan oleh beberapa orang, saya ingat perlu pergi ke Jabatan Perangkaan.

Di dalam negara kita ada empat juga keluarga, ini disenarikan keluarga yang mendapat pendapatan bawah RM300 hingga RM600 sebulan, seluruh sampai pendapatan yang tertinggi, dari situ kita boleh nampak berapa peratus memiliki pendapatan mendaftar ini, sebenarnya dari segi negara kita pendapatan ini agak tersebar pengagihan lebih meluas, tidak tertumpu ataupun concentrated kepada satu-satu bilangan yang kecil menguasai kekayaan negara.

Jadi, saya berpendapat bahawa apabila kita membuat penterjemahan ataupun interpretasi kepada belanjawan dari segi fakta, kita tidak boleh menolak semata-mata kerana kita kata, fakta ini tidak betul, tetapi mesti dikaji secara daripada sumber yang sebenarnya supaya kita tidak membawa gambaran yang tidak betul tentang pemulihan ekonomi kita.

Tadi saya sentuh mengenai dengan *think tank*, saya amat bersetuju mengadakan *think tank* untuk mengadakan pelan strategik tindakan jangka panjang, saya telah menyentuh betapa rumitnya kedudukan kita untuk kita naik ketahap pembangunan yang lebih tinggi, perlukan kepada kekuatan sains dan teknologi dan sudah tentu tugas ting tang ini begitu berat dan saya juga berpendapat, jika perlu kita menggunakan konsultan dari luar, kita patut menggunakan, tetapi ini bukan bermakna kita mesti gunakan konsultan luar, yang saya maksudkan apabila kita hendak merancang pelan strategik negara, kita mesti

mengambil kira semua faktor dalaman dan luaran negara kita, kerana pertumbuhan ekonomi negara kita tidak hanya bergantung kepada keadaan domestik ekonomi, tetapi ia lebih banyak dipengaruhi oleh ekonomi antarabangsa.

Saya ingin mengesyorkan kepada kumpulan *think tank* ataupun dalam menyediakan pelan strategik tindakan jangka panjang ini, supaya kumpulan ini melihat kepada faktor yang menyeluruh, mengadakan kajian ataupun melaksanakan pelan strategik, menggunakan pendekatan yang bersepadu ataupun *integrated approach basis*, melihat negara kita daripada sudut fizikal mahupun sudut *intangible*. Sudut fizikal menyentuh soal institusi kerajaan, syarikat swasta, proses pengeluaran ekonomi, pasaran ekonomi industri serta anggota masyarakat.

Manakala dari segi *intangibles* melihat dari segi pendidikan, latihan, sains dan teknologi, perusahaan, kematangan politik dan sosial kerana kalau kita lihat dari pengalaman negara-negara yang telah mencapai tahap pembangunan yang tinggi, yang memberi perbezaan atau dengan izin, *what makes the difference* antara negara yang mencapai pembangunan dengan yang tidak ini adalah pembangunan *intangible*, dari segi kualiti pendidikannya, kita mesti melihat pendidikan, sistem pendidikan dari segi keupayaan sistem pendidikan itu melahirkan atau menjana para saintis, jurutera, *technician*, pengurus, pekerja mahir dan dari segi saintis dan jurutera kita dan juga ahli-ahli teknologi ini mesti juga dilihat dari segi konteks adakah mereka ini mempunyai kreativiti dan kebolehan untuk melakukan inovasi untuk kita mencipta daya saing yang tinggi dalam dunia global seperti mana yang saya nyatakan tadi, *intangibles* ini ada kalanya malahan kerap kali lebih penting daripada yang fizikal.

Fizikal kalau kita ada duit, kita boleh mencipta, produk kita boleh cipta, tetapi untuk melahirkan produk yang lain, pembangunan dari segi *intangible* ini harus dilihat, dalam erti kata lain, selain dari melihat, perkhidmatan kerajaan, sektor swasta, industri dan sebagainya, kita lihat dari segi sistem pendidikan kita, sistem latihan, sains dan teknologi, pengurusan dan kematangan politik dan sosial yang terdapat di negara kita barulah kita dapat melahirkan ataupun membentuk satu pelan strategik dan pelan strategik ini tidak berguna jikalau kita tidak mempunyai kebolehan dan kemampuan untuk melaksanakannya.

Saya juga berpendapat bahawa antara tujuan negara, institusi ataupun organisasi dari segi jangka panjangnya adalah untuk mencapai kualiti yang *superior*, dalam konteks pembangunan global tadi. Saya berpendapat bahawa untuk kita mencapai ke peringkat kualiti yang *superior*, kita mesti biasa dengan amalan menggunakan benchmark, maknanya kita hidup dalam dunia yang mempunyai *benchmarking culture*, kerana mungkin analisis saya salah, tetapi saya lihat, kita mempunyai banyak institusi dalam negara kita, kita melaksanakan tugas dan tanggungjawab, kita mempunyai target tertentu dari segi pencapaian institusi, tetapi untuk kita hendak menilai sejauh mana kualiti yang telah dicapai oleh institusi ini belum lagi kita tekankan.

Dengan itu, akhirnya institusi kita atau organisasi kita akan berterusan menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan tidak ada peningkatan dari segi kualiti institusi tersebut, maka saya berpendapat kita mesti mencipta kaedah untuk mengukur kualiti. Kalau kita ambil organisasi A misalnya, macam mana ia dan apakah asas-asas yang hendak digunakan untuk mengukur kualiti organisasi tersebut yang melibatkan individu, jabatan dan juga organisasi itu secara menyeluruh.

Kemudian kita meletakkan standard kepada individu ataupun individu, jabatan dan juga organisasi tersebut, *standard* nya macam mana yang hendak kita capai dan kemudian kita ukur dari segi *actual performance* kita, prestasi sebenarnya, adakah ia mencapai standard yang kita tetapkan, kalau tidak dicapai macam mana harus kita lakukan untuk kita jalankan dan kayu pengukur ini harus kita tingkatkan dari masa ke semasa kerana dari awal lagi saya telah menyatakan kita menghadapi masalah *quality gap* dengan

pesaing kita di negara-negara lain, jika kita tidak berusaha untuk menaikkan prestasi kita, gap ini akan berterusan, tidak dapat diatasi bermakna bahawa budaya *benchmarking* mesti dapat kita laksanakan baik dalam kerajaan mahupun sektor swasta kita.

Saya bersetuju dengan belanjawan ini yang mahu menumpukan kepada meningkatkan daya saing dan daya tahan syarikat-syarikat dalam negara dan beberapa cadangan telah digunakan. Saya ingin memberi pandangan saya kerana asalnya ekonomi kita menghadapi kesulitan bermula daripada sektor swasta. Sektor swasta kita belum sampai kepada tahap yang sepatutnya.

Pada masa hadapan juga kita bergantung kepada sektor swasta untuk menjadi ejen utama dalam pemulihan ekonomi dan juga pembangunan ekonomi seterusnya. Saya berpendapat bahawa beberapa pengstrukturian dari segi sektor swasta atau sektor korporat ini harus dilaksanakan.

Pertama, dari segi falsafah korporat, saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan satu artikel berkaitan 300 buah syarikat kecil dan sederhana yang terbaik di dunia. Definisi terbaik di dunia ini bermakna bahawa syarikat yang menjual kurang daripada AS\$500 juta, kemudian pertumbuhan tahunannya dalam lingkungan lebih 10%, ini definisinya yang 300 yang terbaik di dunia. Dan ini ada kaitan dengan falsafah korporat kita.

Saya lihat dalam senarai-senarai 300 syarikat-syarikat berkenaan, bidang-bidang yang diceburi oleh syarikat-syarikat tersebut, bukan satu bidang yang kita anggap jauh dari kemampuan kita, satu syarikat UK terlibat dalam *microchip*, syarikat dari Netherlands terlibat dalam bidang pengeluaran katil. Daripada Itali mengeluarkan break kereta, daripada *Germany – software*, daripada Mexico – *life entertainment organizer*, daripada Afrika Selatan – perkhidmatan kewangan, daripada China – peti ais, dari India – *software* dan daripada Hong Kong – *micro motors*, daripada Thailand – *frozen seafood*, daripada Singapura – *printer head* bermakna kepala *printer*.

Saya lihat dalam senarai tersebut, syarikat-syarikat Asia, kita tolak Jepun, *Philippines* ada sebuah syarikat mengeluarkan makanan dan minuman. Indonesia – empat, antara pengeluarannya bidang minuman, plastik, *packaging*. Taiwan *semi conductors*, banking, *computer components*, *clothing*, ada enam syarikat Singapura tiga syarikat, antaranya mengeluarkan bateri. India ada tujuh buah syarikat, mengeluarkan *software* sebahagian besarnya. Hong Kong ada tujuh buah syarikat, mengeluarkan antaranya terlibat dalam bidang restoran, pakaian, *paper*, *financial services*. Thailand seperti mana saya katakan tadi *seafood processing*, semuanya ada tiga buah syarikat termasuk *news papers*, *farming*. South Korea dalam bidang *auto parts*. Pakistan *agricultural chemical*. Saya pergi ke negeri kita belum ada lagi. Apa yang saya ingin nyatakan dari segi falsafah korporat. Falsafah korporat ada 300 buah syarikat ini pertama sekali mencari bidang yang dikatakan *niche product* yang mana syarikat tersebut mempunyai kekuatan untuk membina *niche product* ini ke peringkat yang mampu bersaing.

Kedua, menanamkan dalam fikiran mereka bahawa produk yang dikatakan *niche* sekarang ini satu hari nanti mungkin akan jadi *giant industry*. Ketiga melihat lebih daripada sempadan negara. Melihat peluang-peluang pada millennium akan datang. Keempat dari awal lagi memikir secara *global*.

Saya cuba membandingkan di antara falsafah korporat yang diguna pakai oleh syarikat-syarikat korporat kita kalau dibandingkan dengan yang ini, ia amat jauh dari segi falsafahnya. Banyak syarikat yang kita temui, dari segi falsafah korporat untuk mendapat keuntungan dan keuntungan itu diperolehi tidak melihat jauh tetapi dari segi dalaman negara kita sahaja. Dengan sebab itu kita tidak dapat keluar daripada sempadan negara kita dan jika falsafah begini berterusan di abad akan datang, maka kita tidak akan mencapai *competitive advantage* kerana *competitive advantage* yang hendak kita capai sekarang

bukan bergantung sebenarnya kepada kerajaan ataupun anggota masyarakat tetapi diterjemahkan dalam bentuk keupayaan syarikat kita, akhirnya untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Kedua, saya berpendapat bahawa kita mesti mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada dalam sektor korporat kita:

- (i) dari segi pengurusan yang lemah;
- (ii) dari segi pertumbuhan berlebihan, bermakna luar daripada kapasiti kemampuan kita. Kita sudah *oversify* begitu jauh sampai bukan dalam bidang yang kita mempunyai *core competencies*; dan
- (iii) kawalan kewangan yang lemah sampai berlaku *over leverage*. Ini harus diatasi.

Ketiga, kita membina satu budaya korporat yang baru ataupun budaya perniagaan:

- (i) berasaskan kepada rasional, pertumbuhan secara rasional. Melihat kepada perancangan jangka panjang, melabur semula dalam bidang yang produktif, pengurusan kewangan yang berhemat.
- (ii) melihat dari segi konteks keuntungan, *liquidity, management of assets* dan sebagainya dalam konteks melahirkan sebuah syarikat yang mempunyai pengurusan kewangan yang berhemat; dan
- (iii) proses-*value creation process*, maknanya proses mempertingkatkan nilai tambah ini mesti ditekankan, yang terbahagi kepada dua yang melibatkan soal pengeluaran dan soal aktiviti-aktiviti sokongan untuk pengeluaran yang efisien iaitu dalam R&D dan juga HRD.

Dalam erti kata yang lain apabila kita melihat kepada *culture of business* yang rasional ini, bagaimana kita hendak melakukan pertumbuhan ataupun perubahan daripada syarikat kecil kepada syarikat besar dan akhirnya kepada syarikat yang boleh bersaing di peringkat global berasaskan kepada perancangan jangka panjang.

Dalam hubungan itu, saya ingin menyentuh tentang peranan kerajaan dalam pertumbuhan ekonomi. Selain daripada kerajaan menyediakan Belanjawan, kerajaan juga mempunyai banyak peranan yang dijalankan. Kerajaan memberi kontrak, mengadakan perbelanjaan kerajaan ataupun mengadakan perbekalan, kerajaan terlibat dalam pemberian lesen dan permit, kerajaan menyediakan dasar-dasar fiskal dan *monitory*, kerajaan mengadakan peraturan dan *statutory requirement*, itu di antara peranan-peranan yang dimainkan oleh kerajaan dan dalam hubungan itu, dalam peranan-peranan yang dimainkan oleh kerajaan itu, saya berharap kerajaan akan menggunakan kuasa dalam melaksanakan peranan tersebut dengan mencorakkan sektor korporat kita supaya menjadi sektor korporat yang betul-betul berdaya maju berasaskan apa yang telah saya nyatakan tadi.

Saya menyokong penubuhan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi mengenai tadbir urus korporat dan kerajaan bercadang supaya dapat mewujudkan piawaian urus tadbir korporat. Saya memang bersetuju dengan cita-cita kerajaan tersebut dan saya berharap bahawa dengan adanya satu piawaian urus tadbir korporat, maka sektor korporat kita akan berdaya maju dan mempunyai ketahanan yang tinggi. Saya ingin mengingatkan balik supaya di antara yang harus ditekankan ialah dari segi proses untuk mewujudkan nilai tambah ini dalam syarikat mesti berasaskan kepada proses yang mempunyai perancangan jangka panjang serta proses pengeluaran dan pemasaran yang efisien, barulah dapat wujud

satu syarikat yang benar-benar berdaya maju. Prinsip-prinsip tamak umpamanya, begitu cepat hendak naik, itu harus diketepikan kerana ini akan hanya mencetuskan ketidakseimbang dari segi proses untuk mencipta kekayaan dan ini akan merosakkan sektor korporat. Begitu juga dari segi pengurusan kewangan mesti ditekankan sebahagian kepada usaha untuk menwujudkan urus tadbir korporat yang *excellence*.

Saya juga menyokong kerajaan apabila mewujudkan *National Annual Corporate Report Awards* (NACRA) di mana bahawa ini menekankan kepada *standard* penyata kewangan yang harus disediakan oleh syarikat-syarikat dan juga dari segi *disclosure* maklumat kepada *public*. Saya berharap bahawa perkara ini akan dapat diturunkan kepada semua syarikat dalam negara kita. Kalau kita lihat dari segi setiap tahun diadakan pemilihan beberapa syarikat yang terbaik, ini melibatkan syarikat-syarikat yang besar, maka *benefit* daripada ini akan hanya diperolehi oleh syarikat-syarikat besar. Bila kita bercakap tentang *good corporate governance*, kita berharap ia menjadi menyeluruh. Begitu juga dari segi Belanjawan, menyatakan bahawa CDRC berjaya untuk menyelesaikan 15 skim penyusunan semula melibatkan RM12.73 bilion.

Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan yang saya ingin sentuh adalah, saya berpendapat bahawa perlu ada *monitoring* dan *follow up* kerana seperti mana yang saya nyatakan dalam Parlimen ini beberapa kali bahawa kegagalan syarikat ini berpunca daripada beberapa faktor dan atas sikap manusia apabila dia telah keluar daripada masalah, dia jadi *complacent* dan dia tidak balik kepada menjaga *standard* yang harus ditentukan. Jika tidak ada *monitoring* dan *follow up* daripada kerajaan terutama daripada CDRC, kemungkinan faktor-faktor yang menyebabkan kepada kelemahan dan kegagalan syarikat-syarikat akan dilakukan semula, maka usaha yang telah dijalankan dengan membantu 15 buah syarikat ini melibatkan jumlah wang yang banyak akan akhirnya rugi, menjadikan kerugian kepada negara.

Begitu juga saya menyokong usaha kerajaan untuk penggabungan bank, yang saya tidak sedap hati, setelah saya bercakap soal penggabungan bank di dalam perbahasan Perbelanjaan Tambahan pada tempoh hari, di mana saya menyatakan bahawa saya bersetuju penjadualan itu dilonggarkan sedikit kerana tempoh waktu untuk melaksanakan penggabungan di bawah jadual yang asal begitu ketat. Tetapi saya juga ada menyatakan bahawa penjadualan ini tidak boleh di ....., kerajaan telah membentangkan Penjadualan Kedua. Jadi, Penjadualan Kedua ini tidak di *flexible* kan lagi kerana kita akan menghadapi persaingan apabila WTO melaksanakan *General Agreement of Trade, Tariff and Services* (*GATTS*). Untuk *banking* bermula pada tahun 2003, bermakna kita sudah begitu lambat sekarang untuk mengadakan penggabungan tersebut.

Saya katakan bimbang tadi pasal dalam beberapa hari tiba-tiba kita lihat bank sudah buat penggabungan masing-masing. Bank ini, cari kawan ini, yang ini cari kawan ini kemudian tolak yang - dan akhirnya banyak fleksibiliti diberi kerajaan, kita akan berkesudahan mempunyai banyak bank. Di mana saya nyatakan awal, saya bersetuju dengan enam bank, tetapi kalau hendak ditambah kepada satu, dua bank, pada saya kita boleh terima tetapi kalau dibiarkan kemungkinan untuk lebih banyak bank kerana saya ada baca dalam analisis-analisis yang mengatakan sektor perbankan memerlukan sepuluh *anchor bank*. Bermakna, akan dikelompokkan, akhirnya menjadi sepuluh buah bank dan apabila banyak bank tumbuh ataupun daripada enam menjadi sepuluh, maka cita-cita untuk mempunyai bank yang kukuh tidak akan kita perolehi.

Di dalam Belanjawan juga menyentuh tentang pasaran, di mana usaha dilakukan untuk meningkatkan permintaan tempatan. Permintaan tempatan ini akan menjadi asas kepada pemulihan ekonomi dan untuk mewujudkan perkembangan ekonomi ataupun pertumbuhan ekonomi dalam tempoh yang terdekat.

Apa yang ingin saya nyatakan di sini bahawa kaedah ini boleh kita pakai dalam tempoh jangka waktu pendek dan pertengahan. Tetapi untuk jangka panjang, permintaan negara kita mempunyai *limitation*, saiz pasaran kita kecil. Dengan itu jika kita bergantung kepada permintaan dalam negara dan saiz pasaran domestik yang kecil, maka kita tidak akan dapat mencapai strategi pembangunan negara untuk meletakkan negara kita sebagai sebuah negara maju dan syarikat-syarikat korporat kita sebagai yang berdaya saing.

Dengan yang demikian, saya berpendapat bahawa penekanan mesti diberikan kepada syarikat-syarikat korporat kita menembusi pasaran antarabangsa. Saya masih lagi berpegang kepada sikap bahawa kerajaan mesti mengadakan satu perancangan jangka panjang untuk tujuan itu dan syarikat kena benar-benar jujur dan ikhlas untuk melaksanakan rancangan-rancangan tersebut.

Saya tidak nampak jikalau diserahkan kepada kerajaan semata-mata untuk menjalankan Program Pemasaran Produk Malaysia, pasaran global akan berjaya. Tanggungjawab mesti diletakkan kepada syarikat-syarikat korporat sendiri, barulah cita-cita dan perancangan-perancangan itu boleh tercapai. Untuk tujuan itu, saya berpendapat bahawa yang paling *immediate* boleh kita capai dari segi untuk menembusi pasaran antarabangsa adalah untuk mengenal pasti produk-produk yang ada sekarang di negara kita.

Saya lihat daripada perancangan P&P hendak mengeluarkan produk-produk baru. Produk-produk baru ini akan mempunyai *lit time* yang panjang untuk berjaya di pasaran antarabangsa, terutama dari segi kita memasuki industri yang lewat, seperti mana yang saya nyatakan tadi bukan mudah untuk kita menembusi pasaran dengan produk yang baru. Untuk memperkenalkan produk baru ini belum tentu boleh tercapai matlamatnya. Oleh yang demikian, kita *identify* projek-projek sekarang. Di antara produk-produk kita pada pendapat saya mempunyai keupayaan untuk pergi ke peringkat antarabangsa, salah satu ialah sistem perbankan Islam negara kita.

Saya ingat ini peringkat *regional*. Ini boleh diperkembangkan Sistem Perbankan Islam. Antara Sistem Perbankan Islam yang berjaya di dunia ini. Ini satu produk yang pada pendapat saya boleh diperkembangkan. Kalau negara-negara macam Afrika Selatan, boleh mengeksport *financial services*, negara seperti Hong Kong dan negara-negara lain mampu untuk mengeksport *financial services* ini. Saya berpendapat kita juga mampu terutama kita mempunyai *niche market* dari segi Sistem Perbankan Islam yang sudah cukup komprehensif. Malahan kalau kita lihat dari segi sektor kewangan dan perbankan dunia bahawa Sistem Perbankan Islam sudah mula mendapat tempat termasuk di negara-negara maju Barat seperti di Jerman pun ada dan banyak negara. Ini satu produk Malaysia yang boleh kita eksport.

Lagi satu Malaysian Airline System di mana saya sentuh pada tempoh hari. Ini memang sudah mempunyai nama di peringkat antarabangsa. Apa yang perlu kita buat hanya penyusunan semula supaya pertama, ia mesti mempunyai daya keuntungan dan kedudukan kewangan yang elok, yang saya difahamkan sekarang keadaan kewangannya tidak begitu sihat. Tahun sudah mengalami kerugian yang besar, ini mesti diselesaikan. Oleh kerana Malaysian Airline System satu yang memang sudah dikenali oleh dunia.

Kemudian PROTON. Saya sudah sentuh tempoh hari dan saya ingat salah satu bidang lagi kelapa sawit boleh kita perluaskan dalam bentuk kita pergi *down stream* dan mengambil peluang daripada proses globalisasi ini kita mengadakan pengeluaran untuk *down stream* di negara-negara pembeli. Kalau pembeli itu besar, China, India, Pakistan, negara-negara Timur Tengah, negara Arab, *Middle East*, kita buka kilang di situ. Eropah Tengah dan sebagainya kita buka kilang di situ. *End product* dikeluarkan di negara-negara tersebut dengan itu hasil kelapa sawit akan terus mempunyai pasaran yang besar dan ini adalah produk kita, produk Malaysia.

Saya ingin mengingatkan balik kerana kecuaiannya kita ataupun pada masa lalu kita tidak mempunyai teknologi dalam bidang getah, bijih timah. Getah sudah hilang *appeal* di dunia, orang tidak lagi menggunakan bijih timah, ia diganti dengan *substitution*.

Saya berpendapat jika daripada awal ialah kerana kita tidak mempunyai teknologi tetapi kalau dari awal kita mempunyai teknologi, kita mengeluarkan produk-produk peringkat *down stream*, maka bijih akan hidup sampai sekarang. Begitu juga dengan getah, *down stream activities* kita tidak *strong*, kita mengeluarkan getah tetapi negara-negara lain yang mengeluarkan produk-produk yang dibeli oleh konsumen. Jadi, sikap ini mesti diubah kerana kita bukan duduk di negara bernama Malaysia, kita melihat dari sudut dalaman sahaja tetapi kita duduk dalam negara Malaysia yang perlu bersaing dengan negara-negara lain untuk mendapat tempat, untuk kita maju dan membangun dalam dunia ini.

Begitu juga dari segi PROTON di mana yang saya nyatakan tempoh hari production mesti diletak di beberapa negara terutama negara-negara yang mempunyai potensi pasaran, di China ada saiz penduduk 2.2 bilion, dengan perubahan masyarakat jadi middle class kegunaan kereta akan berlebihan. Jika dari sekarang kita sudah merancang maka kita akan dapat keuntungan dari segi kita sebagai market leader kerana kita perlu terima persaingan akan kita hadapi daripada Thailand yang mengumumkan negara tersebut sebagai the *Detroit of Asia*.

Memang banyak *car assembly* sedang dalam proses untuk dimajukan dan dengan sokongan daripada Eropah dan Amerika Syarikat dan serta Jepun *triad* ini maka saya berpendapat bahawa apabila *Detroit of Asia* ini dia *take off* nanti ia akan terus menembusi pasaran-pasaran. Saya percaya mereka akan buka pasaran. Saya percaya mereka akan buka kilang-kilang di China. Jadi kalau pada masa itu kita berfikir hendak buka di China, kita sudah tidak ada kedudukan sebagai *market leader* di sana. Kita pula mengejar *market leader* dan ini tentu sukar untuk kita tembusi.

Saya ingin ingatkan sekali lagi bahawa kita berbangga dengan PROTON tetapi dalam kebanggaan kita, kita mesti sedar bahawa ada kemungkinan nanti PROTON tidak boleh bersaing. Saya bincang dengan orang yang terlibat dengan PROTON dia kata kita ada kita punya *market segment*, kita mengeluarkan kereta yang kualitinya kurang sikit daripada kualiti kereta yang bagus tetapi harganya murah orang akan beli. Tetapi pada pendapat saya apabila *Detroit of Asia* dibuka maka kereta yang akan dikeluarkan nanti adalah kereta yang berkualiti tinggi serta harga yang murah.

Saya ingin menyentuh tentang masa hadapan ekonomi kita. Masa hadapan ekonomi kita banyak bergantung kepada industri IT. Secara rasionalnya kita berada dalam dunia perindustrian dan untuk kita menembusi pasaran dunia dalam dunia perindustrian ini bukan mudah. Ini telah saya sentuh tadi, perlu berlaku pelbagai restructuring dalam seluruh sistem negara kita untuk mengeluarkan satu produk baru dalam bidang perindustrian pun bukan mudah. Produk baru lebih sukar lagi, bagaimana pula dengan produk *differentiated* pun begitu sukar. Dengan yang demikian kita mewujudkan MSC. MSC pada harapan kita akan menjadi pusat pengeluaran IT yang akan memasarkan produk di seluruh dunia. Dalam kata lain, dalam bidang perindustrian kita telah sampai kepada peringkat siling. Maka kita berharap dengan penglibatan kita dalam bidang IT kita pergi ke produk baru maka kita boleh menembusi pasaran antarabangsa.

Dari segi rasional memang betul. Yang menjadi kesukaran ialah bagaimanakah hendak mengimplementasikan rancangan ini. Saya tengok dalam 400 syarikat terbesar di dunia dalam senarai - pada tahun 1985, 60% daripada 400 syarikat terbesar di dunia terdiri daripada syarikat terlibat dalam bidang pengeluaran petroleum dan hartanah (*real estate*). Sekarang pada tahun 1999 yang menguasai 400 syarikat terbesar dunia terlibat dalam bidang teknologi, kewangan, media dan *entertainment* dan bidang teknologilah yang paling banyak. Apabila saya banding dengan *top Malaysian companies*, saya lihat syarikat-

syarikat yang terlibat dalam bidang teknologi belum lagi ada tempat. Jadi saya dapati ada ketidakseimbangan antara perkembangan yang berlaku di dunia dengan perkembangan yang berlaku di negara kita.

Ia memberi mesej kepada saya bahawa syarikat kita belum *ready* untuk memasuki bidang ini atau memasuki bidang ini tetapi pada arah dan tahap yang kecil. Ini menjadikan kita bimbang kerana pada pendapat saya jika kita gagal untuk menguasai bidang IT ini maka rancangan kita untuk menjadi sebuah negara yang besar, yang setaraf dengan negara-negara maju sekarang ini, besar kemungkinan tidak akan tercapai. Ini yang menjadi kebimbangan kepada saya.

Dalam Belanjawan menyatakan ada 19 syarikat sekarang ini beroperasi terlibat dalam 4 *flagship* iaitu e-kerajaan, sekolah pintar, teleperubatan dan kad pintar. Jadi, isunya adakah product development atau pembangunan produk yang dilakukan oleh 19 syarikat ini hanya mencapai standard kegunaan dalam negara kita sahaja, tidak ke peringkat menembusi pasaran antarabangsa. Ini satu perkara yang penting jika syarikat-syarikat ini beroperasi dan memenuhi kehendak empat *flagship* tadi dan sampai situ dan *life cycle* nya pun habis maka cita-cita kita untuk menguasai bidang IT ini tidak akan tercapai kerana produk kita tidak dapat menembusi pasaran antarabangsa ataupun produk-produk yang kita keluarkan ini sesuatu yang dikatakan penemuan baru ini sebenarnya tidak sampai kepada tahap permintaan dunia.

Saya merasa lebih bimbang kerana dalam pembacaan saya syarikat-syarikat antarabangsa sudah begitu jauh dalam bidang ini. Salah satu daripada syarikat sudah terlibat dari segi menukar kenderaan kereta menjadi *office*. *Mercedes Benz* yang di dalamnya ada televisyen, faks, komputer, untuk *video-conferencing* ada dan e-mail. Sudah jadi macam *office*, begitu jauh syarikat-syarikat ini pergi dan dari segi kita apakah produk-produk kita ini yang kita keluarkan yang sekarang ini sudah mula memberi perhatian kepada masyarakat antarabangsa, kerajaan antarabangsa ataupun syarikat antarabangsa. Jadi macam mana dia punya kedudukan produk.

Saya sentuh perkara ini sebagaimana saya nyatakan tadi IT adalah satu harapan besar untuk kita keluar dari *ceiling* yang kita hadapi ini untuk kita dapat menjadi negara yang maju.

Sehubungan dengan perkembangan IT ini juga, saya menyokong peruntukan untuk mengadakan modal teroka. Apa yang saya harapkan supaya pengeluar-pengeluar modal teroka ini mesti ada dynamism untuk menghadapi perubahan permintaan industri ini kerana daripada apa yang saya kaji, kita ada *cultural lacked* berbanding dengan negara maju. Di negara-negara Eropah dan Amerika modal teroka ini jadi perkara biasa. Modal teroka ini mempunyai risiko yang tinggi kerana terlibat dalam barangan atau produk yang belum *established* manakala dalam sistem perbankan kita mahu terlibat dalam produk yang sudah *established* baru kita berani bagi pinjaman. Kita sudah ada *performance analysis*, ada *track record* syarikat-syarikat tersebut baru kita bagi.

Modal teroka ini adalah sesuatu yang belum lagi diceburi, bermakna pengeluaran sesuatu produk kadangkala dari kedudukan masih dalam *development*, belum lagi dikeluarkan produk tersebut dalam peringkat *design* dan *development*, modal sudah dikeluarkan. Bermakna bahawa pengeluar modal teroka ini akan menghadapi risiko sekiranya produk yang dikeluarkan tidak mendapat pasaran, bermakna bahawa pinjaman yang diberikan ini tidak dapat dibayar.

Oleh yang demikian mesti ada *dynamism*, *mind set* pengeluar-pengeluar yang di bank atau syarikat modal teroka ini mesti diubah supaya sesuai dengan perubahan zaman dan permintaan zaman pada masa ini. Tanpa *support system* atau sistem sokongan yang kukuh daripada sistem perbankan kita dan modal teroka, maka saya dapati akan jadi sukar bagi syarikat tempatan untuk menceburi bidang IT ini.

Akhir sekali saya ingin menyentuh tentang perkembangan Islam. Ini ada disentuh dalam Belanjawan, satu peruntukan yang banyak disediakan untuk Pembangunan Hal Ehwal Islam sebanyak RM169 juta di bawah JAKIM. Ini tidak termasuk sebanyak RM67 juta ringgit di bawah Kementerian Pendidikan untuk program Pendidikan Islam dan Moral, RM78 juta di bawah JPM untuk membina Darul Quran, bantuan tahunan sebanyak RM300,000 kepada Institut Profesional Baitulmal dan RM1 juta kepada JAKIM untuk program Latihan Guru Yayasan Islam Kelantan.

Apa yang saya ingin sentuh di sini mengenai dengan Pembangunan Hal Ehwal Islam ini adalah dari segi budaya masyarakat Islam di negara kita. Umat Islam di negara kita merupakan 54% daripada seluruh warganegara. Satu jumlah yang dikatakan besar dan dikatakan kecil juga dilihat daripada sudut yang berbeza. Yang saya lihat sekarang yang menjadi kekhuatiran saya di peringkat masyarakat kita, saya dapati dalam masyarakat umat Islam terdapat budaya-budaya yang menjadikan umat Islam menjadi lemah dan tidak produktif, berlaku perpecahan umat yang serius. Antara masalah yang dihadapi saya lihat adalah masalah *extremism*. Saya baca dalam al-Quran, dari segi Islam *extremism* memang ditentang, saya baca hadis Rasulullah s.a.w, jauhi pelampau agama, rosaknya umat sebelum adalah kerana pelampau dalam agama.

Saya baca sejarah Islam pada abad ke-13 umat Islam adalah umat yang paling agung di dunia. Daripada abad ke-7, 8 hingga abad ke-13, masa umat Islam menjadi umat yang agung, dunia Eropah duduk di dalam *the dark edges*, ini bermakna di dalam zaman kegelapan. Tiba-tiba pada abad ke-13 orang Tartar, Mongolia jauh, naik kuda boleh menjatuhkan satu tamadun yang besar. Tahun lalu saya pergi ke Mongolia, ibu negeri nama Ulan Bator, besarnya Ulan Bator ini, besar pekan lama Ipoh, kecil daripada Taiping lagi, besar Kuala Kangsar, kecil. Bermakna di dalam ambang abad ke-21 tamadun bangsanya jauh ke belakang. Basnya saya boleh kira ada beberapa buah, kenderaan utamanya kuda, industrinya kuda, ada satu *factory* sahaja, makanannya makan nasi sup kuda, daging bakar kuda, daging rebus kuda, itu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, supnya dari segi bau, kita orang Malaysia lebih hebat daripada orang Mongolia kita pun minum *steady* sahaja.

Jadi, tamadunnya begitu jauh, sampai dia lihat kita ini sebagai satu emperor dunia yang besar, dia tanya, nasihat kita macam mana hendak bangun negara dia. Jadi, saya cuba bayangkan 600 tahun lalu macam manakah taraf dia, duduk dalam *the dark edges*, manakala tamadun Islam jadi satu tamadun yang menguasai dunia. Dia naik kuda beberapa ribu batu boleh kalahkan orang Baghdad, orang Islam begitu mudah, kerana apa, kerana pada masa itu kerajaan Baghdad atau kerajaan Islam terdiri daripada Mazhab Hanafi, mengkafirkan orang mazhab Shafie.

Dalam satu kes apabila anak orang mazhab Shafie hendak kahwin dengan mazhab Hanafi berlaku pertempuran di dalam bandar itu. Jadi orang Tartar masuk senang. Dalam zaman moden ini, semenjak tahun 1992, 70,000 orang terbunuh di Algeria kerana masalah ini- kafir. Jadi, saya hendak sentuh perkara ini sedikit, Islam menolak kepada *extremism*. Kalau mengikut Dr. Yusuf Qardhawi, tanda-tanda *extremism* ini ada enam.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

Satu, taksub. Saya dengar Yang Berhormat bagi Marang berucap, begitu taksub. Dia keluarkan ucapan Saidina Abu Bakar r.a mengatakan ucapan Saidina Abu Bakar itu yang dia pakai. Orang lain tidak pakai, ini taksub. Kedua, mewajibkan perkara yang tidak wajib. Ketiga, keras di dalam masyarakat. Keempat, kasar dan kesat. Kelima, prasangka. Kita sahaja yang sayangkan Rasulullah, orang lain tidak dan yang keenam, mengkafirkan. Malahan kalau kita baca hadis Rasulullah s.a.w., mengkafirkan orang Islam, kalau peringkat kepada saudara, 'Hai kafir', kata macam itu maka keluarlah dia daripada Islam bagaikan anak panah keluar dilepaskan daripada busur. Kalau kita baca kitab feqah Imam

Syafie, mengkafirkan orang kalau tidak kafir, ketentuan hukumnya hanya Allah S.W.T sahaja yang tahu, hukumnya murtad tetapi ini berlaku di dalam masyarakat kita. Malah saya terdesak kepada saya, saya pergi ke Jabatan Agama Islam dan membincangkan perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Machang bangun.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Setuju tak dengan saya bahawa kesemua unsur-unsur yang disebut oleh Yusuf Khardawi itu mengenai makna taksuf itu terdapat dalam perjuangan parti PAS sekarang. Setiap satu persatu, contoh-contoh yang berlaku khususnya dakwaan-dakwaan PAS itu memang keenam-enam perkara itu menepati apa yang ditafsirkan sebagai taksuf itu. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, memang itulah. Saya pernah membangkitkan perkara ini tetapi Yang Berhormat bagi Arau kata kepimpinannya tidak melakukan ini. Saya kata, kita buat analisis. Tuan Yang di-Pertua, saya buat analisis, di peringkat masyarakat 'study', ini akan menjadi masalah. Saya buat kajian saya berdasarkan trend analisis, saya katakan dalam tempoh 10 tahun akan datang ini akan menjadi masalah besar dalam negara kita. Apabila orang yang telah menuduh orang kafir telah menghayati, satu perkara antara yang akan berlaku kata Yusuf Khardawi berasaskan kepada kajian dia menghalalkan darah dan harta benda orang yang dikafirkan. Apabila ini berlaku, jadilah macam di Algeria. Orang yang tidak berdosa sesama Islam naik di jalan-jalan dibunuh, kepala tidak ada kerana dia itu sudah kafir.

Jadi, perkara ini serius dan banyak lagi kesalahan-kesalahan agama yang dilakukan. Ada satu borang saya tengok sama ada kepimpinan atas atau bawah yang buat saya tidak tahu, tetapi borang itu tulis *Masuk PAS Masuk Syurga*. Lagi satu, *Tiket ke Syurga*. Ini membohongi masyarakat, memang orang Islam mahu masuk syurga. Saya pernah bangkitkan di dalam Dewan ini, ini satu kesalahan besar. Kalau kita baca Mustika Hadis Rasullullah s.a.w., ini tergolong dalam syirik khofi. Syirik ada dua, syirik akhbar dan syirik khofi, syirik khofi ini syirik yang tersembunyi, syirik kecil. Dalam kitab Mustika Hadis Rasullullah s.a.w. dia beri contoh, jikalau pagi esok kita beritahu kepada rakan kita, semalam kalau tidak kerana ayam berkokok maka sudah pasti rumah aku masuk pencuri. Itu sudah menyekutukan Allah S.W.T ini lebih pula lagi, masuk parti ini masuk syurga. Jadi, ini kerosakan yang berlaku dalam masyarakat, masyarakat sudah jadi fanatik, jadi ekstrim.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Minta penjelasan, Yang Berhormat. Yang Berhormat tahu tak ada satu yang lebih hebat daripada itu ialah dia menanam bendera PAS. Apabila seseorang penyokong PAS itu mati, dia meletakkan bendera itu bersama kain kapan dan dimasukkan ke dalam kubur. Ada setengah itu meletakkan tanda bulan didahinya. Saya tidak tahu apa motifnya, barangkali untuk berpesan kepada mungkar nangkir jangan pukul orang-orang ini kerana ini adalah penyokong kita. Sampai begitu sekali ketaksufan yang berlaku, ini berlaku di Kelantan.

Dan suatu masa dahulu dia pernah menyebarkan untuk menggambarkan ketaksufan dia kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, dia menyebarkan satu cerita dengan harapan cerita ini akan bersebar keseluruhan Kelantan dan kemudian akan mengganggu bahawa Nik Aziz ini atau Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan ini mempunyai mukjizat tidak lut ataupun tidak boleh dibedil dengan peluru. Satu cerita dia kata, suatu pagi Yang Amat Berhormat Menteri Besar sedang mengambil air sembahyang untuk sembahyang subuh, kemudian selepas itu datang seorang yang diupah untuk menembak beliau tetapi malangnya pistol itu tidak meletup dan kemudian apabila bangun pagi esok, bila matahari terbit didapati orang berkenaan sedang berenang di atas darat, hendak menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan ini tidak lut oleh peluru dan dia ini dilindungi oleh Allah S.W.T

Kemudiannya cerita ini tersebar rata, bila kita tanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dia mengatakan berita ini tidak berlaku tetapi tidak ada satu pun orang yang mengesahkan atau melarangkan pihak ini menyebarkan cerita-cerita berkenaan. Sedangkan dalam Islam kita tahu junjungan besar Rasulullah s.a.w. sendiri pun pernah mengalami cedera dalam suatu peperangan dan keempat-empat khulafah Ar-Rashidin pun ialah mati dibunuh. Maknanya di dalam Islam tidak ada orang yang tidak lut, yang tidak lut ialah Allah S.W.T tetapi PAS boleh menyebarkan cerita-cerita sedemikian.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya melihat perkara ini serius kerana ini bukan soal perkara politik sebenarnya. Politik sokong, tidak sokong itu politik demokrasi tetapi dia sudah menjadi satu budaya dalam masyarakat. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Machang itu tidak dilihat di kawasan saya, saya tidak buat analisis. Tetapi jika ini yang berlaku, kita sudah mewujudkan masyarakat yang ekstrem. Ekstrim yang lebih menyedihkan kerana percaya kepada perkara-perkara yang bukan Islamic.

Saya sendiri apabila berlaku peristiwa Memali, beberapa tahun yang lalu, saya sendiri pergi, saya hendak tengok apa yang terjadi, saya lihat di dinding rumah, ada orang yang beritahu macam-macam, saya buat kajian betulkah itu darah ataupun tidak dan dalam kajian saya itu bukan darah, itu sos letak di atas. Itu dalam kajian saya kerana bukan tompok darah dan akhirnya saya berfikir, jika akhirnya orang ini bukan mati syahid, kita tidak memandikan dia. Tuan Yang di-Pertua, mati syahid ini betul, kita tidak mandikan dia kerana darah orang mati syahid ini bagaikan bau kasturi di syurga dan orang mati syahid ini, 70 keluarganya akan mendapat rahmat daripada Allah. Tetapi dalam soal ini, adakah betul mati syahid? Mati syahid '*makroka*', bermakna mati syahid berperang zaman dahulu mempertahankan Islam tetapi kalau yang ini mati syahid apa? Mati syahid akhiratkah? Ini bukan mati syahid '*makroka*' yang tidak perlu dimandikan, jadi inilah bila naik sahaja pokok, letak bendera, bila jatuh mati syahid.

Bendera ini bukan sunnah rasullah, sunnah rasul kalau mengikut Albarak, bendera dia kalau semasa perang, empat segi warna hitam. Kalau masa aman empat segi warna putih dia letak di tempat-tempat yang elok. Ini pendustaan yang berlaku dalam masyarakat, merosakkan budaya umat Islam dan asal tadi saya kata dalam negara kita umat Islam hanya 54% boleh dikatakan banyak daripada satu sudut, boleh juga dikatakan sedikit di suatu sudut.

Bila berlaku perpecahan begini, yang ekstrim tidak lagi produktif, tidak lagi mahu belajar bersungguh-sungguh, tidak mahu langsung mengikut program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Apa akan jadi kepada umat Islam, produktiviti rendah, efisiensinya rendah, dia tidak mampu bersaing dalam dunia globalisasi akan datang. Dia akan menjadi masyarakat yang terpinggir dan mengapa ia terpinggir kerana inilah budaya ini yang kita wujudkan.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman::** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Tambun. Saya hanya ingin meminta penjelasan sebab saya tertarik hati tentang analisis Yang Berhormat tentang kepincangan masyarakat sekarang. Saya teringat semasa kecil-kecil dahululah apabila kita dengar Tok Guru kita mengajar antara lain diberitahu kepada kita di dunia akhir zaman nanti maka akan turunkah satu makhluk ke dunia ini, dia menjaja kepada orang ramai dia kata 'awak ikutlah saya, kalau ikut saya masuk syurga, kalau ikut dia itu awak masuk neraka'. Saya hendakkan penjelasan, apakah nama makhluknya? [*Ketawa*]

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya punya kajian tidak sampai tinggi macam.... [*Ketawa*] Parit Buntar ini, saya ingat saya perlu belajar daripada beliau. Tetapi saya ingin menyatakan bahawa hanya Allah sahaja mempunyai kuasa untuk menghukum. Menghukum ini tidak diletakkan kepada manusia.

Manusia tidak tahu untuk dia boleh menghukum. Jadi saya berharap kepada JAKIM dengan peruntukan itu sebanyak RM169.2 juta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Machang bangun pula, ya.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Minta penjelasan kepada Yang Berhormat. Saya cukup tertarik dengan ucapan Yang Berhormat tentang penyelewengan-penyelewengan hukum yang dibuat oleh PAS ini. Sebab selaku umat Islam kalau kita biarkan ini, saya percaya dia akan merosakkan akidah umat Islam yang tidak berdosa. Ini saya hendak sentuh ini gambar Yang Berhormat [*Menunjukkan gambar*] Ini berlaku di Terengganu gambar sembahyang dua imam. Dua imam perbuatan dikutuk, berlaku di Terengganu.

Ini bukan peristiwa yang saya reka-reka, dengan gambar cukup lengkap. Dia menghukumkan bahawa sembahyang berimam orang yang berpolitik kepada UMNO adalah tidak sah. Ini yang membuat fatwa ini ialah Yang Berhormat bagi Marang sendiri, kemudian selepas itu timbullah kecoh dalam kampung itu kerajaan tangkap. Kerajaan tangkap dan bicara di mahkamah, kemudian balik. Kemudian dia sembahyang juga tidak putus-putus, malah perkara ini berlaku di Terengganu bukan satu tempat, banyak tempat.

Di Kelantan pun sama malah perkara-perkara seperti ini dilanjutkan lagi iaitu berkahwin dengan imam yang berpolitikkan UMNO itu tidak sah, kena nikah semula sehingga ada pasangan yang bercerai kerana fatwa yang dikeluarkan ini. Ada pasangan berhampiran dengan kampung saya sehingga berpisah di antara suami dengan isteri kerana suaminya ialah UMNO dan isterinya adalah PAS, maka dihukum bahawa pernikahan itu tidak sah. Yang menjadi masalahnya soal imam dia tanya, mesti syarat dia itu Islam kerana kononnya imam itu tidak Islamlah kerana parti UMNO. Kemudian saksi dia tidak tanya pula saksi ini Islam ke tidak, sedangkan rukun nikah kalau imam itu orang Islam saksi pun mesti Islam juga. Tetapi dia hukum sehingga memporak-perandakan, teruk berlaku. Jadi Yang Berhormat setuju bahawa kalaulah perkara-perkara seperti ini dibiarkan dan nampaknya pemimpin PAS sendiri berdiam diri.

Bila kita bangkitkan perkara ini dia tidak menafikan dan bila kita minta pandangan dia kalau perkara ini tidak betul, larang orang-orang PAS supaya jangan menyebarkan peristiwa-peristiwa seperti ini tetapi sekarang masih berleluasa lagi. Malah sembahyang dua imam ini saya difahamkan sampai sekarang wujud. Ini bukan rekaan Yang Berhormat saya ada bukti nyata [*Menunjukkan gambar*] Ini hasil daripada fatwa yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Marang. Adakah ini juga merupakan unsur-unsur yang akan memecah-belahkan umat Islam?

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Sepertimana saya nyatakan tadi Tuan Yang di-Pertua, saya merasa *concern* atas perkara ini, bermakna bahawa Yang Berhormat Marang telah membongkarkan lebih banyak lagi perkara-perkara yang tidak sepatutnya berlaku. Saya nyatakan tadi saya merasa kluatir ke manakah arah tuju umat Islam sekarang ini. Itu yang saya rasa kluatir. Kalau ini berterusan 10 tahun akan datang akan lebih serius dan umat Islam tidak mampu untuk bersaing. Orang lain sedang membina kekuatan ilmu, teknologi, kemahiran, tetapi perkara ini yang kita hadapi sekarang ini.

Kita akan jadi rosak dan akhirnya sampai kuasa politik itu pun saya percaya akan hilang daripada tangan umat Islam.

Cerita nikah ini berlaku dua tiga bulan dahulu - orang Perak, dia tidak tahu dia pergi bernikah dengan orang Terengganu, saya lupa nama tempatnya. Jadi adalah keluarga orang Perak ini pergi ke Terengganu pukul 10.00 pagi. Datang jurunikah kerajaan, "aku nikahkan kamu....," selesai. Dia bagi surat nikah. Kemudian yang orang Perak ini hendak baliklah, "tunggu dulu", dia kata. Pukul 11.00 pagi datang jurunikah lain, jurunikah PAS. Kita orang Perak terkejut kerana luar dari budaya kita, dua kali nikah.

Saya tidak faham akan sistem ini, dia begitu teruk keadaannya, itu fasal bila saya dengar Yang Berhormat bagi Marang bercerita tentang Belanjawan, saya rasa seolah-olah Dewan Parlimen Malaysia ini terletak di Kosovo ataupun terletak di Albania ataupun terletak di tengah-tengah Afrika. Seolah-olah di luar Parlimen ini seluruh rakyatnya hidup kebuluran, makan tidak ada, miskin, rumah tidak ada. Kalau dengar dari segi rintihan emosi dia menyampai hujah-hujah yang penuh dengan sikap-sikap yang negatif yang tidak melambangkan budaya Islam dalam ucapannya.

Saya rasa sedih, ini yang berlaku Tuan Yang di-Pertua. Jadi dalam program pemulihan dan kemurniaan akidah ini harus menekankan kepada mengatasi masalah ini. Said Sabiq berkata "tamadun Islam berasaskan kepada akidah, syariah dan akhlak" dan ini tidak akan tercapai. *The way of life* yang kita hendak laksanakan itu tidak akan tercapai jika masalah ini, bukan sahaja masalah perpecahan tetapi pembudayaan. Perkara-perkara ini yang hidup dalam masyarakat, itu yang meruntuhkan umat Islam yang sedang berlaku sekarang di mana harus diatasi untuk umat Islam merasa selesa masuk ke abad ke 21 nanti. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Parit Sulong.

3.43 ptg.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya mengucapkan syukur alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T. kerana Belanjawan 2000 telah selamat dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada Jumaat yang lalu. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana Belanjawan 2000 ini adalah Belanjawan mesra rakyat, Belanjawan yang memenuhi kepentingan seluruh lapisan rakyat jelata, biar pun dari pekebun kecil, penoreh getah sehingga kepada kakitangan awam, dari usahawan tradisional kepada usahawan ICT dan dari pelajar sehinggalah kepada karyawan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang termaktub di dalam Belanjawan 2000 ini adalah manifestasi kebijaksanaan Kerajaan Barisan Nasional, kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan kebijaksanaan seluruh barisan arkitek pengubal Belanjawan negara itu sendiri. Belanjawan ini juga membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional memang sungguh-sungguh berusaha untuk membebaskan ekonomi negara kita dari kegawatan yang parah mulai tahun 1997 dahulu.

Adalah tidak wajar jika hari ini terdapat sesetengah kalangan di dalam Dewan yang mulia ini cuba mempersenda-sendakan keikhlasan Kerajaan Barisan Nasional di dalam menggubal Belanjawan 2000 ini. Adalah tidak wajar sama sekali jika pihak pembangkang menyatakan bahawa Belanjawan 2000 adalah Belanjawan untuk memancing undi pilihan raya. Belanjawan 2000 kononnya mencerminkan dasar-dasar cacat kerajaan Barisan Nasional untuk membebaskan Malaysia dari kegawatan. Belanjawan 2000 kononnya akan memburukkan lagi situasi ekonomi negara yang semakin pulih atau Belanjawan 2000 ini kononnya Belanjawan yang cuba mempermain-mainkan masa depan rakyat jelata seluruhnya.

Bagaimanapun, hakikatnya ialah Belanjawan 2000 ini memang telah digubal secara teliti dan komprehensif sehingga pihak pembangkang pun terkapai-kepahi habis modal untuk mengkritiknya. Contohnya, semalam kita telah mendengar betapa mendatarnya ucapan Ketua Pembangkang di Dewan yang mulia ini. Ucapan beliau tidak langsung mencerminkan kebijaksanaan yang tinggi. Ucapan beliau tidak langsung menyengat, ucapan beliau hanya dihiasi dengan tuntutan-tuntutan serta tuduhan-tuduhan yang memang lumrah untuk dizahirkan oleh pihak pembangkang pada setiap masa.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hairan bagaimana Ketua Pembangkang mendakwa bahawa penghapusan lesen TV oleh pihak Kerajaan Barisan

Nasional adalah hasil perjuangan pembangkang sebagaimana yang disuarakan menerusi 'Belanjawan Alternatif' yang dibentangkan oleh 'Barisan Alternatif' dua hari sebelum Belanjawan 2000 ini. Inilah agaknya kerja pembangkang. Saya yakin rakyat tidak akan terpedaya dengan dakwaan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapannya Jumaat lalu, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengatakan bahawa kerajaan akan meneruskan usaha meningkatkan jumlah pekerja mahir, berpengetahuan serta berorientasikan teknologi tinggi dan teknologi maklumat. Sehubungan dengan hakikat tersebut, Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan bahawa enrolmen dalam jurusan sains dan teknologi di Institusi-institusi Pengajian Tinggi akan ditambah.

Saya menyanjung tinggi usaha-usaha sedemikian. Bagaimanapun, saya harap usaha menambahkan enrolmen pelajar di Institut Pengajian Tinggi di bidang sains dan teknologi ini perlu didahului dengan langkah-langkah memantapkan pencapaian pelajar-pelajar bumiputera khususnya di dalam mata pelajaran Sains dan Matematik Usaha memantapkan pencapaian pelajar bumiputera di bidang Sains dan Matematik ini hendaklah dilaksanakan seberapa segera kerana jika tidak, saya khuatir penambahan enrolmen pelajar di IPT di bidang sains dan teknologi akan hanya berakhir dengan penambahan pelajar bukan bumiputera di jurusan tersebut.

Saya berpendapat sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita semua sedia maklum bahawa pelajar bumiputera memang lemah di dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Kelemahan ini digandingi pula oleh kelemahan di dalam penguasaan Bahasa Inggeris. Contohnya, satu kajian yang dijalankan oleh beberapa pihak baru-baru ini telah mendapati bahawa dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 1996, pelajar bumiputera yang mendapat keputusan cemerlang iaitu yang mendapat pangkat A1 sehingga A2 di dalam bidang Matematik hanya 8.2% sementara yang mendapat kepujian iaitu di antara A1 hingga C6 hanya 29.2%. Pada tahun yang sama, pelajar bukan bumiputera yang lulus cemerlang di bidang Matematik ialah 32.7% sementara pelajar bukan bumiputera yang mendapat kepujian dalam Matematik pada tahun 1996 ialah 62.7%

Di dalam peperiksaan SPM 1997, kelemahan pelajar bumiputera di bidang Matematik masih lagi ketara. Golongan mereka yang mendapat kelulusan cemerlang ialah 16.5% berbanding dengan 41.9% bagi pelajar bukan bumiputera. Pelajar bumiputera yang mendapat kelulusan kepujian di bidang Matematik pada tahun 1997 di peringkat SPM ialah 36.6% berbanding dengan 63.3% bagi pelajar bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, pada peperiksaan SPM 1998, pelajar bumiputera yang lulus cemerlang di bidang Matematik ialah 16.3% berbanding dengan 41.2% bagi pelajar bukan bumiputera. Sementara itu, pelajar bumiputera yang mendapat kepujian di dalam Matematik pada SPM 1997 ialah 34.6 peratus berbanding dengan 60.3% bagi pelajar bukan bumiputera.

Kelemahan pelajar bumiputera di dalam pelajaran Matematik Tambahan juga amat menonjol. Contohnya, di dalam peperiksaan SPM 1996, pelajar bumiputera yang memperolehi markah cemerlang di dalam mata pelajaran tersebut ialah 4.1% berbanding dengan bukan bumiputera 27.2%. Pelajar bumiputera yang beroleh kepujian dalam mata pelajaran Matematik Tambahan dalam SPM 1996 ialah 38.2% berbanding dengan 75.3% bagi bukan bumiputera.

Dalam SPM tahun 1997, pelajar bumiputera yang mendapat markah cemerlang dalam Matematik Tambahan ialah 3.9% berbanding 26.4% bagi pelajar bukan bumiputera. Pelajar bumiputera yang mendapat kepujian dalam Matematik Tambahan adalah 35.7% sementara pencapaian pelajar bukan bumiputera pada tahun tersebut ialah 72.4%.

Tuan Yang di-Pertua, bagi peperiksaan SPM 1998, pelajar bumiputera yang beroleh kecemerlangan di bidang Matematik Tambahan ialah 6.7% berbanding 36.4% bagi pelajar bukan bumiputera. Sementara itu, pelajar bumiputera yang mendapat markah kepujian di dalam Matematik Tambahan dalam tahun 1998 ialah 34.6% berbanding 60.3% bagi pelajar bukan bumiputera.

Kelemahan pencapaian pelajar bumiputera bagi pelajaran Fizik, Kimia dan Biologi di dalam peperiksaan SPM juga amat ketara. Misalnya, di dalam peperiksaan SPM tahun 1996, pelajar bumiputera yang cemerlang di bidang Fizik ialah 2.7% sementara pelajar bukan bumiputera ialah 15.7%. Pelajar bumiputera yang mendapat kepujian di dalam mata pelajaran Fizik bagi SPM 1996 ialah 37.1% berbanding 69.8% bagi pelajar bukan bumiputera bagi tahun 1996.

Untuk SPM 1997, Tuan Yang di-Pertua, pelajar bumiputera yang cemerlang di bidang Fizik ialah 2.7% juga sementara bukan bumiputera menduduki 19%. Pelajar bumiputera yang mendapat kepujian dalam Fizik pada tahun 1997 di peringkat SPM ialah 43.4% sementara pelajar bukan bumiputera ialah 74.8%.

Dalam peperiksaan SPM 1998, pelajar bumiputera yang cemerlang di dalam mata pelajaran Fizik ialah 2.6% berbanding 17.3% bagi pelajar bukan bumiputera. Sementara itu, pelajar bumiputera yang mendapat kepujian di dalam Fizik pada SPM 1998 ialah 39.4% berbanding 70.2% bagi pelajar bukan bumiputera.

Di dalam SPM 1996, pelajar bumiputera yang cemerlang di dalam mata pelajaran Kimia ialah 4.3% sementara bukan bumiputera ialah 20.9%. Pelajar bumiputera yang mendapat kepujian pula ialah 41% berbanding 72.7% bagi pelajar bukan bumiputera bagi SPM tahun 1996.

Bagi SPM 1997, pelajar bukan bumiputera yang cemerlang di bidang Kimia ialah 3.8% berbanding 22.1% bagi pelajar bukan bumiputera. Sementara itu, pelajar bumiputera yang mendapat kepujian dalam mata pelajaran Kimia bagi SPM 1997 ialah 37.1% berbanding 69.4% bagi pelajar bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, pelajar bumiputera yang cemerlang di bidang Kimia dalam SPM 1998 ialah 4.2% sementara bukan bumiputera ialah 23%. Pelajar bumiputera yang mendapat kepujian pula bagi SPM di dalam mata pelajaran Kimia tahun 1998 ialah 35.3% berbanding 66.5% bagi pelajar bukan bumiputera.

Selanjutnya, pelajar bumiputera yang mendapat keputusan cemerlang di dalam mata pelajaran Biologi bagi SPM 1996 ialah 3% berbanding dengan 14.3% bagi pelajar bukan bumiputera. Pelajar bumiputera yang mendapat kepujian dalam tahun 1996 dalam mata pelajaran Biologi pula ialah 37.7% berbanding 65.7% bagi pelajar bukan bumiputera.

**Dr. Tan Chong Keng:** Penjelasan, Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Saya ingin tanya sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak, sebutan angka-angka dalam Bahasa Malaysia yang panjang lebar seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mungkin sudah menjadi satu halangan kepada proses pemikiran Matematik dan Sains Teknologi antara golongan pelajar-pelajar bumiputera. Saya ambil satu contoh, kalau saya sebut "*ninety nine point nine nine*" dalam bahasa Cina, sebutannya "*chiew chiew pien chiew chiew*", lima bunyi sahaja. Tetapi kalau saya sebut "*ninety nine point nine nine*" dalam Bahasa Malaysia bunyinya panjang lebar macam ini, "sembilan puluh sembilan peruluhan sembilan puluh sembilan". Berapa bunyi semuanya? Saya ingin tanya Yang Berhormat bagi Parit Sulong, adakah ini sudah menjadi satu halangan kepada proses pemikiran antara golongan pelajar-pelajar Melayu dan bumiputera kerana sebutan bahasa itu terlalu panjang. Saya cadangkan supaya kita sebut "sembi" sahaja bagi sembilan. Jadi ini cadangan saya. Adakah sedar atau tidak Yang Berhormat?

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, rakan saya bagi Bukit Mertajam, dia adalah pemegang Ph.D dalam bidang Matematik dan *Engineering*. Jadi saya tidak mahu berpolimik dengan beliau di dalam *methodology* untuk mengajar Matematik. Saya harap pakar-pakar daripada Kementerian Pendidikan akan mengambil kira pandangan Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat boleh dibawa dalam proses *consultation* untuk kita memperbaiki sebagaimana yang akan saya cadangkan kemudian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana panjang sedikit dengan statistik ini. Dalam tahun 1997, pelajar bumiputera yang cemerlang di bidang Biologi dalam SPM ialah 4% sementara pelajar bukan bumiputera pencapaiannya 17.3%. Pelajar bumiputera yang mendapat kepujian di bidang Biologi dalam SPM 1997 ialah 42.6% sementara pelajar bukan bumiputera pencapaiannya adalah 64.1%.

Bagi SPM 1998, pelajar bumiputera yang cemerlang di bidang Biologi ialah 4.3% sementara bukan bumiputera ialah 17.3%. Pelajar bumiputera yang mendapat kepujian dalam mata pelajaran Biologi bagi SPM 1998 pula ialah 44.1% sementara pencapaian pelajar bukan bumiputera bagi mata pelajaran yang sama ialah 64.7%.

Saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini menghuraikan statistik perbandingan pencapaian pelajar bumiputera dan bukan bumiputera di bidang Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi bagi SPM 1996, 1997 dan 1998 ini semata-mata untuk menunjukkan kepada masyarakat umum dan pembikin dasar betapa lemahnya prestasi pelajar bumiputera di dalam mata pelajaran yang saya sebutkan tadi.

Maka, jika kerajaan bercadang menambah enrolmen pelajar Sains dan Teknologi di Institut Pengajian Tinggi di tahun-tahun akan datang ini, kerajaan mestilah berusaha keras memberi kursus pementapan Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia, Biologi khusus kepada pelajar bumiputera lulusan SPM. Jika tidak, pelajar bumiputera akan ketinggalan jauh di belakang yang bukan bumiputera.

Oleh itu, Tuan Yang di-pertua, berdasarkan hakikat dan statistik yang saya huraikan tadi, saya mencadangkan semoga kerajaan segera melaksanakan satu *Salvage Programme* ataupun Program Pembelaan bagi pelajar bumiputera lulusan SPM yang lemah di dalam mata pelajaran yang saya sebutkan tadi. Tempoh program berkenaan terserahlah kepada golongan pakar pendidik negara untuk menentukannya. Sesudah mereka menjalani program pementapan di bidang Matematik baik, Matematik Tambahan, Sains, Kimia dan Biologi barulah pelajar-pelajar ini boleh disalurkan ke IPTA sama ada di peringkat Universiti ataupun peringkat Diploma di kolej-kolej. Saya yakin sekiranya program *salvage* ini dilaksanakan dengan segera maka lebih ramai pelajar-pelajar bumiputera akan dapat memasuki Institut Pengajian Tinggi di bidang Sains dan Teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, *salvage programme* yang saya cadangkan ini pernah dilaksanakan oleh Institut Teknologi Mara sebelum institut tersebut menjadi Universiti. ITM ketika itu pernah melaksanakan *salvage programme* bagi lebih kurang 14,000 pelajar. Program tersebut terbukti berjaya kerana pelajar-pelajar yang melalui program pembelaan atau pementapan di bidang-bidang Sains tadi sekarang ini telah pun lulus dan menjadi profesional di pelbagai bidang Sains dan Teknologi. Menurut mereka yang memimpin ITM, ada di kalangan pelajar-pelajar tersebut kini ada yang telah menjadi jurutera, ada yang telah doktor dan ada yang telah menjadi ahli korporat yang terkenal.

Saya pasti pihak kerajaan akan prihatin dan sensitif terhadap cadangan ini. Saya harap sangat-sangat kerana jika kerajaan sanggup membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memulihkan generasi muda Malaysia yang dijebak penagihan dadah menerusi pusat-pusat serenti dan sekiranya kerajaan mampu dan sudi membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memberi pembelaan kepada generasi muda Malaysia yang sedang merengkok di dalam penjara akibat jenayah yang berkait dengan dadah dan sekiranya kerajaan sanggup membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memulihkan anak-anak generasi muda Malaysia

yang bobrok akhlaknya, maka apalah erti wang berjuta-juta ringgit untuk menyediakan salvage program di dalam mata pelajaran Matematik, Matematik Tambahan, Sains, Kimia dan Biologi.

Satu perkara lagi yang saya cadangkan di sini adalah kelemahan anak-anak bumiputera di dalam penguasaan Bahasa Inggeris. Dari kajian yang juga dilaksanakan baru-baru ini, mengapa kehadiran anak-anak bumiputera amat berkurangan di dalam IPTS ataupun Institut Pengajian Tinggi Swasta. Jawapannya adalah constrain kewangan sebagai perkara yang pertama dan juga kelemahan di dalam penguasaan Bahasa Inggeris sebagai perkara yang kedua. Inilah yang menjadikan anak bumiputera takut untuk belajar di IPTS ataupun Institut Pengajian Tinggi Swasta. Satunya, mereka kekurangan dana, dan kedua, kurang menguasai Bahasa Inggeris. Kalau hakikat ini benar dan boleh diadakan satu kajian yang terperinci saya harap salvage program yang saya cadangkan ini juga akan meliputi kursus firming up, dengan izin, ataupun memantapkan lagi penguasaan Bahasa Inggeris bagi pelajar-pelajar bumiputera.

Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, telah pun dan sedang dilaksanakan oleh Mara. Bagi pelajar-pelajar lulusan Gred 3 SPM untuk menyediakan mereka menghadiri kursus persijilan atau diploma di bidang teknologi maklumat yang dilaksanakan oleh Akademi Info Tech Mara. Anak-anak bumiputera diberi kursus khusus untuk menguasai Bahasa Inggeris selama tiga bulan sebelum mereka disalurkan untuk menjalani kursus yang khusus iaitu kursus dalam persijilan ICT ataupun kursus di bidang diploma ICT. Sekarang ini ada di kalangan anak-anak ini pun yang sedang melanjutkan pelajaran di bidang Ijazah Pertama Teknologi Maklumat di universiti luar negara. Jadi di mana ada azam dan iltizam saya rasa kerajaan Barisan Nasional tidak kehausan dan tidak akan kehilangan kemampuan untuk melaksanakan perkara-perkara ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapannya Jumaat lalu, Yang Berhormat Menteri Kewangan juga menyatakan bahawa kerajaan akan memperhebatkan program celik komputer bagi penuntut-penuntut di sekolah-sekolah luar bandar. Sebagai seorang ahli Parlimen dari kawasan luar bandar dan sebagai seorang yang dibesarkan di kawasan kampung, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan Barisan Nasional di atas keprihatinan ini. Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap semoga program yang akan memakan belanja berjuta-juta ringgit ini dilaksanakan dengan segera. Komputer yang akan dikirimkan ke sekolah-sekolah di luar bandar pula hendaklah secukup-cukupnya. Saya tidak mahu melihat kalau satu sekolah hanya diberi dua buah komputer, takut-takut nanti orang cakap kita hanya melepaskan batuk di tangga.

Komputer tersebut juga hendaklah meliputi sekolah rendah dan sekolah menengah luar bandar. Mudah-mudahan program celik komputer kepada pelajar luar bandar ini akan menjadi satu daripada banyak perkara yang memangkinkan kita kepada perkembangan literasi ICT yang akan meningkatkan nama Malaysia di masa akan datang.

Dalam konteks ini juga, saya amat prihatin dengan peruntukan *venture capital* yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk usahawan-usahawan Malaysia menerokai keusahawanan baru ataupun *enterprise* baru di dalam bidang teknologi tinggi dan bidang teknologi maklumat dan telekomunikasi. Ini adalah satu perkara yang memang harus dilakukan dengan segera dan perkara baru ini saya amat menyokong supaya Bank Industri yang disusun semula untuk menjadi Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad akan mempunyai satu *core* pegawai yang memahami kerenah, selok-belok dan salasilah perniagaan ICT khususnya.

Sebagaimana yang ditegaskan oleh sahabat saya bagi Tambun sebentar tadi, mereka mesti mempunyai dinamisme. Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, mengapakah usahawan ICT dalam negara ini belum lagi dapat menonjolkan diri sebagai usahawan yang

unggul kalau dibandingkan dengan usahawan-usahawan di bidang hartanah dan sebagainya oleh kerana mereka masih lagi memerlukan modal.

Apa yang ada pada mereka adalah satu gagasan di dalam pemikiran, sebab itu orang yang menguasai ICT ini kita panggil dia *intellectual capital*, kapital dia dalam kepala. Kita hendak bentangkan dalam *working paper* takut *working paper* kena ciplak. Hendak bentangkan di dalam *working paper*, takut pegawai bank tidak faham. Oleh kerana pegawai bank banyak terdedah kepada perniagaan *conventional* yang telah pun mempunyai *track record*, yang mempunyai *financial projection* dan sebagainya.

Sedangkan usahawan ICT, mereka hanya mempunyai idea dan ilmu. Pembangunan ICT tidak memerlukan kilang yang besar. *Develop product* untuk sesuatu produk *Information Communication Technology* atau Multimedia boleh dijalankan di dalam satu bilik di dalam rumah. Sebab itu di Amerika Syarikat dikatakan bahawa ICT *entrepreneurs* dipanggil sebagai *backyard entrepreneurs*, yang pentingnya mereka harus diberi inisiatif modal, yang pentingnya mereka harus diberi dukungan dasar oleh pihak kerajaan. Jadi saya berbangga dengan kewujudan *venture capital* yang akan diwujudkan oleh pihak kerajaan di dalam hal ini.

Saya harap bank-bank yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan *venture capital* ini mempunyai tenaga pegawai yang memahami saya katakan tadi selok-belok bidang perniagaan ICT khususnya, kalau tidak, saya takut segala *approach* yang dilaksanakan oleh usahawan-usahawan ICT yang kehausan modal ini akan hanya terbengkalai di tengah jalan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya berpindah kepada soal mewujudkan Kolej Komuniti. Saya juga berbangga dengan pengumuman Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa kerajaan akan mewujudkan Kolej Komuniti di mana sesuai, saya pinjam kenyataan Yang Berhormat Menteri "di mana sesuai" di setiap kawasan Parlimen di seluruh negara tidak lama lagi.

Sebagai seorang yang terlibat langsung di bidang pendidikan dan latihan menerusi Mara, saya mencadangkan supaya kolej komuniti yang dicadangkan oleh kerajaan ini memberi tumpuan yang lebih serius di dalam usaha melahirkan sumber manusia mahir di bidang ICT, teknikal dan kejuruteraan.

Kursus-kursus yang disediakan pula hendaklah meliputi peringkat sijil dan diploma. Kalau mengikut standard yang ditentukan oleh Majlis Vokasional Negara mesti mereka menyediakan kursus-kursus di peringkat SKM 2 dan 3, SKM 4 dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kursus-kursus di bidang teknikal, kejuruteraan dan ICT ini diberi tumpuan yang lebih serius oleh kerana industri memerlukan lebih ramai pekerja-pekerja mahir di bidang ini di masa yang akan datang. Dalam satu kajian yang sedang kami teliti di peringkat jawatankuasa Majlis Perundingan Ekonomi Negara, contohnya *Multimedia Super Corridor* memerlukan jumlah pekerja sokongan di bidang ICT yang ramai. Pada waktu yang sama, kita masih lagi kekurangan *medical technology* atau ahli teknologi perubatan yang masih lagi ramai jumlahnya yang diperlukan.

Sekiranya kita mahu memunculkan negara ini sebagai sebuah negara yang boleh mengeksport kepakaran di bidang pembangunan, *real estate development*, kita memerlukan sumber manusia pendukung di dalam sektor dan industri pembangunan yang lebih mahir dan cekap supaya pekerja-pekerja kita boleh disamatarafkan dengan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh *counterpart* mereka di luar negara sebagai *teller wood row* dan sebagainya, pemaju-pemaju besar di negara-negara Barat. Ini yang diperlukan dan saya harap orang-orang ini akan diberi pendedahan yang secukupnya dan saya juga berharap supaya komuniti kolej yang akan diwujudkan di setiap kawasan Parlimen bergantung

kepada kemampuan kewangan kerajaan itu akan diserasikan dengan pertumbuhan industri di kawasan setempat.

Maksudnya kalau di Batu Pahat, Batu Pahat ini boleh dikatakan salah satu bandar yang terbesar di dalam negara di dalam bidang industri tekstil dan pakaian, maka komuniti kolej di Batu Pahat mesti membekalkan pendidikan peringkat sijil dan diploma untuk memenuhi kehendak industri tekstil dan juga pakaian.

Kalau di Segamat mungkin industri perladangan yang besar ataupun industri pengurusan pelabuhan kering, 'dry dock', mungkin industri juga disesuaikan dengan keperluan komuniti kolej itu. Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, memang telah terdapat beberapa negeri yang telah pun membina komuniti kolej masing-masing. Ini termasuklah kolej-kolej komuniti yang dibina di negeri saya iaitu negeri Johor. Biarpun kolej komuniti ini diuruskan secara profesional, tetapi mereka masih lagi berhadapan dengan pelbagai masalah. Masalah terbesar yang dihadapi oleh kolej-kolej komuniti yang dibina pada hari ini ialah masalah mendapatkan dana kewangan untuk memberi penajaan kepada pelajar-pelajarnya.

Saya sedar akan hakikat ini kerana beberapa kolej komuniti telah pun menghubungi MARA untuk mendapatkan bantuan kewangan untuk menaja pelajar masing-masing dan MARA hanya mampu membantu secara *ad hoc* sahaja.

Oleh itu, jika kolej komuniti yang dicadangkan ini mahu dijadikan suatu realiti yang sebenar-benarnya, saya mencadangkan supaya dibentuk satu dana kewangan supaya anak-anak yang ingin belajar di peringkat teknikal, vokasional, peringkat sijil dan diploma ini mendapat biayaan masing-masing. Memang kerajaan telah pun mengumumkan semalam menerusi Belanjawan bahawa kerajaan akan mewujudkan satu dana pinjaman kepada pelajar-pelajar yang hendak melanjutkan pendidikan masing-masing di bidang teknikal dan vokasional. Tetapi saya harap wujudkanlah satu yang khusus untuk pelajar-pelajar bumiputera kerana pelajar-pelajar bumiputeralah yang amat terdesak dengan soal kewangan dan penajaan ini.

Bagi kolej komuniti yang bukan teknikal, saya cadangkan agar kelas-kelasnya pada peringkat permulaannya diadakan di mana-mana sekolah pada hujung minggu, cara sebegini pernah dilaksanakan oleh kerajaan pada tahun 60-an. Pada ketika itu apabila kerajaan sedang berhadapan kekurangan tenaga pengajar ataupun guru, maka pada ketika itu guru-guru dilatih di sekolah-sekolah menengah pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad, kalau di Johor, hari Jumaat dan Sabtu, yang dipanggil *Regional Training Centre* (RTC). Jadi, bermakna kolej komuniti kalau hendak disegerakan pelaksanaannya tidak payah kita memikirkan soal bangunan sekiranya kolej komuniti itu, kolej komuniti yang berlatar belakang kolar putih ataupun kursus-kursus profesional yang tidak memerlukan bengkel dan jentera dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di penghujung ucapannya, Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan bahawa hanya Kerajaan Barisan Nasional yang berpengalaman luas dan mempunyai *track record* dengan izin, dalam mentadbir negara tercinta ini. Hakikatnya memang demikian, sejak merdeka hingga hari ini kerajaan yang dulunya dikenali sebagai Kerajaan Perikatan dan hari ini kerajaan yang dikenali sebagai Kerajaan Barisan Nasional inilah yang telah membela nasib rakyat jelata Malaysia, tanpa mengira keturunan, tanpa mengira pangkat, tanpa mengira darjat.

Oleh itu, kalaulah hari ini ada puak yang mendakwa bahawa mereka boleh menjadi alternatif kepada Barisan Nasional maka saya khuatir kalau-kalau golongan ini hanya bermimpi di siang hari. Golongan ini mempunyai komponen tetapnya, dengan izin *permanent component members* yang terdiri dari parti PAS, Parti Rakyat Malaysia dan juga parti DAP. Ketiga-tiga komponen Barisan Alternatif ini kelihatannya memang gemar

mengeksploitasikan sebarang kegawatan politik di kalangan orang-orang Melayu di negara ini.

Dalam pilihan raya tahun 1990 dan dalam pilihan raya tahun 1995, komponen tetap pembangkang ini iaitu PAS, DAP dan PRM bermati-matian mahu menumbangkan Kerajaan Barisan Nasional. Ketika itu mereka bekerjasama dengan parti Semangat 46 maka haru-biru dan huru-haralah politik tanah air ketika itu. Tetapi pihak pembangkang tidak juga mampu menumbangkan Kerajaan Barisan Nasional baik dalam pilihan raya tahun 1990 mahupun dalam pilihan raya 1995. Kini syukur alhamdulillah kerana parti Semangat 46 telah kembali kepada kebijaksanaan lamanya dan bercantum semula dengan UMNO. Keputusan bekas Presiden parti Semangat 46 iaitu Yang Berhormat Mulia, Ahli Parlimen bagi Gua Musang untuk kembali ke pangkuan UMNO amat dihargai dan disanjung tinggi oleh majoriti orang Melayu.

Kali ini komponen tetap pembangkang iaitu PAS, DAP dan PRM berhempaspulas pula mengeksploitasikan kehadiran parti KeADILan. Sebab itulah maka setiap isu mengenai pesonaliti parti KeADILan sentiasa dijadikan isu besar oleh PAS mahupun oleh DAP khususnya, maka dikeluarkanlah manifesto dan dikeluarkanlah juga Belanjawan Barisan Alternatif. Memang setiap warganegara Malaysia bebas untuk berpolitik, tetapi adakah kebebasan itu menghalalkan jenis politik yang ekstrem sebagaimana yang telah pun dihurai oleh sahabat saya daripada Tambun sebentar tadi. Adakah kebebasan itu mengizinkan kita bergerak secara melampau ataupun kebebasan itu juga menghalalkan kita melanggar segala batas susila, adab dan sopan baik menerusi Melayu, bangsa Malaysia ataupun agama Islam.

Adakah kebebasan itu sinonim (*synonymous*) dengan fitnah? Adakah kebebasan itu sinonim dengan pembohongan, ataupun adakah kebebasan itu juga sinonim dengan kemungkaran? Adakah demokrasi perlu dijadikan perkakas untuk memporak-perandakan rakyat dan negara? Di manakah nilai keamanan dan kesejahteraan di kalangan pemimpin-pemimpin parti pembangkang? Tidakkah seluruh warga Malaysia insaf bahawa kebebasan tanpa batasmalah yang kini menjadikan Indonesia huru-hara dan haru-biru? Kita lihat sajalah gambar menerusi kaca televisyen sama ada CNN dan sebagainya mengenai pertembungan penyokong-penyokong dua parti yang berlawanan sewaktu pemilihan Presiden Indonesia tempoh hari. Pertempuran tanpa batas demikian rupakah yang ditafsirkan sebagai kebebasan yang total berlandaskan konsep demokrasi liberal yang sembrono ataupun melulu.

Lantaran itu Tuan Yang di-Pertua, saya merayu semoga warga Malaysia yang kini terdorong menghayati kebebasan total, ala demokrasi liberal yang diketengahkan oleh Amerika Syarikat sehingga mereka menghalalkan demokrasi di jalanan supaya mereka ini kembali ke pangkal jalan. Bertindaklah secara bijaksana, berfikirilah secara bijaksana dan berpolitiklah secara bijaksana. Politik Malaysia milik rakyat Malaysia, corak demokrasi Malaysia juga mesti serasi dengan latar belakang politik dan keturunan yang ada di Malaysia. Kita tidak mahu Malaysia menjadi seperti Indonesia, huru-hara, haru-biru, politik semasanya kelam-kabut, ekonominya merudum ke tahap yang amat parah, unsur-unsur penjajah bentuk baru atau neocolonialism kini jelas kelihatan di Indonesia. Kehadiran tentera Australia di Timor Timur adalah buktinya, campurtangan Kedutaan Amerika Syarikat di dalam proses pelantikan kakitangan Kementerian Kewangan Indonesia baru-baru ini adalah buktinya, hakikat bahawa Timor Timur kini jadi sebuah negara merdeka adalah juga buktinya.

Keadaan di Indonesia hari ini, Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah 'nasi telah menjadi bubur.' Apabila 'nasi sudah menjadi bubur,' baru sahaja Amien Rais insaf akan manipulasi Amerika Syarikat terhadap politik Indonesia. Mahukah kita di Malaysia mempunyai orang-orang dan pemimpin politik seperti Amien Rais. Setelah Australia mendarat di Timor Timur maka ribuan pelajar Indonesia berdemonstrasi di jalanan.

Bukankah golongan pelajar yang sama juga yang telah berdemonstrasi di jalanan mendesak Presiden Suharto meletakkan jawatan? Apa ertinya ini semua? Dulu orang Indonesia mendesak supaya Presiden Suharto berhenti. Setelah beliau berhenti dan diganti dengan Habibie, kini Habibie pula tidak mendapat sokongan untuk menjadi Presiden yang baru. Saya menyatakan perkara-perkara ini Tuan Yang di-Pertua, bukan untuk mencela Indonesia, sebaliknya saya menyatakan hakikat ini kerana saya simpati dengan nasib Indonesia sebagai saudara senusantara dan sebagai saudara sebangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Indonesia telah banyak kali diharu-birukan oleh kuasa asing, banyak kali, khususnya oleh kuasa barat termasuk Amerika Syarikat. Contohnya di dalam tahun-tahun 50-an Indonesia pernah diharu-birukan oleh pentadbiran Amerika Syarikat sebagaimana yang dinyatakan oleh Audrey Kahin dan George Kahin di dalam bukunya berjudul, dengan izin *Subversion as Foreign Policy: The Secret Eisenhower and Dulles debacle in Indonesia* menyatakan dengan izin, saya membaca hanya dua para. Tuan Yang di-Pertua.

*"During the late 1950's the Eisenhower administration provoked and strongly abated a major rebellion and then civil war in Indonesia that tore the country apart. Aiming to replace and transform it's political leader the administration launched what was then the largest US covert operation since World War 2 involving not only the Central Intelligent Agency (CIA), but also the US navy and a camouflage American Air Force. It was not only larger but also lasted, considerably longer and involved a much greater loss of life."*

Dalam satu para lagi penulis ini menyatakan;

*"The things that happened in Indonesia..."* oleh kerana dia menyatakan Amerika bimbang bahawa Indonesia di bawah Sukarno sama dengan kedudukan Cuba di bawah Castro akan mendorong negara itu ke arah komunisma. *Of the two intervention in Indonesia was by far the most destructive in human terms had a heavier and more lasting political impact and with respect to US objective was the most counter productive."*

Ini contoh dan buku ini telah pun menjadi bahan bacaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita memberitahu rakyat supaya berjaga-jaga mengenai unsur-unsur penjajahan moden, unsur-unsur *neocolonialism*. Apa yang berlaku di Indonesia baru sahaja disedari oleh Amin Rais tetapi kalau Amien Rais membaca sejarah Indonesia, sejak tahun 50-an Indonesia mahu diganggu-gugat, mahu dihuru-harakan oleh *neocolonialism*. Jadi itu hakikatnya, akibatnya besar, mengakibatkan kehilangan nyawa dan *impactnya* amat mendalam, itu yang berlaku di Indonesia pada tahun 50-an. Dan sekarang ini oleh kerana orang-orang Indonesia terlupa maka sekali lagi penjajahan baru masuk ke Indonesia, biar pun sebabnya adalah oleh kerana pencerobohan kewangan oleh pengganas kewangan yang bernama George Soros.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah dalam keadaan Suharto meletak jawatan Habibie diletakkan sebagai Presiden dalam keadaan Habibie berhadapan dengan pilihan raya yang belum ada keputusan pada ketika itu maka komuniti antarabangsa 'menyuguhkan' iaitu memberi amaran atau *ultimatum* kepada kerajaan Indonesia supaya dilakukan *referendum* di Timor Timur. Mengapa dilakukan dalam keadaan lemah? Kalau tidak perkara ini telah pun ada dalam satu perancangan dan agenda yang lebih besar.

Maka, apabila dalam keadaan itu, orang Indonesia, kepimpinan Indonesia tidak boleh *mobilize*, tidak boleh pergi ke Timor Timur secara ramai-ramai, maka *referendum* itu, pungutan suara itu pun dilaksanakan oleh International Community di bawah lambang

dan naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Keputusannya kita telah tahu, apabila Timor Timur diambil semula atau dimerdekakan menerusi *referendum*, tentera Indonesia berundur dengan segera, tentera orang putih datang, kalau kita, suara dunia meminta kuasa-kuasa besar memberi pembelaan, perlindungan kepada orang Islam di Kosovo, mereka lambat-lambatkan, orang Bosnia setelah ramai yang disembelih, setelah ramai yang dirogol, mereka sentiasa melambat-lambatkan,. Kenapa orang Australia datang ke Indonesia dengan sekelip mata? Kalau kita hendak mengambil iktibar.

Oleh kerana International Community mempunyai satu agenda yang besar dan mereka telahpun melihat bahawa Timor Timur boleh dijadikan suatu *balancing power*, satu *balancing premise*, satu tempat yang akan mengimbangkan kekuasaan di antara kebesaran orang-orang Islam di Indonesia, orang-orang Islam di Malaysia dengan kekuasaan Kristian yang akan diwujudkan dengan dokongan kuasa international di Timor Timur, itu jawapan dia.

Jadi, apabila telah berlaku di Timor Timur sekali lagi pelajar-pelajar di Indonesia pergi berdemonstrasi. Dahulu berdemonstrasi pasal kroni dan nepotisme, kali ini demonstrasi mahu menghalau orang putih menjajah di Timor Timur, kononnya. Adakah tidak ini melambangkan kepada rakyat Malaysia bahawa sahabat-sahabat kita di Indonesia hari ini sedang dijadikan wayang kulit yang pergerakan dalangnya adalah kuasa-kuasa besar, yang mahu melaksanakan agenda Barat menerusi liberal demokrasi dan menerusi *globalization* dan *liberalization of trade*. Itu yang saya mahu sampaikan kepada sahabat-sahabat kita.

Saya juga menegaskan hakikat ini kerana saya mahu mengajak seluruh rakyat jelata Malaysia yang insaf supaya mereka mengambil iktibar dari segala perkembangan yang sedang berlaku dan telahpun berlaku baru-baru ini di Indonesia. Kita jadikanlah peristiwa malang di Indonesia itu sebagai cermin kepada diri kita semua di Malaysia. Mahukah kita jadi seperti Indonesia atau mahukah kita perkukuhkan perpaduan kita, memelihara keselamatan kita untuk kita menyekat dan membendung apa sahaja yang terjadi di Indonesia dari berlaku di negara tercinta ini?

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah negara kita. Inilah warisan perjuangan datuk, nenek moyang kita sejak merdeka. Negara ini mahu kita wariskan kepada anak cucu kita di alaf mendatang dalam keadaan aman, dalam keadaan tenteram, dalam keadaan makmur dan dalam keadaan sejahtera. Jika itulah hasrat besar kita bersama, sama-samalah kita pertahankan kemerdekaan negara ini dan sama-samalah kita perkukuhkan politik tanah air ini. Moga-moga kita berjaya dan Malaysia akan jadi lebih cemerlang, gemilang dan sejahtera.

Dalam konteks ini, saya harap khususnya sahabat-sahabat saya daripada parti PAS mengambil iktibar seikhlas-ikhlasnya terhadap perkara yang berlaku di Indonesia supaya gambaran sejarah yang telahpun dihuraikan oleh sahabat saya daripada Tambun tidak akan menjadi kebenaran dan realiti di negara ini.

Memang kita mempunyai penduduk berbilang keturunan, berbilang kaum tetapi hari ini hakikatnya kita masih lagi menjadi paksi dan tunggak kepada pemerintahan dan corak politik yang diterima oleh rakyat. Sekiranya orang Melayu Islam mahu terus memelihara status *dominant* itu, saya rasa peliharalah kekukuhan dan perpaduan Melayu bersama dengan kekukuhan dan perpaduan bangsa Malaysia seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Bukit Mas.

4.35 ptg.

**Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana memberi saya peluang untuk membahas Belanjawan 2000. Di sini saya juga bersama-sama dengan rakan daripada Barisan Nasional menyokong Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan I pada 29 Oktober, di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita memberi ucapan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional atas pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita oleh kerana dapat membentangkan satu Belanjawan yang dapat menggembirakan kita semua dan seluruh lapisan masyarakat. Apabila kita baca surat khabar dalam 30 haribulan, ataupun satu hari selepas pembentangan Belanjawan ini, banyak mengatakan *Headline* - '*Thank You Budget*', dengan izin, ataupun '*Feel Good Budget*', bermakna Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya untuk membentangkan Belanjawan 2000 ini sebagai satu Belanjawan yang kita hadiahkan kepada rakyat keseluruhan.

Sesuaiilah dengan rencana kerajaan untuk mengucapkan terima kasih khusus kepada rakyat dan khusus kepada kakitangan-kakitangan kerajaan dan juga rakyat di pihak swasta kerana itulah sebabnya apabila kita kaji dengan teliti, Belanjawan ini banyak mengirakan dengan, dengan izin, *short term approach* untuk menggembirakan kita, oleh kerana pada masa sekarang ini banyak kejadian ataupun perkara-perkara berlaku di dalam negara kita ini. Kalau kita berdiam diri secara peribadi banyak persoalan yang kita sendiri akan tanya dan mungkin separuhnya tidak dapat kita jawab.

Oleh kerana itu, saya sebagai ahli, rakan Barisan Nasional berterima kasih kepada kerajaan. Ini membuktikan sekali lagi keprihatinan kerajaan terhadap apa yang masyarakat ataupun rakyat keseluruhan hadapi pada masa ini. Belanjawan ini telah memberi semangat yang baru kepada kita semua, khusus kepada rakyat di kawasan luar bandar untuk orang petani, untuk rakyat di kawasan bandar, kakitangan kerajaan, rakyat yang bekerja dalam firma-firma swasta dan juga orang yang menceburi diri dalam business dan ahli-ahli korporat harus berterima kasih kepada kerajaan. Misal kata sebagai rakyat biasa, banyak kelonggaran dan banyak hadiah berbentuk peribadi untuk rakyat jelata.

Dari segi pelepasan cukai, kadar cukai pendapatan individu diturun 1% bagi semua peringkat daripada 30% sampai 29%. Pelepasan diri daripada cukai pendapatan dinaikkan dari RM5,000 kepada RM8,000 – bermakna pendapatan bulanan kira-kira RM1,400 bagi seorang bujang dan RM2,100 bagi yang sudah berkahwin dengan dua orang anak tidak perlu membayar cukai, bererti kira-kira 213,000 orang yang di dalam lingkungan ini harus berterima kasih kepada kerajaan dan harapan kita sebagai pemimpin, wakil rakyat daripada kerajaan, saya merayu dan menyarankan supaya rakyat dari seluruh lapisan masyarakat berterima kasih kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, segolongan masyarakat yang begitu penting peranannya ialah kakitangan kerajaan. Dengan komitmen mereka kepada kerajaan dalam menjalankan tugas dan juga berdiri teguh di belakang kerajaan waktu kita menghadapi krisis ekonomi yang melanda negara kita dan Belanjawan 2000 ini telah membawa banyak erti dan makna untuk golongan kakitangan kerajaan.

Kenaikan gaji 10% dari bulan Januari 2000, penurunan cukai pendapatan, pembayaran bonus RM1,000, kelonggaran untuk meminjam pinjaman daripada tabung perumahan kakitangan kerajaan dan juga pinjaman diberi untuk persekolahan ke peringkat universiti daripada tabung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menandakan bahawa kerajaan betul-betul berterima kasih kepada golongan yang penting ini iaitu kakitangan kerajaan. Dengan izin, *this is a 'Thank You Budget'* untuk mereka di golongan ini.

Saya ingin sentuhkan hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana sering berlaku kita membahas, berdebat di dalam Dewan yang mulia ini, segolongan masyarakat yang begitu

penting yang membantu kerajaan melaksanakan dasar, menjalankan tugas – tidak mengira perasaan, tidak mengira masa, oleh kerana mempertahankan dasar-dasar dan program yang Kerajaan Barisan Nasional telah rancangkan, kita harus menghormati mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri berterima kasih oleh kerana di dalam kawasan saya sendiri, kakitangan kerajaan yang betul-betul berusaha mempertahankan keadaan yang ada sekarang ini. Kadang-kadang kita berbincang dengan mereka supaya apa segala kegiatan yang dapat membantu rakyat kita menggabungkan tenaga. Saya berharap juga dengan adanya belanjawan yang begitu baik dan bermesra ini, kakitangan kerajaan harus berterima kasih kepada kerajaan kita dan teruskan usaha untuk meningkatkan mutu kerja dan produktiviti kita.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam belanjawan ini juga, banyak yang dapat kita sentuh mengenai golongan daripada swasta. Tetapi di dalam keadaan sebegini, pihak swasta harus berterima kasih kerana Kerajaan Barisan Nasional telah membuktikan kewibawaan kita untuk memulihkan keadaan ekonomi yang begitu teruk telah melandakan negara kita. Tidak ada pilihan lain, kita harus teruskan usaha bekerjasama dengan kerajaan. Oleh kerana itu, pihak swasta dengan banyak kelonggaran yang diberi dalam belanjawan ini, harus mengambil sikap positif menggemblengkan tenaga mereka untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi di negara kita yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin berucap secara mendalam tentang belanjawan ini dan saya berharap dengan secara ringkas, kita sebagai rakyat Malaysia keseluruhan harus berterima kasih walaupun kita telah mendengar dan membaca bahawa 'Barisan Alternatif' telah membentangkan belanjawan mereka. Yang penting di sini, iaitu belanjawan yang kita dapat betul-betul kita rasai dan belanjawan yang dapat memberi kesan positif kepada kita keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai ahli politik ini adalah satu masa yang begitu baik untuk kita kerana belanjawan ini dapat memberi semangat baru untuk kita turun ke padang. Kita harus membawa banyak – yang telah dikatakan dalam belanjawan ini kepada rakyat supaya rakyat betul-betul faham tentang keprihatinan kerajaan untuk membawa keadaan yang sekarang ini daripada tidak baik kepada keadaan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendidikan negara, ini memang penting sekali oleh kerana di dalam Belanjawan 2000 ini sejumlah RM14.08 bilion diperuntukkan untuk Kementerian Pendidikan. Dari peruntukan ini sejumlah RM11.69 bilion adalah untuk belanja mengurus dan RM2.39 bilion untuk belanja pembangunan (*development expenditure*), dengan izin. Dengan perbelanjaan sebegini banyak 371 sekolah baru akan dibina dan 462 sekolah yang masih ada mungkin diperbesarkan dan diubahsuai. Mulai tahun hadapan persekolahan adalah satu sesi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah satu perkembangan yang boleh membanggakan kita khususnya sebagai wakil rakyat daripada kerajaan. Bermakna kerajaan betul-betul ingin meninggikan taraf pendidikan di negara kita ini. Semua ini adalah langkah yang positif diambil oleh kerajaan. Sejajar dengan matlamat kita, menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan cemerlang di rantau ini, dengan izin, *the centre of education excellent in this region*. Tetapi banyak perkara yang kita ingin sentuhkan mengenai pendidikan di negara ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi, iaitu prestasi murid-murid khususnya daripada golongan masyarakat bumiputera.

Oleh kerana perkara itu telah disentuhkan, saya berharap Kementerian Pendidikan dan pegawai-pegawai yang berkenaan harus mengambil kira bagaimana kita dapat mengatasi masalah itu. Misal kata, Tuan Yang di-Pertua, dalam keluarga saya yang sudah alami, anak sulung abang saya tidak lulus matematik tidak dapat meneruskan pelajaran ke Tingkatan VI di dalam sekolah kerajaan. Walaupun dari segi agregat begitu baik dan

selepas itu kita menghantar ke Kuala Lumpur bersekolah di swasta. Oleh kerana bapa ingin betul-betul supaya anak ini dapat menerima pendidikan seperti orang yang lain, pembayaran *fees* satu tahun sekaligus sahaja RM5,575. Malangnya oleh kerana anak ini walaupun pandai dalam bidang mata pelajaran yang lain - dalam Bahasa Inggeris langsung tidak dapat mengikuti kuliah ataupun tutorial. Selepas tiga bulan terpaksa, tidak lain dan tidak bukan, keluar daripada sekolah swasta dan sampai sekarang duit yang dibayar sekaligus satu tahun itu belum dipulangkan balik walaupun saya telah menulis dua kali sebagai Ahli Parlimen.

Ini satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin memperkembangkan perkara ini. Harapan saya di dalam Kementerian Pendidikan sekiranya masyarakat bumiputera yang ramai di dalam negara kita harus beri tumpuan.

Selain daripada itu yang saya ingin tekankan dalam pendidikan kita, iaitu mengenai disiplin dan keruntuhan moral dan penglibatan murid-murid khususnya murid-murid bumiputera di dalam *gangsterism*, dengan izin. Dalam masalah gejala sosial sekarang ini merebak sampai ke kawasan saya walaupun di kawasan luar bandar, di kampung-kampung, di rumah-rumah panjang. Oleh kerana selepas mereka cuti sekolah daripada Tingkatan III balik ke kampung, mereka bawa budaya yang mereka sedang alami di sekolah. Inilah harapan kita supaya apabila kita melangkah ke alaf yang baru, Kementerian Pendidikan cari pendekatan baru, bagaimana kita dapat mengurangkan masalah yang kita hadapi sekarang ini.

Sehubungan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih dan belanjawan ini ada menyentuh berkenaan pendidikan untuk masyarakat etnik - seperti di Semenanjung masyarakat Orang Asli. Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana memberi keutamaan tentang pendidikan Orang Asli di Semenanjung.

Saya ingin menyarankan di sini khususnya untuk segolongan kaum yang kecil di Sarawak, walaupun di dalam lingkungan masyarakat Orang Hulu, saya sebagai salah seorang pemimpin daripada masyarakat itu, misal kata suku kaum Penan, kita berharap Kementerian Pendidikan mencari bagaimana kita dapat mengubah cara ataupun pendekatan yang baru. Pernah waktu lawatan beberapa kali di kawasan yang ada sekolah rendah kerajaan, tugas guru itu, Tuan Yang di-Pertua, musim buah-buahan guru pergi tengok di mana murid-muridnya - hilang satu atau dua minggu. Oleh kerana itu saya berharap pegawai yang berkenaan merancang dan menggubalkan pendekatan tolong turun ke padang seperti wakil rakyat sekarang di arah turun ke padang - turun ke padang tengok keadaan dan bagaimana kita dapat merancang program kerana kita sudah melangkah ke alaf yang baru, bukan tahun 2000.

Sehubungan dengan ini juga, saya ingin memohon kepada kerajaan, saya pernah membangkitkan perkara ini dalam Penggal Pertama, waktu saya duduk di sebelah sana iaitu dua sekolah rendah kerajaan di luar bandar di kawasan Bukit Mas, yang saya difahamkan dibina oleh rakyat secara gotong-royong iaitu Sekolah Rendah Kerajaan Long Luping dan Sekolah Rendah Kerajaan Perusia. Kedua-dua SRK ini saya telah bincang dan melawat bersama-sama pegawai kerajaan daripada Jabatan Pendidikan Daerah, mereka menyarankan supaya kedua-dua sekolah rendah kerajaan ini dapat dibina semula. Tanah untuk tapak sudah disediakan oleh kerajaan negeri dan harapan saya untuk kita membantu rakyat, tolonglah Kementerian Pendidikan, cari bagaimana kita dapat mempercepat pembinaan sekolah rendah di kawasan luar bandar seperti yang saya sentuhkan tadi.

Berhubung dengan perkara ini juga, saya berterima kasih oleh kerana dalam Belanjawan 2000 ini kerajaan telah mencadangkan supaya satu kolej komuniti ditubuh di setiap kawasan Parlimen di seluruh negara. Saya pertama kali, Tuan Yang di-Pertua, minta kalau boleh tubuhkan di Bukit Mas kawasan saya kerana di kawasan Utara negeri Sarawak belum ada kolej komuniti, belum ada maktab rendah sains seperti pada masa dahulu saya

bangkitkan perkara ini kepada Yang Berhormat bagi Parit Sulong, selepas beliau dilantik menjadi Pengerusi MARA. Saya berterima kasih kerana dia terus melawat di kawasan saya dan harapan saya seperti harapan rakyat biasa iaitu saya mencadangkan di negara Sarawak kalau boleh yang pertama sekali kawasan Bukit Mas. Selepas ini saya akan balik, saya akan berunding dengan kakitangan daripada Jabatan Pendidikan dan kalau ada *proposal* yang dihantarkan harapan saya kementerian tolong semak dan beri satu pandangan yang positif.

Tuan Yang di-Pertua, kita berterima kasih juga kepada kerajaan kerana tidak melupakan tanggungjawab sosial. Di dalam Belanjawan ini banyak hospital besar seperti hospital di Kepala Batas, Bintulu, Slim River, Alor Setar akan terus dibina dan yang memerlukan sebanyak RM908.2 juta. Sehubungan dengan ini saya ingin bertanya dengan kementerian sekali lagi bahawa ada beberapa hospital daerah di negara Sarawak yang saya difahamkan akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan sampai sekarang belum ada perkembangan termasuk satu hospital daerah iaitu di kawasan Bukit Mas bernama Hospital Lawas. Saya ingin supaya Hospital Lawas ini dapat dibina secepat mungkin kerana tiap-tiap kali saya balik ke kawasan, saya tengok, saya pernah melawat kerajaan menyewa kedai untuk pesakit luar dan saya rasa itu tidak baik dari segi keselamatan dan oleh kerana itu saya difahamkan juga kerajaan negeri telah menyediakan tanah ataupun tapak untuk Hospital Lawas. Saya ingin bertanya sekali lagi, seperti yang saya katakan dahulu waktu saya membahas di dalam Dewan ini, tolong percepatkan pembinaan Hospital Lawas.

Satu lagi di dalam kawasan saya mengenai klinik desa iaitu satu klinik desa khas di kawasan Ulu Limbang di mana ada kaum Penan iaitu Klinik Desa Long Lapor. Kalau boleh sekali lagi tolong semak semula, hidupkan semula klinik desa ini. Saya tidak ingin mengatakan sekali lagi bahawa kawasan ini dahulu adalah kawasan Bruno Manser dan harapan saya kerajaan selepas rakyat memberi sokongan kepada kerajaan, yang pentingnya kita harus menjalankan tugas kita. Saya mahu Klinik Desa Long Lapor ini dihidupkan semula dan kalau tidak ada bangunan yang mencukupi, tolong bina bangunan di kawasan saya di Ulu Limbang kawasan Bukit Mas.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kementerian Kerja Raya. Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana banyak jalan raya utama yang akan dibina dalam Belanjawan ini. Walaupun saya dari Sarawak saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana jalan raya utama Kota Kinabalu sampai Merapuk, Merapuk di kawasan sempadan Sabah dan Sarawak di dalam kawasan saya, sekarang ini kira-kira dalam lingkungan 80% akan siap khususnya jalan raya di kawasan Beauford dengan Sipitang. Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana perkara ini banyak kali dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sipitang dan Yang Berhormat bagi Beauford dan perkara ini juga menguntungkan pihak dari Sarawak kerana banyak kali pesakit-pesakit dari Lawas dan Limbang di hantar ke Hospital Queen Elizabeth. Oleh kerana itu saya mewakili rakyat di sana berterima kasih kepada kerajaan. Harapan kita dalam hujung tahun ini jalan itu habis diturapkan.

Saya ingin bertanya di sini kepada Kementerian Kerja Raya bagaimana dengan Pan Borneo Highway yang selalu kita bangkitkan, kita selalu dengar tetapi Pan Borneo Highway ini meminjamkan highway dari Brunei Darussalam kerana kalau kita berjalan dari Kuching ke Miri, dari Miri ke Kuala Beram sampai ke Sungai Tuju sempadan, sampai ke Limbang, dan di Limbang kita meminjam jalan raya Brunei. Itulah yang menyulitkan sekarang ini untuk penduduk-penduduk di kawasan Bukit Mas di Limbang dan Lawas terpaksa mengikut Brunei kalau pergi ke Miri atau ke Kuching. Apakah salahnya perancang-perancang di kementerian dapat merancangkan satu jalan raya dari Miri melalui ke Gua Mulu dan turun ke Limbang, dari Limbang melalui Gua Muda sampai ke Lawas, tidak payah melalui Brunei Darussalam oleh kerana masalah yang selalu dan sering dibangkitkan oleh penduduk-penduduk di kawasan ini iaitu mengenai penggunaan passport

antarabangsa. Harga pun mahal walaupun lima tahun, kalau kita pergi ke Miri dari Lawas pulang balik, Tuan Yang di-Pertua, enam belas kali kita cop dan mungkin dalam tiga atau enam bulan habislah pasport itu.

Saya pernah mengunjungi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyuarkan masalah ini dan saya rasa semuanya bergantung kepada negara jiran iaitu Brunei Darussalam oleh kerana kita mengamalkan sikap '*Malaysia Boleh*'. Saya rasa jalan raya dari Miri sudah dibina sampai ke Long Lama, dari Long Lama turun Mulu ke Limbang baru 90 kilometer lebih. Kenapa kita bergantung kepada negara Brunei Darussalam. Saya rasa perkara ini, apabila kita melangkah ke alaf yang baru, perancang di kementerian tolong rancangkan supaya kalau jalan raya ini dapat kita rancangkan sekarang mungkin dibinakan dalam lima atau enam tahun akan datang. Kalau kita tidak rancangkan sekarang, bila lagi kita hendak bina?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin sentuhkan di sini iaitu mengenai satu jalan raya untuk kawasan pesisiran iaitu dari Lundu sampai ke Miri dan dari Limbang ke Lawas. Kawasan pesisiran, Tuan Yang di-Pertua kerana Pan Borneo Highway dari Kuching ke Sibuh-Bintulu-Miri di pertengahan negeri Sarawak dan kawasan pesisiran ini adalah kawasan di mana diduduki hampir seratus peratus kaum bumiputera, kaum nelayan dan petani. Harapan saya pegawai-pegawai di EPU, di Kementerian Kewangan tolong bantu nasib bumiputera di kawasan pesisiran di negeri Sarawak. Saya difahamkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita sendiri, perkara ini pernah dibangkit terus bersama bekas Menteri Kewangan kita dan beliau sebetulnya telah berjanji akan memperuntukkan RM570 juta, kalau saya tidak silap, untuk jalan raya ini. Malangnya, sampai sekarang belum ada peruntukan dan belum ada perancangan. Saya mencadangkan Kementerian Kerja Raya di Kuala Lumpur berbincang dengan Jabatan Kerja Raya di negeri Sarawak supaya dapat merangka supaya jalan raya di kawasan pesisiran ini dapat dirancang dan dibina dari masa ke semasa ataupun peringkat demi peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, harapan kita juga selain daripada jalan raya di kawasan pesisiran ini, banyak juga jalan raya utama di negeri Sarawak yang seluas 124,449 kilometer persegi kalau dibandingkan dengan Semenanjung 131,573 kilometer persegi. Kita memerlukan banyak jalan raya utama supaya menghubungkan kawasan-kawasan tertentu. Saya rasa memang tidak sesuai kalau kita tekankan banyak jalan raya oleh kerana penduduk tidak banyak. Tetapi sebagai satu negeri di dalam negara kita, kita boleh bincang dengan Kerajaan Negeri Sarawak, kita majukan tanah-tanah di kawasan-kawasan ini dapat menguntungkan ahli-ahli korporat ataupun firma-firma gergasi di Semenanjung Malaysia yang memerlukan tanah. Itulah harapan saya dengan pendekatan seperti ini banyak jalan raya utama di negeri Sarawak kita akan bina untuk kemudahan-kemudahan menghubungkan banyak tempat lagi.

Di dalam kawasan saya iaitu kawasan Bukit Mas saya mahu supaya kementerian dapat berunding dengan Kerajaan Negeri Sarawak ataupun Jabatan Kerja Raya, menaik taraf satu jalan raya – tidak panjang 15 kilometer sahaja tetapi banyak menghubungkan kampung, sekolah – satu sekolah menengah, dua klinik, iaitu Limbang-Menamit dan satu lagi iaitu Terusan-Berivan dan satu lagi iaitu Lawas-Long Sebangang – 9 kilometer sahaja tetapi ada 30 buah lebih kampung dan sejak merdeka jalan raya macam itu sahaja. Maksud saya di sini, saya tidak mahu supaya kerajaan peruntukan mungkin tiap-tiap tahun. Kita berterima kasih selepas saya bangkitkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam mesyuarat dengan izin, *District Action Committee*, baru Kerajaan Negeri tahun ini turapkan 1 kilometer. Kalau kita banding dengan apa tidak dilakukan pada tahun-tahun yang lalu, saya rasa perkara ini harus dibangkitkan tiap-tiap kali kita berdebat di Dewan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kita berterima kasih kerana dalam Belanjawan ini nasib rakyat di kawasan luar bandar tidak ditinggalkan. Kerajaan memperuntukkan di dalam Belanjawan ini RM1.3 bilion khusus untuk memajukan kawasan luar bandar.

RM137.4 juta untuk Projek Menaikkan Taraf Ekonomi, RM273.7 juta untuk kemudahan kesihatan luar bandar, RM252 juta untuk Projek Jalan Kampung, RM129 juta untuk bekalan air dan paip dan RM290 juta untuk bekalan elektrik di Sabah dan Sarawak. Saya berterima kasih kepada kerajaan dan ingin mengambil kesempatan ini, walaupun Menteri atau Timbalan Menteri tidak ada, berterima kasih kepada seluruh anggota Kementerian Pembangunan Luar Bandar daripada Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen kerana mereka sanggup berjalan melawat kawasan luar bandar di negeri Sarawak. Saya rasa ini adalah seorang Menteri yang selalu melawat negeri Sarawak sekarang ini oleh kerana menyemak dan mengkaji dan betul-betul ingin tahu perkembangan di dalam kawasan luar bandar. Waktu Dato' Menteri datang ke kampung saya sendiri walaupun banjir, beliau sanggup pergi dan saya berterima kasih. Harapan saya dalam tugas beliau dapat diberkati.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya di sini, kita melangkah ke alaf baru. Adakah kementerian mengira semula, dengan izin, *to evaluate* pendekatan yang telah ada sekurang ini mencapai kejayaan atau tidak. Ini bukan kerana ada kelemahan. Saya ingin bertanya sahaja, Tuan Yang di-Pertua kerana tiap-tiap kali kita dengar di mana-mana tempat pun - kelmarin dahulu saya dengar mengenai pembinaan projek jalan kampung banyak masalah dan walaupun di peringkat atasan, dari segi perancangan begitu baik, pelaksanaan susah. Cuba kita kaji semula cara yang begitu berkesan supaya RM1.3 bilion ini dapat dibelanjakan dengan begitu berkesan. Saya masih ingat waktu saya melawat dalam bulan lepas ini, dua hari berturut-turut semua projek Kementerian Pembangunan Luar Bandar jalan kampung saya sudah lawat, sebagai *to audit*, dengan izin, secara peribadi. Malangnya dalam tahun 1998 saya minta keizinan Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen tadi bangkitkan perkara ini, bukan menyusahkan kita, saya ingin merekodkan. Ada projek jalan kampung dalam kawasan saya dibina dalam tahun 1998, bagus tetapi belum dibayar, ada dua, tiga oleh kerana mereka adalah penyokong kuat Barisan Nasional saya katakan, mungkin ada kesilapan. Maksud saya di sini mungkin ada feedback atau maklum balas yang dapat membantu pihak yang merancang supaya projek yang diagihkan itu berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih beberapa projek dalam kawasan Bukit Mas kita kaji dengan teliti, hanya beberapa projek yang belum dibayar sahaja itu perkara kecil dan saya ingin supaya selepas Yang Berhormat Dato' Menteri melawat sampai ke Bario, mini hidro di Bario itu kalau ada daripada kementerian di sini, tolong peruntukkan wang untuk mini hidro ini supaya dapat mempertingkatkan keupayaan hidro ini menjanakan elektrik untuk orang Kelabit di Bario.

Selain dari itu, banyak lagi kawasan di negeri Sarawak iaitu di kawasan-kawasan rumah panjang yang jauh dan kawasan-kawasan yang di persisiran kerana susah dihubungi seperti kawasan rakan saya di Batang Lupar, tidak ada jalan raya, kita hubungi melalui *odd boat* sahaja, saya berharap kementerian bekerjasama dengan menteri berkenaan di negeri Sarawak supaya dalam satu masa nanti mungkin dalam tahun 2005 keseluruhan kawasan luar bandar, kita dapat bekalkan elektrik ataupun air paip. Maksud saya di sini, kita harus ada matlamat supaya rakyat di negeri Sarawak tidak jauh ketinggalan daripada rakyat di kawasan Semenanjung di sini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin sentuhkan di dalam belanjawan ini iaitu mengenai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, walaupun tidak banyak yang ditekankan di dalam belanjawan, saya ingin bertanya di sini iaitu secara ringkas mengenai penggalakan pelancongan sangat memuaskan, tetapi yang saya ingin tanya di sini, bagaimanakah galakan-galakan yang kita tumpukan khusus untuk pelancongan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya di sini iaitu kementerian harus bekerjasama dengan pihak swasta kerana kerajaan telah meluluskan setiap satu hari Sabtu setiap bulan

menjadi hari cuti. Saya berharap kementerian menggunakan kemudahan ini untuk rakyat melancong di kawasan-kawasan berdekatan ataupun di kawasan tempatan.

Sehubungan dengan ini, yang selalu merisaukan saya sebagai wakil rakyat dari Sarawak, mungkin Sabah juga ada perasaan seperti itu iaitu mengenai rakyat Sarawak dan Sabah yang jarang-jarang, yang tidak ada kesempatan datang ke Semenanjung kerana pertama sekali, kos pengangkutan, tambang dari Sarawak ataupun Sabah ke Semenanjung begitu tinggi.

Untuk kita mengglakkan pelancongan tempatan, dengan izin, domestic tourism, saya mencadangkan sekali lagi, ini kedua kali saya membawa perkara ini, bolehkah kita hidupkan semula, dengan izin, *to revive concept* Feri Malaysia ini?

Walaupun pada masa dahulu saya difahamkan Feri Malaysia ini telah gagal, tetapi dengan maklum balas yang saya terima, banyak guru-guru dari Semenanjung yang mengajar di kawasan saya, Bukit Mas, mereka menyaran supaya Feri Malaysia ini dihidupkan semula supaya mereka dapat balik hujung tahun membawa keluarga mungkin, ibu bapa melawat satu, dua hari dan balik ikut Feri Malaysia.

Saya rasa memang sukar untuk menubuhkan dana untuk membeli satu kapal seperti Feri Malaysia, tetapi kalau di pihak swasta dapat mengadakan konsep yang kita sekarang baca di dalam surat khabar '*cruise*' yang dari Langkawi ke Port Klang sampai ke Singapura untuk orang di peringkat atasan, orang yang hidup dengan mewah, saya rasa inilah tanggungjawab kerajaan untuk menghadiahkan satu feri Malaysia kepada rakyat biasa dan saya rasa di dalam kawasan saya, banyak orang yang ingin melihat Menara Berkembar tetapi tambang pergi ke Kuala Lumpur itu begitu mahal.

Harapan saya, menteri yang baru, yang mengambil alih sebagai Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tolong kaji semula, mungkin kita boleh gabungkan negeri Sarawak, negeri Sabah, menyumbang kepada dana ini ataupun *grant* daripada kementerian sendiri ataupun bergabung dengan perusahaan daripada pihak swasta ataupun ahli-ahli korporat.

Saya rasa inilah masanya ahli korporat menyumbang kepada keutamaan yang diberi kepada golongan rakyat yang rendah sekali ataupun yang miskin supaya mereka dapat menikmati apa yang kita nikmati sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin komenkan di sini iaitu tentang isu semasa, saya sangat tertarik iaitu mengenai satu kejadian di Universiti Malaya sewaktu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita bertemu dengan pelajar-pelajar yang berdemonstrasi di depan Dewan Tunku Chansellor.

Saya mengucapkan tahniah, syabas kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana langkah yang begitu positif, langkah yang berani. Saya menyokong langkah itu.

Tuan Yang di-Pertua, ia memakai langkah ataupun konsep '*constructive engagement approach*', dengan izin, bermakna berdepan dengan pelajar-pelajar yang berdemonstrasi, mendengar masalah-masalah mereka, selain dari itu mengambil tindakan untuk memenuhi masalah yang kita dapat atasi. Begitu juga tindakan yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang ini melawat ke seluruh negara, ke setiap negeri memberi penjelasan berjumpa dengan rakyat biasa. '*Constructive engagement approach*' ini kalau boleh kita teruskan supaya kita sebagai pemimpin-pemimpin dapat berdepan dengan rakyat dan mendengar masalah dan mengambil langkah yang positif untuk mengatasi masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan ahli fikir, dalam satu buku yang saya baca, *Sogun Management*, itu *title* buku itu, author William C. Bayen Ph.D. Beliau ini pernah

bekerja 20 tahun di dalam firma-firma Jepun di Amerika Utara dan di dalam buku itu enam perkara yang penting yang beliau tegaskan di mana fakta-fakta ini yang memberi kejayaan, firma Jepun beroperasi di *North America*. Saya baca dengan izin, dalam bahasa Inggeris:

- (i) *Quality value focus;*
- (ii) *Customer orientation;*
- (iii) *Continuous improvement, dalam sebutan Jepun "khaizen";*
- (iv) *Participation and involvement;*
- (v) *People focus;*
- (vi) *Cost consciousness.*

Keenam-enam faktor ini, tiga faktor melibatkan bertemu dengan customer orientation, bertemu dengan rakyat, berdepan dengan rakyat, *participation and involvement*, bermakna melibatkan diri bersama-sama, people focus, mereka yang kita target itu, rakyat biasa, rakyat Malaysia. Itulah sebab apabila saya membaca dalam surat khabar, '*constructive engagement approach*' ini satu perkara yang sekarang ini kita harus ambil konsep.

Dahulu waktu kita di bangku sekolah, misal kata kalau guru ingin mendisiplinkan kita, dia pakai konsep *capital punishment*. Saya pernah menjadi *prefect* sekolah, jaga orang yang nakal, kerja dua jam untuk sekolah. Mungkin dalam zaman sekarang, konsep *capital punishment* tidak sesuai. *Constructive engagement approach* mungkin sesuai sedikit. Oleh kerana itu saya berharap, kita sebagai pemimpin-pemimpin harus berani berdepan dengan rakyat dan terangkan masalah yang mereka hadapi. Yang penting mereka mendengar kita berucap, bercakap banyak, dan rakyat harus mendengar dahulu supaya rakyat dapat meluahkan perasaan, mungkin itulah sebab mereka berdemonstrasi. Selepas itu kita harus tegaskan segala tingkah laku yang kita ingin ambil.

Tuan Yang di-Pertua, bukan seperti ingin menegur tetapi saya ingin memberi pandangan daripada buku ini, yang sesuai kita ambil dan kita perhatian kerana pada masa sekarang di dalam negara kita, kita menghadapi pelbagai macam cabaran. Sekarang ini saya dari Sarawak, rasa takut berjalan di Petaling Street atau di Jalan Tuanku Abdul Rahman. Dengar dahulu kalau ada demonstrasi atau tidak, kerana kalau kita berjalan, kita mahu bawa anak dan isteri. Bermakna, kita sebagai rakyat Malaysia yang telah mengalami keadaan begitu baik tidak ingin perkara yang kita tengok pada masa dahulu berlaku sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu mempertahankan keadaan ini. Saya menyarankan kepada rakan di sebelah sana daripada pihak pembangkang, jangan timbulkan perkara-perkara yang dapat mengaitkan hubungan dengan perasaan individu, masyarakat ataupun agama. Kita sudah tengok keadaan di Indonesia telah berlaku, di Timor Timur. Sebetulnya negara kita ini menjadi satu contoh, pemimpin kita menjadi contoh juga. Walaupun, di Timor Timur ada masalah negara, pemimpin kita campur tangan memberi bantuan. Perkara yang baik kita menjadikan contoh di rantau ini.

Harapan saya dalam kita melangkah ke alaf baru pemimpin-pemimpin daripada pembangkang, mungkin harus mengubahsuaikan peranan, sikap, pandangan mereka. Saya menyarankan juga dan berharap Ketua Pembangkang dan saudara rakan di sebelah sana tiap-tiap kali ber'*debate*', berbahas, tolonglah pada tahun yang akan datang tidak semestinya kita berdiri tiap-tiap kali, kita panggil itu dan ini, hantukah apa, baru orang mahu dengar.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin dalam pandangan orang biasa, kalau dia tengok taraf kita sudah jatuh sebagai pembangkang. Inilah harapan kita sebagai ahli *Back Bencher*

di sini, kalau ada masalah dalam kerajaan, kita tegurkan dan selepas itu tolong beri apakah alternatif kita selain daripada selalu mengaitkan isu-isu perkauman, isu-isu agama, kadang-kadang tidak menghormati pemimpin, tidak menghormati manusia, sebut binatang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini apabila kita melangkah ke alaf baru, kita mahu Dewan Rakyat, Dewan yang mulia ini cara kita ber '*debate*' harus ditingkatkan. Saya mohon kepada pihak pembangkang kalau sudah lama di dalam Dewan yang mulia ini *debate* secara betul-betul. Dalam tiga jam, mungkin sejam setengah menyentuh hal peribadi, menyentuh pemimpin, menjatuh moral pemimpin. Bahkan kita di dalam negara ini tiap-tiap tahun begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita kadang-kadang rasa bosan mendengar cara pembangkang. Itulah harapan saya sebagai wakil rakyat daripada kerajaan, tolong pertahankan keadaan keharmonian yang ada sekarang ini, perpaduan masyarakat yang ada sekarang ini. Perpaduan yang rakyat ingin betul-betul adakan apabila kita melangkah ke alaf baru. Harapan kita supaya pihak pembangkang jangan kaitkan isu-isu yang membawa semangat perkauman, isu-isu yang menimbulkan semula perasaan membenci, tidak suka satu dengan yang lain.

Saya rasa apabila kita melangkah ke alaf baru tinggalkan perkara ini. Saranan saya juga untuk kakitangan kerajaan, seluruh rakyat Malaysia, kita betul-betul cintakan negara ini. Kita cinta Perdana Menteri kita kerana dia yang membawa Malaysia ke satu tahap yang boleh kita kagumkan semua.

Tuan Yang di-Pertua, *deep down in my heart I respect* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana beliau dapat membawa negara kita yang kecil ini ke satu tahap yang dihormati. Kalau kita bandingkan negara Malaysia dengan negara Amerika, United States, satu negara yang kecil. Tetapi apabila Perdana Menteri berucap seluruh Amerika Syarikat seperti digoncangkan. Bermakna, kita sudah sampai ke taraf itu. Saya berharap pemimpin-pemimpin daripada pihak pembangkang jangan merendah-rendahkan moral dan maruah pemimpin-pemimpin kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya berharap untuk rakan-rakan kita daripada Kerajaan Barisan Nasional walaupun banyak cabaran Belanjawan ini satu yang mengembirakan kita semua. Kita ada semangat baru, dengan izin, *don't loose hope, don't loose our goal*, kita turun sahaja ke padang seperti dalam buku Soon Joo, *The Art Management* dalam Pelanduk Publication, muka surat 152. Ini untuk Tuan Yang di-Pertua, juga. Ada *quotation* di sana yang baik. "*Move only if there is a real advantage to gain*" dan sekarang ini *advantage* itu kepada kita kerana Belanjawan 2000 satu Belanjawan yang mengembirakan dengan izin, "*move only if there is a real advantage to gain.*" Kita banyak *advantage* sekarang, turunlah, berilah semangat, beri sokongan kepada kerajaan dan inilah harapan kita apabila kita melangkah ke arah alaf baru.

Tuan Yang di-Pertua, sekian saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat bagi Senai.

5.29 ptg.

**Datuk Lim Si Cheng [Senai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Belanjawan bagi tahun 2000 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua pada 29 Oktober lalu merupakan satu Belanjawan yang digubal selepas faktor, idea, kritik, kepentingan dan manfaat semua pihak diambil kira.

Belanjawan 2000 digubal demi kepentingan semua lapisan rakyat, kepentingan petani, nelayan, pekebun kecil, kakitangan kerajaan dan swasta, industri, korporat, pelajar, wakil pertubuhan awam, agensi kerajaan dan bukan kerajaan kesemua ini diambil kira.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, hari sudah suntuk. Yang Berhormat boleh sambung esok.

**Datuk Lim Si Cheng:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Majlis mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***